

# Amanah

UNTUK AHLI SAHAJA

**LANGGAN AKHBAR AMANAH SEGERA!**  
**PERCUMA T-SHIRT**


untuk urusan Langganan  
☎ 011 3233 4322

**Presiden AMANAH ketuai 40 calon isytihar harta**



→ ms2

**PRU 14 dijangka paling kotor**



→ ms2

**Najib silap kata isu air Selangor lebih besar dari 1MDB**



→ ms8


# PH TAWAN 5 NEGERI

“ Johor, Kedah dan Perak bakal sertai Selangor dan Pulau Pinang manakala Kelantan dikuasai BN ”

**KAJIAN** yang dibuat oleh **INVOKE** mendapati lima negeri sekurang-kurangnya akan jatuh kepada Pakatan Harapan dalam PRU 14 nanti manakala dua negeri lagi akan tergantung apabila jumlah kerusi yang dimenangi antara PH dan BN sama banyak.

Menurut kajian itu, Johor, Kedah dan Perak bakal menyertai Selangor dan Pulau Pinang manakala Kelantan yang dimenangi Pas selepas ini akan jatuh kepada BN.

**INVOKE** juga meramalkan PH akan mendapat 89 kerusi parlimen di Semenanjung berbanding BN 76 kerusi manakala PAS tidak mendapat sebarang kerusi.



**INVOKE** meramalkan PH akan mendapat lebih banyak kerusi berbanding BN di Semenanjung.

➔ **Laporan penuh muka 8**

**PROMOSI TERBARU!!**

**DAPATKAN SEGERA**

☎ 01132334322 untuk urusan pembelian

HANYA RM 30

**FAIZ FADZIL**  
**KLEPTOKRASI BUKAN RAHMAT**

HANYA RM 30

**TEKAL BERJUANG**  
MEMOIR ANUAR TAHIR

HANYA RM 35

**MUSAFIR KEROHANIAN KEMBARA KEMANUSIAAN**

HANYA RM 39

**SYURA & DEMOKRASI**  
dari perspektif Maqasid al-Shari'ah

HANYA RM 49

**ANWAR IBRAHIM**  
PENAMPILAN DEMOKRAT MUSLIM



# Tun M beri amaran: PRU14 paling kotor

**T**UN Dr Mahathir Mohamad dengan nada yang keras berkata Pilihan Raya Umum ke-14 (PRU 14) akan datang bakal menjadi pilihan raya yang terkotor dalam sejarah negara dan di mata dunia.

Ini berikutan kegagalan Jabatan Pendaftaran Pertubuhan (RoS) mendaftarkan Pakatan Harapan (PH) sedangkan dalam masa yang sama membenarkan Umno walaupun gagal mengadakan pemilihannya.

Beliau berkata RoS adalah usaha terakhir kerajaan Umno-BN di bawah kepimpinan Perdana Menteri Datuk Seri Mohd Najib Razak untuk menghalang kemaraan PH yang dianggotai PKR, AMANAH, DAP dan Bersatu itu untuk menang besar pada Pilihan Raya Umum ke-14 nanti.

"Kita sendiri dapat maklumat RoS tidak akan meluluskan penubuhan Pakatan Harapan.

"Ini adalah cara-caranya dia nak menang selain mengubah senarai pengundi dan persempadanan

kawasan pilihan raya.

"Selain untuk menangkap calon-calon berpotensi Pakatan Harapan untuk tidak bertanding dan terakhir tidak mendaftarkan Pakatan Harapan dan mengambil tindakan untuk membatalkan kelulusan PPBM.

"Dengan cara ini Najib harap dia boleh menang. Ini menunjukkan penipuan yang sedang dan akan berlaku.

"Pilihan raya diadakan kali ini tidak bersih sama sekali. Ia akan jadi pilihan raya yang terkotor dalam sejarah Malaysia dan mungkin juga dalam sejarah dunia," ujarnya dalam sidang media selepas mengadakan mesyuarat mingguan Majlis Presiden PH yang diadakan di pejabat Ketua Pembangkang di bangunan Parlimen 13 Mac lalu.

Namun Pengerusi Bersatu ini juga berkata, segala rintangan itu bukan menjadi halangan kepada PH untuk meneruskan perjuangan bagi memastikan Umno-BN tumbang pada PRU ke-14 ini.

"Kami akan teruskan persiapan



Tun Mahathir menjangkakan PRU 14 paling kotor.

untuk menghadapi PRU ini dan kami ada rancangan untuk meniadakan segala tindakan Umno-BN.

"Kami menerima banyak ide bagaimana kita boleh melawan penipuan Datuk Seri Najib.

"Ini kerana beliau takut dikalahkan kerana takut masuk penjara, Ini perkara amat penting sekali.

Beliau boleh masukkan (penjara) orang lain, tetapi beliau sendiri

tak sanggup nak masuk ke situ," katanya.

Beliau turut berkata, sama ada RoS meluluskan ataupun tidak PH akan terus kekal bersama dalam menghadapi pilihan raya dan ketika berada dalam Parlimen selepas pilihan raya.

"Jika ada usaha untuk memecahkan kami tetapi dalam parlimen kami akan bertindak

bersama.

"Jika didapati ada percubaan melantik perdana menteri yang tidak layak kami akan adakan undi tidak percaya serta merta.

"Kami percaya empat parti akan memberikan undi majoriti untuk lantikan perdana menteri kelak," ujarnya.

Bahkan Dr Mahathir mendakwa seluruh rakyat Malaysia menyokong usaha PH untuk menukar kerajaan Umno-BN.

Tun Mahathir juga mendakwa, rakyat negara ini perlu malu mempunyai perdana menteri macam Najib.

"Malang bagi negara kita mempunyai pemimpin seperti ini. Kita amat malu dengan laporan kapal mewah yang dirampas di Indonesia.

"Laporan yang disiarkan jelas berkata Najib adalah pencuri. Patut dia ambil tindakan pada orang ini. Jika tak betul samanlah.

"Tetapi sama macam Wall Street Journal (WSJ), sampai sekarang kerajaan tak saman pun," ujarnya.

## Kerana audio Nik Abduh, 2 pemimpin sertai AMANAH

**AHLI** Parlimen Pokok Sena, Datuk Mahfuz Omar mengumumkan penyertaannya ke dalam AMANAH bersama dengan bekas pesuruhjaya Pas Negeri Sembilan, Dr Rosli Yaakub.

Kedua-duanya membuat pengumuman itu di bangunan parlimen Khamis 15 Mac lepas dalam satu majlis makan tengahari sempena menjelang 45 hari janji Datuk Mahfuz.

Mahfuz mengisytiharkan keluar Pas menjelang tahun baru 2018 lalu dan sebulan selepas itu berjanji akan menetapkan parti yang akan disertai dalam masa 45 hari iaitu pada Jumaat 16 Mac 2018.

Dr Rosli yang juga bekas pengarah urusan Harakah dan ahli



Datuk Mahfuz Omar

jawatankuasa Pas pusat berkata, audio pengakuan AJK Pas Pusat, Nik Mohamad Abduh Nik Aziz menjadi punca tindakannya meninggalkan Pas.

"Pengakuan Nik Abduh bahawa Pas ada kerjasama dengan Umno dan menerima duit dari parti pemerintah itu antara sebab saya tinggalkan Pas," kata Dr Rosli kepada akhbar Mingguan Amanah menjelang majlis itu.

Mahfuz pula berkata, pengorbanan yang dibuat oleh AMANAH untuk menjayakan Pakatan Harapan (PH) telah menyebabkan beliau memilih parti pecahan dari Pas itu.

"Saya berminat untuk sertai Pakatan Harapan (PH). Kalau ada keahlian terus, saya akan daftar terus tetapi saya kena pilih salah satu dari empat parti komponennya.

"Pilihan saya adalah AMANAH kerana inilah parti yang paling

banyak berkorban untuk kejayaan PH sebagaimana yang dinyatakan oleh Tun Dr Mahathir dalam konvensyen PH sebelum ini," kata Mahfuz.

Sebelum ini, Mahfuz berkata, beliau meninggalkan Pas kerana parti itu "flip flop" atau berdolak dalih dalam banyak perkara dan menipu ahlinya menyebabkan beliau tidak tahu hala tuju sebenar.

"Sekejap kata nak lawan Umno, sekejap kata nak kerjasama,

sekejap nak bertanding semua kerusi, sekejap 130. Kemudian nak menang hanya 40 kerusi.

"Bagi saya nak menang hanya 40 kerusi ini betul-betul nak jadi tongkat Umno, sedangkan Umno sudah ditolak oleh rakyat," kata Mahfuz.

Tindakan Mahfuz dan Dr Rosli menguatkan lagi PH selepas dua tokoh iaitu Dr Mazlee Malik dan Wan Saiful Wan Jan menyertai Bersatu.

### Presiden AMANAH ketuai 40 calon isytihar harta

**PRESIDEN** AMANAH, Haji Mohamad Sabu mengetuai seramai 40 orang wakil rakyat dan calon-calon prospektif Pakatan Harapan dalam Majlis Pengisytiharan Harta dan menandatangani Akujanji Khidmat Rakyat yang dikelola INVOKE Malaysia.

\Ini adalah kumpulan kedua yang mengisytiharkan aset setelah kumpulan pertama berbuat demikian pada 19 November 2017 yang lalu, kata pengasas INVOKE, Rafizi Ramli.

\Selain Mohamad, turut serta mengisytiharkan harta pada malam itu ialah bekas MB Perak, Datuk Seri Nizar Jamaluddin dan ahli parlimen Sepang, Mohamed Hanipa Maidin.

\Turut juga membuat akujanji dalam majlis yang diadakan di The Summit, USJ itu adalah Anuar Tahir (Setiausaha Agung AMANAH), Faiz Fadzil (Timbalan Ketua Pemuda AMANAH) dan Hassan Karim (Pengerusi PKR Johor).

\Selain mengisytiharkan harta, pimpinan PH dan calon prospektif ini akan turut menandatangani Akujanji Khidmat Rakyat yang menyenaraikan beberapa syarat utama, termasuklah keperluan membayar RM20 juta sekiranya melompat parti.





Amalan bolot, bocor, boros dan bazir pentadbiran Najib jadi punca

# Tanpa GST, bajet negara sudah defisit

Oleh ARIF ATAN

**K**UALA LUMPUR: Kepincangan tata kelola kewangan negara dengan amalan '4B' mengakibatkan berlakunya defisit fiskal negara, tegas Pengarah Strategi AMANAH, Dr Dzulkefly Ahmad.

Beliau berkata, defisit fiskal dialami negara melebihi dua dekad terus meningkat sejak Najib Razak mengambil alih pentadbiran di Putrajaya pada 2009.

"Najib buat-buat tidak faham perjalanan ekonomi atau mungkin sungguh tidak faham.

"Beliau mengambil jalan mudah untuk mencekik rakyat dengan kenaikan GST (cukai barangan dan perkhidmatan) dan tarik balik subsidi untuk meningkatkan pendapatan negara.

"Mudah ceritanya, Najib jangan mengelirukan rakyat kononnya negara ini mengalami defisit kalau tidak ada GST!

"Dengan tadbir urus ekonomi Najib yang berjenama '4B' (bolot, bocor, boros dan bazir) itu, gunung pun boleh rata," bidasnya dalam satu kenyataan.

Bekas Ahli Parlimen Kuala Selangor itu mengulas dakwaan Najib kononnya Malaysia bakal menjadi 'negara defisit' jika GST tidak dilaksanakan.

"Kalau beliau (Najib) lupa, Malaysia sudahpun menjadi 'negara defisit' dari

segi mengalami 'defisit fiskal' melebihi dua dekad!

"Najib jangan hendak temberang dan menakut-takutkan rakyat tentang Greece, yang sebenarnya bankrap kerana masalah hutang khususnya yang 'disembunyi' macam Najib buat sekarang (contingent liability)," ujarnya.

Menurutnya, Najib juga membuat bajet tambahan hampir dua kali setiap tahun sejak 2009 manakala bayaran faedah bunga hutang kerajaan pusat kini mencecah RM30 bilion berbanding RM12.9 bilion pada 2007.

"Ini bersamaan 13 peratus pendapatan negara atau 75 peratus daripada pungutan GST (RM40 bilion). Jadi, pungut GST adalah untuk bayar hutang! Alahai Najib!

"Lalu, Najib jangan bermudah meningkatkan pendapatan kerajaan dengan mengenakan cukai GST yang mencekik rakyat dan sekali gus menarik beberapa bilion daripada subsidi atas barang-barang keperluan rakyat.

"Akibatnya, rakyat terbeban dengan kenaikan kos harga barang dan perkhidmatan keperluan asas seperti makanan, pengangkutan dan kesihatan," jelasnya.

Dr Dzulkefly berkata, berbilion ringgit dalam sejumlah projek pembangunan infrastruktur mega seperti Transit Aliran Massa (MRT) dan Projek Laluan Rel Pantai Timur (ECRL) dilaksanakan di luar be-

lanjawan tetapi masih dijamin kerajaan.

"Jumlah hutang seperti ini atau 'contingent liability' (CL) kini berjumlah RM226.88 bilion. Ini tetap dikira hutang kerajaan, andainya gagal dibayar.

"Hutang 1Malaysia Development Berhad (1MDB) berbilion ringgit. Contohnya, yang dijamin pinjaman bonnya oleh kerajaan, sekarang ini mesti dibayar oleh kerajaan.

"Jadi, isu sebenarnya adalah disiplin pengurusan kewangan yang jelek dan tempang oleh Najib," selarnya.

Mengulas lanjut, beliau berkata, Najib menyembunyikan perbelanjaan pembangunan dalam belanjawan setiap tahun dengan cara 'perbelanjaan di luar bajet (off-budget) atau 'off-balance sheet spending' untuk menurunkan angka defisit fiskal nisbah Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK).

Menyifatkan cara Najib itu sebagai curang, beliau memberitahu hutang kerajaan sebenarnya melebihi had statutori 55 peratus KDNK.

Jelasnya, hutang negara meningkat purata sebanyak 10.8 peratus sejak 2009 manakala pendapatan meningkat hanya pada kadar purata 4.9 peratus setahun.

"Kini hutang kerajaan pusat ialah RM687.43 bilion. Pada kadar 10.8 peratus pertumbuhan hutang, ramalan hutang kerajaan akan mencecah RM1 trilion

pada 2021!

"Perbelanjaan pengurusan terus meningkat sejak 2009 dan peruntukan untuk Jabatan Perdana Menteri mengambil jumlah sebesar RM20 bilion," tegasnya.

Sehubungan itu, Dr Dzulkefly memberi jaminan bahawa Pakatan Harapan (PH) akan mengurus kewangan negara khususnya mengatasi defisit RM25 bilion apabila GST dihapuskan.

"Banyak kaedah untuk menjana pendapatan selain cukai penggunaan, GST. Sudah kerap kami terangkan.

"Sebagai contoh, menutup lubang-lubang kebocoran akan menyelamatkan berbilion ringgit dalam urusan perolehan mega dan perbekalan pembangunan dengan tadbir urus baik seperti telah dibuktikan di Selangor dan Pulau Pinang," katanya.

Beliau menjelaskan pemansuhkan GST meningkatkan pendapatan boleh berbelanja (disposable income) rakyat apabila RM20 bilion yang tidak 'dirampas' oleh kerajaan melalui cukai enam peratus itu boleh dibelanjakan.

"Peningkatan permintaan (demand) domestik dan isi rumah akan merancakkan bekalan (supply) oleh industri dan pengilang.

"Ini sekali gus meningkatkan keuntungan korporat dan akhir peningkatan cukai korporat yang lebih tinggi dibayar kepada kerajaan," tambahnya lagi.

## Kapal Equanimity diserahkan pada Amerika Syarikat

**KUALA LUMPUR:** Polis Indonesia telah menyelesaikan siasatan mereka terhadap Equanimity yang dikaitkan dengan ahli perniagaan Jho Low seminggu selepas kapal layar mewah itu dirampas di Benoa, Bali.

Daniel Silitonga, timbalan pengarah siasatan jenayah ekonomi dan jenayah khas republik itu memberitahu Malaysiakini bahawa pasukan petugas Indonesia telah selesai berbincang dengan pasukan pendakwa dari Jabatan Kehakiman Amerika Syarikat (DOJ) untuk menyelaras penyerahan kapal layar itu.

"Kami sedang menyiapkan butir-butir teknikal berkaitan dengan siasatan itu," kata Silitonga sambil menambah mereka menjangkakan proses itu akan selesai tidak lama lagi.

Antara lain, beliau berkata polis Indonesia masih memerlukan masa untuk mengesahkan data yang diperolehi dari Sistem Pengenal Automatik (AIS) kapal dan juga senarai kehadiran anak kapal itu.

Ini berkaitan dengan tuduhan



bahawa kapten kapal layar itu dengan sengaja mematikan AIS untuk mengelakkan dikesan daripada Biro Penyiasatan Persekutuan AS.

Polis juga meneliti mengapa lima daripada 34 krew yang dis-

enaraikan, tidak berada di kapal pada masa ia dirampas.

DOJ dalam saman pelucuthakan aset mendakwa bahawa kapal layar mewah itu dibeli oleh Jho Low dengan menggunakan wang yang

didakwa diseleweng dari 1MDB.

Bagaimanapun, pihak berkuasa Indonesia menegaskan bahawa peranan mereka hanya untuk mencari dan merampas kapal itu mengikut

permintaan FBI yang dibuat pada 21 Februari.

"Adakah anda benar-benar tahu siapa pemilik kapal itu?" tanya Silitonga apabila ditanya Malaysiakini sama ada Indonesia akan menyerahkan kapal itu tanpa terlebih dahulu menghubungi pemiliknya.

"Pemiliknya telah dikesan oleh FBI sejak tiga tahun lalu," katanya.

Kapal layar mewah itu dilaporkan dimiliki oleh sebuah syarikat yang didaftarkan di Kepulauan Cayman.

Selain daripada bukti digital dan dokumen perjalanan dan pendaftaran yang dirampas, polis juga menyoalsiasat krew kapal dan kaptennya, Rolf Sieboldt-Berry, seorang warga Afrika Selatan.

Apabila dihubungi, peguam Sieboldt-Berry, Rando Purba mengesahkan bahawa pelanggannya hanya disoal siasat di bawah undang-undang antipengubahan wang haram Indonesia.



## Minda Pengarang

### Manifesto PH beri harapan kepada rakyat

**MANIFESTO** Pakatan Harapan yang dilancarkan oleh Pengerusinya, Tun Dr Mahathir Muhammad minggu lalu, bukanlah seperti 'lampu ajaib' yang sekali petik akan menerangi alam sekitarnya. Tetapi ia hanya sebuah manifesto yang disusun berdasarkan himpunan segala idea dan saranan untuk membaikpulih kehidupan rakyat Malaysia yang kini terhempas di tengah pelbagai krisis, terutamanya ekonomi.

Manifesto itu disusun begitu rupa oleh pimpinan PH dengan dibantu oleh beberapa pakar di bidang masing-masing. Ia adalah hasil pengamatan yang mendalam terhadap apa yang berlaku kepada negara yang tercinta ini, menyebabkan rakyat merasa sangat tertekan dan sukar untuk membina sebuah kehidupan yang sejahtera, walaupun Malaysia adalah negara makmur dengan hasil buminya, laut yang banyak ikan, rakyatnya yang rajin dan segalanya.

Maka Manifesto Pakatan Harapan ini yang dibukukan dengan tajuk 'Membina Negara, Memenuhi harapan' mengandungi pelbagai saranan untuk dilaksanakan jika PH memenangi PRU14 nanti.

Tentunya sangat diharapkan agar pelbagai ikrar dan saranan dalam manifesto tersebut bukan saja sampai kepada rakyat, tetapi juga difahami dan diterima oleh mereka, justeru ia memang untuk menangani masalah mereka.

Yang sangat menarik dalam manifesto tersebut, antara lain, ialah sepuluh janji yang akan dilaksanakan dalam masa seratus hari jika Pakatan Harapan memenangi PRU14, iaitu:

1. Menghapuskan GST dan mengurangkan kos sara hidup rakyat dengan pelbagai inisiatif peduli rakyat.
2. Menstabilkan harga minyak dan memperkenalkan semula subsidi petrol

secara bersasar.

3. Menghapuskan segala hutang tidak wajar yang dipaksa ke atas peneroka Felda.

4. Memperkenalkan skim caruman KWSP untuk suri rumah.

5. Menyamaratakan gaji minimum seluruh negara dan seterusnya memulakan proses meningkatkan gaji minimum.

6. Menangguhkan pembayaran balik pinjaman PTPIN kepada semua peminjam yang mendapat gaji kurang daripada RM4000 sebulan dan memansuhkan dasar senarai hitam ke atas peminjam.

7. Menubuhkan Suruhanjaya Siasatan Diraja 1MDB, Felda, Mara dan Tabung Haji serta merombak semula struktur kepimpinan mereka.

8. Menubuhkan Jawatankuasa Khas Kabinet untuk segera menyemak dan melaksanakan Perjanjian Malaysia 1963.

9. Memperkenalkan Skim Peduli sihat dengan memberi RM500 pembayaran untuk rawatan asas di klinik swasta yang berdaftar untuk golongan B40.

10. Melancarkan kajian terperinci mengenai projek mega yang di-nugerahkan kepada negara asing.

Ini intipati dari Manifesto Pakatan Harapan yang bersifat sangat merakyat.

Menghapuskan segala hutang tidak wajar yang dipaksa ke atas peneroka Felda adalah bukti di mana Pakatan Harapan berusaha untuk membela nasib peneroka Felda, walaupun diketahui bahawa selama ini pengundi di kawasan Felda menyokong Umno/BN dalam PRU selama ini, tetapi Pakatan Harapan tetap berusaha untuk membela nasib peneroka.

Kita yakin Manifesto Pakatan Harapan ini akan dibaca dan diterima oleh peneroka Felda. Itulah sebahagian penekanan yang amat penting daripada Manifesto Pakatan Harapan.

# Manifesto bukan dokumen suci

**M**anifesto Pakatan Harapan terbuka untuk dikritik atau ditolak. Ia bukan dokumen suci yang tidak boleh "disentuh tanpa wuduk". Namun begitu, sekurang-kurangnya PH berani tampil dengsn komitmen mereka untuk rakyat Malaysia.

Manifesto itu tentulah tidak mampu menjanjikan segala-galanya, tetapi sekurang-kurangnya apa yang difikir berupaya dilakukan untuk menjamin keadilan, kebebasan dan kesejahteraan untuk orang ramai sudah dimaktubkan.

Sudah tentu cabaran paling besar bukanlah menghasilkan manifesto yang tidak suci itu, tetapi mengaplikasikannya jika ditakdirkan Pakatan Harapan menang di peringkat federal.

Gagasan Sejahtera (GS) juga boleh tampilkan manifesto mereka. Buatlah komitmen apa saja yang mereka mahu termasuk pelaksanaan hudud, peminggiran orang bukan Islam, galakan poligami atau apa saja.

Serahkan kepada orang ramai untuk mengkritik manifesto GS. Jika manifesto Gagasan Sejahtera dimulakan dengan ayat al-Quran dan manifesto itu dikritik, itu bukan bertujuan mengkritik firman Tuhan.

Dalam GS ramai bijak pandai. Ayuh, tampilkan manifesto anda. Di Kedah, menteri besarnya kata,



Pencerahan Mingguan  
**TANWEER  
USBU'II**

**USTAZ ZOLKHARNAIN ABIDIN**  
Pengaruh Hal Ehwal Syariah AMANAH

manifesto GS negeri itu memplagiat dokumen hasil BN. Tidak mengapa, plagiat perkara baik bukanlah salah. Terus saja. Inilah sebahagian keistimewaan Pakatan Harapan. Berani mendedahkan diri untuk dikritik. Jika para malaikat "mengkritik" Allah dalam pemilihan Adam sebagai khalifah, apalah sangat jika team

penyedia manifesto Pakatan Harapan dikritik.

Tahniah Pakatan Harapan. Calon Perdana Menteri sudah, manifesto sudah, yang tinggal cuma pelancaran satu lambang saja. Langkah demi langkah ke hadapan tanpa menoleh lagi. Gagasan Sejahtera bila lagi?

“

**...Sudah tentu cabaran paling besar bukanlah menghasilkan manifesto yang tidak suci itu, tetapi mengaplikasikannya jika ditakdirkan Pakatan Harapan menang di peringkat federal.**



Pakatan Harapan menawarkan pakej penyelesaian terhadap pelbagai krisis yang membelit negara melalui manifesto PRU14.





# Politik hari esok

**SAYA** tertarik dengan hujah Dr Wong Chin Huat, pengkaji politik tanahair yang sentiasa merangsang pemikiran masyarakat dengan cetusan mindanya. Chin Huat pernah menyifatkan politik pembangkang tanahair sebagai "politik hari esok", iaitu pembangkang hanya boleh bersatu untuk menawan Putrajaya pada hari esok, tetapi akan berpecah seandainya perbincangan dilanjutkan kepada, "Apa selepas itu?"

"Hari selepas esok tidak boleh dibincangkan," kerana ia memecahkan gandingan parti pembangkang. Sama ada Angkatan Perpaduan Ummah (APU) dan Gagasan Rakyat pada tahun 1990-an, Barisan Alternatif pada tahun 1999, malah Pakatan Rakyat selepas Tsunami Politik 8 Mac 2008, ia tidak bertahan selama-lamanya. Ia berpecah apabila harapan pembangkang menjadi parti pemerintah di peringkat persekutuan berkecuali, dan perbezaan idea dijadikan alasannya.

Sekali imbas, ini masalahnya sebuah masyarakat yang berbilang kaum, agama, budaya dan bahasa. Kita mempunyai imaginasi masing-masing apabila memikirkan masa depan. Sekumpulan muslim mungkin mengidamkan pelaksanaan Hudud, sementara sekumpulan yang lain mahu mempertahankan sistem sekular.

Apabila dibincangkan perubahan, sesetengah golongan bumiputera gusar jikalau kedudukan istimewa mereka terganggu, sementara bukan bumiputera terus merasakan dirinya didiskriminasi sebagai golongan "warga kelas kedua".

Ketakutan dan kegusaran ini diambil kesempatan oleh golongan pemerintah, iaitu Umno-Barisan Nasional. Tatkala komuniti Cina bersedia untuk menukar kerajaan pada tahun 1990, komuniti Melayu pula takut apabila Tengku Razaleigh Hamzah, Presiden Semangat 46 ketika itu ditonjolkan sebagai pemimpin yang mengkhianati Islam, hanya dengan tengkolok yang dipakainya.

Apabila masyarakat Melayu bangkit dengan gelombang Reformasi pada tahun 1999, komuniti Cina pula ditakut-takutkan dengan negara Islam dan rusuhan kaum sebagaimana yang berlaku di Jakarta. Apabila masyarakat Cina bangkit semula pada tahun 2013, Melayu pula menambat langkanya kerana takut kerajaan baru didominasi Cina DAP.

Sesungguhnya, ketakutan ini disemai dan ditanam oleh penguasa, yang mewarisi dasar pecah dan perintah daripada penjajah British. Tetapi jikalau ketakutan ini tidak memiliki asas kewajarannya, bagaimana ia boleh menghantui masyarakat kita untuk sekian



**Siang-Malam**  
Lim Hong Siang

lama?

Hakikatnya, ketakutan ini berasal dari sistem kita yang membenarkan "pemenangnya untuk menyapu semua". Dengan kata lain, pihak yang kalah akan hilang segala-galanya. Jurangnya terlalu lebar, dan risikonya terlalu tinggi.

Cuba teliti pilihan raya kita yang mengamalkan sistem First-Past-The-Post (FPTP, sesiapa yang menang majoriti mudah akan terpilih). Sistem ini menambah unsur ketidakpastian dalam politik. Misalnya, DUN Selangor pada PRU12, peratusan undi BN jatuh dari 65% (tahun 2004) kepada 44% (tahun 2008), iaitu penurunan 21%, tetapi peratusan kerusinya berkurang secara mendadak dengan penurunan 61%, dari 96% (2004) kepada 35% (2008). Perubahan yang kecil dari segi undi telah menjana perubahan yang besar dari segi kerusi.

Masalah nisbah yang tidak setimpal antara peratusan undi

dengan kerusi menimpa kedua-dua pihak BN dan Pakatan. Ia satu sistem yang sukar ditawan, tetapi senang dipertahankan. Maksudnya, sekali sahaja kita dikalahkan, maka ia agak sukar untuk kita menawan semula.

Lebih-lebih lagi setelah pilihan raya kerajaan tempatan dimansuhkan pada tahun 1965. Pada asalnya, kita memiliki tiga peringkat kerajaan – persekutuan, negeri dan majlis tempatan. Lebih gelanggang, bermaksud lebih pemain melibatkan diri. Parti politik yang kalah di peringkat persekutuan, boleh cuba nasib di peringkat negeri. Jikalau kalah lagi, masih boleh bersaing di peringkat akar umbi – iaitu kerajaan tempatan, dan dijadikan kubu untuk bangkit semula pada masa depan.

Sehingga tahun 2008, gelanggang pilihan raya seolah-olah hanya tertumpu kepada persekutuan, selain negeri Kelantan yang dikuasai Pas. Parti yang menguasai persekutuan, hampir pasti menguasai negeri, lantas secara automatik menguasai majlis tempatan. Ahli majlis dilantik terus oleh kerajaan negeri. Parti yang kecil dan baru, kehilangan makmal untuk amali politiknya di peringkat akar umbi. Ia menyukarkan kelangsungannya.

Kesemua ini menjurus kepada ketakutan hilang kuasa jikalau ka-

lah pilihan raya. Dalam masyarakat berbilang seperti Malaysia, parti politik pula mengikat nasibnya bersama agama dan kaum – Kalah Umno, Melayu hidup melarat; Kalah Pas, Islam dihina. Kesemua sentimen ini dimainkan untuk menambat langkah rakyat Malaysia ke arah perubahan. Melayu takut hilang kuasa, Cina takut rusuhan kaum. Apabila BN dan Harapan menjanjikan perubahan yang tidak menggoyah status quo, Cina pula mempersoalkan apa maknanya perubahan itu jikalau semua kekal seperti dahulu?

Ini dilema yang membantutkan pendemokrasian politik Malaysia. Justeru itu, kita harus berani membincangkan politik selepas hari esok, iaitu "Apa seterusnya?" Untuk itu, ketakutan dan kegusaran perlu dihapuskan dalam sistem, dengan rombakan yang menyeluruh. Semua pihak harus ada tempatnya, tidak kira menang atau kalah, agar politik kita menjadi matang dan rasional. Apabila Umno yang ditumbangkan sedar bahawa dirinya berpeluang untuk bangkit semula, maka tiada alasan untuk mereka merusuh.

Dengan ini, moga politik kita kembali kepada persaingan dasar, dan bukan politik yang hanya berkisar pada kaum dan agama. Untuk itu, Pakatan Harapan telah menawarkan Buku Harapannya.

## Dr Mujahid terus kukuh di Parit Buntar

**K**omponen parti dalam Pakatan Harapan yang akan menghantar calonnya untuk bertanding dalam PRU14, tentunya diharapkan calon berkualiti dan berpotensi untuk menang.

Maknanya, calon itu tidak saja berkualiti dengan kelulusan yang tinggi dan daya intelektualnya tinggi, tetapi juga berpotensi untuk menang dan terbiasa berada di tengah rakyat.

Tidak berlebihan jika saya mengatakan bahawa Naib Presiden AMANAH, Datuk Dr Mujahid Yusof Rawa – wakil rakyat Parit Buntar sekarang dan akan bertanding di kawasan itu lagi - mempunyai kemampuan untuk menang dengan kualiti intelektualnya yang tinggi, sentiasa berada di tengah rakyat, memahami dengan jelas akan politik tanah air, lebih-lebih lagi dari perspektif Islam, justeru melalui sejarahnya yang panjang sejak lama dulu dalam Pas. Malah ia mendukung sebuah



**CETUSAN MINDA**  
ABDUL SHUKUR HARUN

cita-cita besar ayahandanya, Almarhum Tuan Haji Yusof Rawa, seorang tokoh politik – bekas Muryidul Am Pas - dan diplomat.

Dr Mujahid mewarisi kepimpinan ayahandanya, malah beliau adalah gabungan bakat dan semangat perjuangan ayahandanya, ditambah dengan pemahaman politik moden yang sangat dinamik, tajam penuh pertentangan.

Insyallah Dr Mujahid akan bertanding lagi di parlimen Parit Buntar juga, atas tiket AMANAH/Pakatan Harapan. Beliau sangat dikenali oleh rakyat, terutama di Parit Buntar, justeru dia sentiasa berada di tengah rakyat kawasan. Malah ketika banjir melanda Pulau Pinang dan kawasan

sekitarnya, beliau berada bersama orang ramai yang menolong mangsa banjir. Parit Buntar tidak jauh dari Pulau Pinang, malah beliau berasal dari Pulau Pinang.

Dalam beberapa ucapannya di program Nunji anjuran AMANAH, saya sangat tertarik dengan pandangannya, terutama politik Islam masa kini, Malaysia baru tanpa perkauman.

Bagi sesetengah pihak yang penuh prejudis, melihat pandangan dan pendekatan Dr Mujahid ini digelar sebagai pandangan Liberal Muslim. Tetapi tidak mengapa, kerana, saya kira pandangan yang penuh sentimen ini, sedikitpun tidak menjejaskan kewibawaan atau reputasinya, sebagai pemimpin politik dan intelektual yang berwawasan.

Dr Mujahid adalah permata yang berkilau, di manapun diletakkan, ia tetap bersinar, justeru ros itu, walau dibubuh apa nama-pun, ia tetap harum.

Ucapan beliau di parlimen



begitu bermutu, menyebabkan amat sukar disanggah, malah speakerpun jarang menggonggonyanya.

Itulah Dr Mujahid, paduan kepimpinan yang menyerlah, daya intelektualnya tinggi, berwawasan dan berjuang dengan penuh strategi.

Belum lama dulu, Dr Mujahid menyampaikan sumbangan dalam program Kembara Harapan di Dun Titi Serong, Parit Buntar dan beberapa program lain mendekati rakyat.

Beliau berkata, AMANAH Parlimen Parit Buntar telah pun bersiap sedia untuk menghadapi PRU14 tidak lama lagi. Dengan kerjasama yang erat antara semua komponen dalam PH di Parlimen Parit Buntar, dan dengan sokongan rakyat, beliau optimis akan memenangi kembali kawasan itu.

Dengan kualiti kepimpinan, tahap intelektualnya yang tinggi, wawasannya yang jelas, kita yakin, Insyallah, Dr Mujahid akan mengulangi kemenangannya di Parit Buntar.



# Malaysia berdepan krisis integriti

**KUALA LUMPUR:** Presiden Transparency International-Malaysia, Datuk Akhbar Satar berkata Malaysia berdepan 'krisis integriti' susulan laporan tentang kebocoran wang di badan-badan kerajaan.

"Bilakah Malaysia akan ambil pengajaran?" kata presiden badan ketelusan antara-bangsa itu.

"Sudah banyak laporan Ketua Audit Negara diterbitkan, tetapi kita tidak pernah ambil pengajaran. Kita selalu berbalik kepada cara dulu," ujarnya dipetik FMT.

Akhbar mengulas laporan berkenaan kebocoran yang masih banyak berlaku di kementerian dan jabatan kerajaan.

Baru-baru ini, Timbalan Pesuruhjaya Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) Datuk Azam Baki berkata faktor 'ketirisan' menyebabkan sebuah kementerian kehilangan hampir 40% dananya.

"Para pengarah dan ketua jabatan harus pantau kerana kebocoran



Akhbar Satar

**“Anda harus menjaga orang bawahan anda. Anda sendiri harus tunjukkan contoh yang baik. Jika anda tidak ada integriti, saya tidak rasa kabinet anda akan mengikut jejak anda.”**

dan kelemahan ini perlu dibetulkan," kata Akhbar di pelancaran Laporan Penilaian Business Integrity Country Agenda (BICA) untuk Malaysia.

Beliau menegaskan integriti penting bagi mana-mana operasi dan oleh itu para pengarah dan ketua jabatan berperanan besar dalam menentukan tahap integriti jabatan.

"Anda harus menjaga orang bawahan anda. Anda sendiri harus tunjuk-

kan contoh yang baik. Jika anda tidak ada integriti, saya tidak rasa kabinet anda akan mengikut jejak anda.

"Jadi, kepimpinan melalui teladan sangat penting, pastikan tiada lagi kebocoran," tegas beliau.

Akhbar berkata terdapat banyak kelemahan dalam proses pemerolehan, dan daripada kelemahan itulah kebanyakan wang daripada amalan korupsi dibuat.

"Anda boleh mendapatkan wang dengan banyak melalui pemerolehan. Ahli politik atau pegawai kanan kerajaan memandang ini sebagai lombong emas untuk memperoleh wang dengan mudah.

"Malangnya, kita tidak boleh wujudkan pun jawatankuasa pengawasan seperti di luar negara, kerana di Malaysia 'pak turut' pasti ada dan mereka hanya membazirkan masa dan wang," katanya.

## Felda dapat semula tanah, projek KLVC diteruskan

**KUALA LUMPUR:** Pengerusi Felda Tan Sri Shahrir Samad 9 Mac lalu mengumumkan kesemua 16 lot tanah di Jalan Semarak yang telah dipindah milik untuk pembangunan Kuala Lumpur City (KLVC) telah dikembalikan semula kepada Felda.

Menurut Shahrir, 17 lot tanah telah dipindah milik kepada syarikat Synergy Promenade Sdn Bhd (SPSB) melalui empat perjanjian jual-beli-pembelian pada 2015 dan 2016 tetapi hanya 16 lot telah didaftarkan atas nama SPSB.

"Sebanyak 16 lot telah didaftarkan pada pelbagai tarikh. Akhirnya, selepas pelbagai proses dan rundingan sehingga semalam (8 Mac), kami dapat memperoleh semula lot atas nama Felda," katanya pada sidang akhbar di Menara Felda di sini.

Isu mengenai pemilikan tanah Felda terdetus pada Disember lalu selepas sebuah akhbar mendedahkan bahawa Felda berisiko kehilangan tanahnya bernilai RM270 juta untuk pembangunan KLVC melalui transaksi pemindahan yang meragukan dari tahun 2015.

Shahrir berkata kaveat kesemua lot tanah berkenaan telah dilaksanakan bulan lepas untuk membolehkan status itu ditukar kepada nama Felda.

"Kami membuat pendaftaran pada 2 Mac 2018 untuk 14 lot dan dua lagi lot telah didaftarkan semalam (8 Mac)," katanya.



Shahrir berkata, Felda memperoleh semula tanah itu selepas menandatangani memorandum persefahaman (MoU) dengan SPSB pada 15 Jan tahun ini.

MoU itu menggariskan tiga perkara iaitu SPSB memulangkan tanah itu kepada Felda untuk pendaftaran semula tanpa kos; kedua belah pihak mempertimbangkan untuk memperbaiki perjanjian pembangunan tanah; siasatan polis terhadap urusan niaga tanah itu diteruskan.

Shahrir berkata, berikutan perubahan nama dalam tajuk tanah, Jawatankuasa Khas Rundingan yang dilantik pada 8

Feb akan memulakan rundingan dengan syarikat pemaju untuk memperbaiki terma dan syarat perjanjian pembangunan tanah.

Jawatankuasa itu, jelas beliau terdiri daripada wakil Unit Kerjasama Awam Swasta (UKAS) dan Lembaga Pengarah Felda.

Tanah Felda di Jalan Semarak terdiri daripada 24 lot dengan keluasan seluas lapan hektar.

Shahrir enggan mendedahkan nilai 24 lot dan berulang kali mengatakan bahawa ia akan ditentukan dan dinilai oleh Jabatan Penilaian dan Perkhidmatan Harta.

## Syarikat konsesi lantikan BN punca krisis air Selangor

**SHAH ALAM:** Syarikat Pengeluaran Air Sungai Selangor Sdn Bhd (Splash) perlu bertanggung jawab terhadap kegagalan menyediakan sistem pemantauan dan seliaan berkala bagi memastikan gangguan bekalan air di Selangor tidak berlaku.

Ketua Pemuda AMANAH Selangor Abbas Azmi berkata, gangguan bekalan air membabitkan 500,000 pengguna di Selangor tidak akan berlaku jika syarikat konsesi lantikan kerajaan BN negeri itu lebih bertanggung jawab dan tidak hanya mementingkan keuntungan.

Menurut Abbas, Splash yang bertanggungjawab menyelia dan membekal air bersih tidak menitikberatkan soal kualiti dan keselamatan keseluruhan loji sehingga mengakibatkan sistem mampatan udara di loji air pecah.

Isi rumah di daerah Petaling, Klang, Shah Alam, Gombak, Hulu Selangor, dan Kuala Langat mengalami gangguan bekalan air sejak 6 Mac lalu.

Orang awam dimaklumkan gangguan bekalan air berjadual akan berlaku di kawasan-kawasan terjejas bagi memudahkan kerja-kerja membaik pulih peralatan kritikal dijalankan di Loji Rawatan Air (LRA) Sungai Selangor Fasa 3 (SSP3) untuk tempoh 10 jam pada 6 Mac.

LRA SSP3 diurus oleh Splash, yang diberi konsesi 30 tahun oleh kerajaan negeri BN pada Januari 2000 untuk membina, menjalankan dan menyenggara SSP3.

Teras perniagaan Splash ialah pengeluaran air terawat, yang dijual secara pukal kepada Syarikat Bekalan Air Selangor Sdn Bhd (Syabas).

Abbas juga kesal kerana ketika proses membaik pulih peralatan selama seminggu ini dijalankan, Splash tidak membantu Syabas menyalurkan penghantaran bekalan air ke kawasan-kawasan yang mengalami keputusan bekalan air.

"Di Shah Alam misalnya, premis perniagaan seperti restoran banyak yang terpaksa ditutup sementara kerana ketiadaan air.

"Mereka juga menanggung kerugian akibat masalah ini. Apa tindakan Splash dalam menangani isu ini?"

"Di masa yang sama ada pula sekumpulan rakyat mewakili parti tertentu cuba menanggung di air keruh dengan menyalahkan kerajaan negeri sedangkan masalah berpunca daripada syarikat konsesi air lantikan kerajaan BN," ujarnya.



# MINGGUAN AMANAH



**WAJAH BARU!**

**TEPAT RINGKAS TERKINI.**

**UNTUK LANGGANAN TERUS KE RUMAH ANDA HUBUNGI 011 3233 4322**

**DAPATKAN SEGERA!!**



# Jika palsu, samanlah media asing

**KERAJAAN** harus mengambil tindakan terhadap media asing yang didakwa menyebarkan berita palsu berkaitan 1 Malaysia Development Berhad (1MDB).

Presiden Bersatu, Tan Sri Muhyiddin Yassin berkata, laporan media asing yang mendedahkan mengenai 1MDB sejak dua tahun lalu perlu diambil tindakan.

"Mengapa MCMC tidak mengambil tindakan terhadap pihak dan media antarabangsa mengenai laporan 1MDB. Sudah dua tahun laporan yang dikeluarkan pihak berkenaan,"ujarnya dalam sidang media diadakan di ibu pejabat Bersatu di Petaling Jaya.

Beliau memberikan komen kenyataan Timbalan Menteri Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia (SKMM) Datuk Seri Jailani Johari yang dipetik berkata, Kementerian Komunikasi dan Multimedia memberi amaran akan mengambil tindakan terhadap mana-mana pihak yang terus menyiarkan berita palsu terutamanya berkaitan 1MDB.

Sehingga kini, sudah 53 media asing yang membuat laporan mengenai 1MDB.

Jailani sebelum ini mendakwa, media asing menyiarkan berita palsu tentang 1MDB kerana mahu mencemarkan nama baik Perdana Menteri Datuk Seri Najib Razak menjelang pilihan raya, kata Jailani 11 Mac lalu.

Jailani memberi amaran kepada media asing supaya menghentikan penyiaran berita palsu mengenai 1MDB yang terpalit skandal hutang



*Dalam sidang medianya, Muhyiddin menuntut supaya kerajaan menyaman media asing jika benar mereka menyebarkan berita palsu mengenai 1MDB.*

dan dakwaan wangnya dirompak dan digunakan untuk membeli kapal layar mewah dan menerbitkan filem.

"Kementerian telah kenal pasti beberapa portal berita dalam talian cuba menyemarakkan kembali isu 1MDB, susulan rampasan kapal layar mewah itu. Antara portal itu adalah Wall Street Journal, New York Times, The Economist, Australian Broadcasting Corporation (ABC) dan terbaharu MSNBC.

"Kerajaan sedang berusaha untuk menangani gejala fitnah dan berita palsu dalam negara, sebaliknya beberapa isu pula disemarakkan oleh

sumber-sumber dari luar negara," kata Jailani seperti dipetik akhbar Sinar Harian.

Katanya, berita palsu mengenai 1MDB dikesan sejak minggu lepas.

"Kita percaya ini adalah sebahagian daripada usaha pihak tertentu yang mempunyai agenda politik, yang cuba fitnah dan mencemarkan nama baik perdana menteri kita menjelang PRU14 (Pilihan Raya Umum ke-14) tidak lama lagi," kata Johari.

Katanya, kementerian sedang memantau situasi itu menerusi Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia (SKMM) dan menasihati portal berke-

naan segera menghentikan penyiaran berita palsu mengenai 1MDB.

Isu 1MDB yang pernah diterajui Najib kembali hangat diperkatakan minggu lepas selepas pihak berkuasa Indonesia menyita kapal layar mewah milik ahli perniagaan Low Taek Jho di Bali.

Menurut laporan media, pihak berkuasa menyita kapal layar itu kerana permintaan penyiasat AS dalam salah laku dan rompakan dana 1MDB.

Pada 1 Mac lepas, Wall Street Journal mendedahkan butiran email peraih dana Republikan meminta bayaran sehingga AS\$75 juta daripada Low untuk menghentikan siasatan AS ke atas 1MDB.

Akhbar perniagaan Amerika itu mengatakan ia email itu mengandungi perbincangan antara penderma Republikan dan sekutu baik Presiden Donald Trump, Elliot Broidy dan isterinya, Robin Rosenzweig, seorang peguam.

Saluran berita Amerika, MSNBC turut melaporkan rampasan kapal layar Low, Equanimity.

Penyampai berita stesyen itu, Rachel Maddow juga menyimpulkan bagaimana AS\$680 juta ditemui dalam akaun peribadi Najib dan tiada tindakan diambil kerana ia "derma keluarga diraja Arab Saudi".

Majalah The Economist pula menyiarkan laporan bertajuk "Malaysia's PM is about to steal an election" pada 8 Mac lalu, menyatakan kerajaan pemerintah dijangka terus menang PRU14 walaupun AS\$4.5 bilion milik dana pelaburan negara hilang.

## Najib silap kata isu air Selangor lebih besar dari 1MDB

**PEMUDA** AMANAH Selangor menyifatkan perdana menteri Datuk Seri Najib Razak silap jika beliau beranggapan isu bekalan air Selangor lebih besar berbanding skandal 1MDB.

Ketua Pemuda AMANAH Selangor, Abbas Azmi dalam satu kenyataannya berkata, jika Najib menganggapi dengan hujah air ini dapat memalukan Datuk Seri Mohamed Azmin Ali sebagai menteri Besar Selangor ia adalah silap bahkan rakyat akan tertawa dengan hujahan balas Najib itu.

"Kenyataan Najib yang mengatakan berhutang itu tidak mengapa yang penting boleh dibayar juga satu kenyataan yang dangkal.

"Benarlah kenapa kerajaan BN hari ini tidak mahu memberi pendidikan percuma kerana Kerajaan BN hari ini berminat untuk menjadikan rakyat suka berhutang walaupun kepada anak-anak yang sedang menuntut di IPT," kata Abbas dalam kenyataan itu.

Katanya, rakyat Selangor menikmati air percuma sejak kerajaan negeri diambil alih oleh Pakatan dan kini sedang cuba diikuti oleh BN dan Pas.

"Nyatalah Kerajaan BN hari ini tidak mementingkan kebajikan rakyat bahkan menjadikan skandal mega 1MDB yang masyhur di seantero dunia sebagai satu

perkara yang enteng walaupun ia melibatkan dana awam,"katanya merujuk kepada 53 media seluruh dunia sudah melaporkan kebobrokan 1MDB.

Manakala isu Air, katanya, hanyalah mainan politik bagi menimbulkan kebencian rakyat kepada kerajaan Negeri Selangor walaupun isu itu hanya memakan masa tidak sampai 1 minggu dapat diselesaikan.

Sedangkan di masa yang sama didapati banyak tempat dan negeri negeri yang masih tidak mendapat bekalan air bersih bahkan di Pahang pun masih ada tempat yang tidak mendapat bekalan air yang sempurna, dakwa Abbas.

"Rakyat tidak ada pilihan kecuali memilih HARAPAN pada PRU yang akan datang. Dengan menukar kerajaan nanti saya berkeyakinan kebajikan rakyat lebih terbela dan segala kemusnahan yang telah dilakukan Umno/BN dapat kita pulihkan," kata beliau.

Di parlimen baru-baru ini berlaku pertikaman lidah antara Najib (Pekan) dan Azmin (Gombak) selepas Gombak bertanyakan isu hutang negara dan mengaitkan dengan skandal mega 1MDB.

Jawapan Najib amat memeranjatkan apabila menyatakan isu air di Selangor lebih besar dari 1MDB.

"Mewakili Pemuda AMANAH Negeri Selangor, kami melihat jawapan Najib ti-

dak memahami soalan Azmin dan mengaitkan Isu air di Selangor. Dua perkara yang sangat berbeza," kata Abbas.

Katanya, isu air di Selangor pada minggu lepas adalah berpunca dari Sistem mampatan air yang rosak dan loji membekal air bersih ini diselenggara oleh pihak Splash.

Penstrukturan Air yang belum dimuktamadkan kerana karehna birokrasi menyebabkan kerajaan negeri belum berjaya mengambil alih Splash ini.

Dan perlu diingatkan Isu air ini telah selesai dan seramai 500,000 pengguna telahpun menerima air seperti sedia kala.

"Di Selangor pengguna mendapat air percuma dan ini banyak membantu rakyat dalam mengurus kehidupan seharian," katanya.

Isu 1MDB pula, katanya, sudah terkenal di dunia akibat salah laku dan berbaur penyelewengan dana awam.

Sehingga kini isu ini tidak boleh dibahaskan di parlimen walaupun skandal ini melibatkan berbillion ringgit dana awam, katanya.

"Hari ini rakyat sangat terkesan dengan isu kenaikan harga barang, penarikan subsidi minyak dan GST. Semua ini berlaku serentak dengan dengan skandal mega 1MDB," katanya.

## Kajian Invoke: PH tawan 5 negeri

**K**edah, Perak dan Johor dijangka akan ditawan Pakatan Harapan (PH) selain terus mengekalkan Selangor dan Pulau Pinang dalam Pilihan Raya Umum ke-14 berikutan tsunami Melayu, kata badan pemikir Invoke berdasarkan kajian.

Dewan Negeri Melaka dan Negeri Sembilan pula dijangka akan tergantung dengan PH dan BN masing-masing mendapat jumlah kerusi yang sama, kata Pengarah Invoke Rafizi Ramli ketika membentangkan kajian di forum "GE14 Prediction Forum: What The Big Data Tells Us?" Kuala Lumpur.

Barisan Nasional (BN) pula akan menang bersih di Terengganu, Kelantan dan Perlis selain mengekalkan kuasa di Pahang.

Manakala Pas tidak akan menang sebarang kerusi persekutuan.

Menurut kaji selidik berasaskan terhadap 2,000 responden mendapati sokongan Melayu terhadap BN menurun kepada

28.5% bulan lalu berbanding 41% pada Disember tahun lepas.

Sokongan Melayu terhadap PH naik kepada 14.1% berbanding 9.9% dalam tempoh sama.

Dalam pada itu, jumlah pengundi atas pagar meningkat dari 11.9% kepada 17%.

Jumlah pengundi yang mengelak menjawab parti mana yang akan mereka undi pula kekal pada 22%.

Rafizi mendakwa yang penurunan sokongan pengundi Melayu dengan kadar 6% setiap bulan antara Disember dan Februari itu, hanya pernah berlaku menjelang pilihan raya umum 1999 ketika Pas menawan dua negeri.

"Ini menunjukkan gelombang Melayu (terhadap PH)," katanya.

Di Semenanjung Malaysia, PH dijangka memenangi 89 kerusi Parlimen berbanding BN iaitu 76.

Kaji selidik itu juga menjangka kemenangan besar buat BN di Terengganu, Kelantan dan Perlis.

PH pula dijangka menang 15 kerusi Dun Pahang berbanding BN iaitu 27.



# Pakatan membawa sinar harapan kepada peminjam PTPTN

**A**ntara manifesto PH yang dilancarkan pada Khamis lepas adalah untuk memansuhkan dasar senarai hitam ke atas peminjam PTPTN selain daripada menanggungkan pembayaran balik PTPTN ke atas peminjam yang bergaji RM4000 ke bawah sebulan.

PTPTN telah melaksanakan dasar senarai hitam peminjamnya semenjak pindaan undang-undang dibuat yang telah berkuatkuasa mulai 1 Januari 2016. Melalui pindaan kepada Seksyen 22A Akta Perbadanan Tabung Pengajian Tinggi Nasional 1997 (Akta 566). Ketua Eksekutif PTPTN hanya perlu mengeluarkan perakuan kepada Ketua Polis Negara atau Ketua Pengarah Imigresen untuk melarang peminjam daripada meninggalkan Malaysia.

Dengan perakuan tersebut semata-mata PTPTN sudah boleh melarang peminjam tersebut untuk keluar negara. PTPTN tidak perlu mendapatkan apa-apa perintah Mahkamah bagi menguatkuasakan larangan tersebut. Tambahan lagi, Seksyen 22A itu juga telah memasukkan klausa khas bahawa mana-mana pegawai PTPTN, pegawai PDRM atau imigresen atau mana-mana pegawai penjawat awam yang terlibat dengan penyenaian hitam ini tidak perlu bertanggungjawab terhadap hutang tersebut. Ini seolah-olah jika berlaku kesilapan atau kecuai-an sekalipun, pegawai PTPTN, PDRM atau imigresen akan dilepaskan oleh undang-undang. Undang-undang gubalan BN ini telah memberikan



kekebalan penuh ke atas mereka dan orang yang teraniaya akibat kecuai-an dan kesilapan itu tidak akan dapat menuntut sebarang gantirugi.

Menurut Pekeliling PTPTN Bil. 1/2016 bertajuk "Penguatkuasaan Larangan Keluar Negara Terhadap Peminjam Ingkar PTPTN" menyatakan bahawa mana-mana peminjam yang mempunyai hutang tertunggak akan disenaraihitamkan oleh Jabatan Imigresen. Peminjam ini akan dihalang daripada keluar negara atau memohon atau membarui pasport. Tidak pula dinyatakan berapakah kadar hutang tertunggak yang boleh disenaraihitamkan ini. Boleh jadi sesiapa yang mempunyai tunggakan sebulan pun boleh disenaraihitamkan. Ini boleh mendatangkan kepayahan dan kesusahan kepada peminjam.

Ketua Pengarah Imigresen, Datuk Mustafar Ali dilaporkan telah memberikan kenyataan bahawa setakat November, 2017 seramai 447,890 daripada 790,186 rakyat Malaysia telah disenaraihitamkan pihak imigresen adalah peminjam PTPTN. Jumlah ini agak membimbangkan kerana separuh daripada yang disenaraihitamkan adalah peminjam PTPTN. Maka, rata-rata yang disenaraihitamkan ini adalah anak-anak muda. Anak-anak

muda gemar untuk mengembara ke luar negara.

Mengembara boleh menambahkan pengalaman dan ilmu. Seharusnya anak muda digalakkan untuk mengembara bukan untuk menyekat mereka. Banyak lagi cara lain untuk mengutip hutang. Tambahan lagi, kos untuk mengembara pada masa kini sudah banyak berkurangan dengan perkembangan pesat industri penerbangan murah seperti AirAsia dan kemudahan tempat tinggal seperti AirBnB.

PTPTN dalam laman web mereka menyatakan tindakan senarai hitam akan dikenakan kepada kepada mana-mana peminjam yang mempunyai tunggakan bayaran balik pinjaman. Peminjam juga tidak akan diberitahu atau dihantar surat atau notis pemberitahuan bahawa mereka telah disenaraihitamkan.

Peminjam perlu menyemak sendiri nama mereka di dalam talian melalui portal rasmi PTPTN dan Jabatan Imigresen. Peminjam yang disenaraihitamkan hendaklah berunding dengan PTPTN dalam tempoh 7 hari sebelum ke luar negara bagi mengelakkan sekatan di lapangan terbang atau di pintu sempadan.

Menurut PTPTN, peminjam dikehendaki membayar keseluruhan hutang pinjaman atau keseluruhan tunggakan termasuk semua kos yang dikenakan sebelum nama mereka dikeluarkan daripada senarai hitam. Sekiranya tidak mampu, peminjam



boleh berunding dengan PTPTN dengan membuat apa-apa jumlah yang dipersetujui oleh PTPTN dan penstrukturan semula pinjaman atau kaedah lain yang dipersetujui oleh kedua-dua pihak.

Ramai peminjam telah menyuarakan rasa tidak puas hati dengan dasar ini. Dasar ini menyusahkan peminjam yang kadang-kala telah menempah tiket ke luar negara lebih dari setahun kerana inginkan tiket murah. Bayangkan jika di saat akhir peminjam itu telah disenaraihitamkan maka kemungkinan besar tiket dan tempahan penginapan yang dibeli itu akan sia-sia. Maka, kerugian yang dialami oleh peminjam itu tidak akan digantikan oleh PTPTN.

Sekurang-kurangnya PTPTN boleh lebih berperikemanusiaan dalam hal ini dengan memberikan notis bertulis kepada peminjam sebaik sahaja nama peminjam itu disenaraihitamkan. Seperka lagi, proses senarai hitam ini boleh dibuat oleh PTPTN tanpa perlu PTPTN mendapatkan perintah Mahka-

mah terlebih dahulu.

Memberikan kuasa kepada PTPTN untuk menyenaaraihitamkan peminjam boleh membuka ruang kepada salah guna kuasa. PTPTN boleh menindas peminjam dengan mengenakan pelbagai syarat yang tidak munasabah. Kuasa yang luas yang diberikan kepada PTPTN ini tidak mempunyai mekanisme semak danimbang. Akhirnya, anak muda terpaksa menerima apa jua syarat yang dikenakan semasa berunding dengan PTPTN sehingga menyebabkan kepayahan hidup untuk mereka. Mereka mungkin terpaksa menggali hutang lain untuk menjelaskan hutang PTPTN.

Maka, atas dasar ini PH telah memberikan harapan baharu kepada anak muda. Bukan hasrat PH untuk menggalakkan anak muda untuk tidak membayar hutang. Hasrat PH adalah untuk mengurangkan beban dan kerunsingan anak muda. Sudahlah usaha untuk mendapatkan kerja dan gaji yang setimpal dengan kelulusan agak sukar pada zaman sekarang, ditambah pula dengan beban senarai hitam ini boleh menyebabkan anak muda terus ditindas.

Justeru, anak muda sewajarnya tidak teragak-agak untuk mengundi PH pada kali ini. Berikanlah peluang kepada PH untuk membuktikan janji ini menjadi satu kenyataan. Tumbanglah kerajaan BN yang ada pada hari ini untuk kemakmuran pada masa hadapan.

## Jakim bakal jadi institusi Islam paling dihormati selepas PH menang

**JABATAN** Kemajuan Islam Malaysia (Jakim) diyakini bakal menjadi intitusi Islam yang dihormati di Malaysia selepas Pakatan Harapan mengambil alih Putrajaya nanti.

"Kami percaya, pendekatan Pakatan Harapan semasa memerintah nanti, Institusi Islam di Malaysia seperti Jakim akan dihormati dan menjadi sebagai model dakwah Islam yang terbaik di dunia," kata Wan Ji Wan Hussin.

Pendakwah dan ahli politik yang kini aktif di Pulau Pinang dalam satu kenyataannya berkata, perkara penting yang perlu dilakukan dalam Jakim di seluruh Malaysia adalah mewujudkan usaha dan pendekatan yang bersifat rahmat sepertimana aturan Nabi, agar Islam di Malaysia semakin berkembang bukan sebaliknya.

"Demi melihat Islam diterima, bukan dibenci, sudah pasti pendekatan diusahakan oleh Pakatan Harapan amat berbeza dengan pendekatan yang telah dibawa oleh kerajaan

Barisan Nasional, malahan berbeza dengan PAS yang cenderung dengan amalan takfiri sesama muslim," katanya.

Bagi beliau, pendekatan yang diambil PH dan mengamalkan budaya dialog dan bukan melebel lawan akan lebih berjaya.

"Malahan, dalam Pakatan Harapan terdapat ramai guru-guru agama, para ustaz dan Ulama yang mengambil pendekatan dialog dan wacana ilmu dalam berhadapan perbezaan pendapat dan agama.

"Ini jelas adalah amalan dan pendekatan Nabi saw," katanya.

Bagi beliau, pendekatan yang diambil oleh Intitut Kajian Strategik Islam Malaysia (IKSIM) yang didanai kerajaan akan menjauhkan lagi Islam.

"Dalam negara ini, terdapat badan bernama IKSIM yang didanai kerajaan yang mereka suka melabel muslim yang berbeza pendapat dengan mereka sebagai liberal dan Non Muslim

sebagai anti Islam.

"Pada kami, pendekatan ini tidak ikut cara Nabi, kerana ia boleh menjauhkan manusia dari Islam," kata Wan Ji.

Sehubungan itu, Wan Ji berkata, timbalan menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dr Asyraf Wajdi perlu sedar bahawa ajaran Quran menjelaskan bahawa Islam menang adalah

apabila Islam semakin diterima secara berbondong-bondong.

Perkara ini ditegaskan oleh Al-Quran menerusi surah al-Nasr, ayat 1 dan 2, katanya.



Netizen macam laporan BH

# Isu air bukan sahaja di Selangor

Oleh HUSIN MAHAT

**K**UALA LUMPUR: Muak dengan laporan media pro-BN yang memberikan laporan negatif terhadap usaha Kerajaan Negeri Selangor menambahbaik infrastruktur bekalan air bersih di negeri itu, majoriti netizen memberikan reaksi negatif terhadap laporan utama Berita Harian (BH), 8 Mac lalu.

Dengan tajuk berita "Kegagalan besar kerajaan Selangor", BH memetik kenyataan Perdana Menteri Datuk Seri Najib Razak yang memberi jaminan bahawa 5 kelemahan kerajaan negeri boleh diselesaikan sekiranya BN dapat merampas semula Selangor.

Lima kelemahan yang digariskan Najib adalah masalah bekalan air yang berlarutan; harga rumah yang tinggi, pelbagai cukai yang membebankan rakyat, pengurusan sampah yang lemah dan pencemaran sungai punca peningkatan penyakit berjangkit.

Setakat jam 5 petang 8 Mac, berita yang dimuat naik di facebook BH Online itu menerima 4900 like namun majoriti netizen yang

memberikan komen mengecam laporan tersebut.

Abu Lunnyong sebagai contoh menulis, "Sabah Sarawak berpuluh tahun kwsn pedalaman tak de air, adakah berpunca drpd pembangkang?"

Zana Zira menempelak laporan itu, "...rumah aku elok je ade air, yg terkesan sikit je n kejam je, ...cukai GST je yg membebankan, sampah sentiasa dikutip xde masalah..."

Muhammad Azam Azuar Mazlan mencatat, "Aku pengundi di Serdang Selangor. Aku akan pangkah kerajaan negeri sedia ada, cakap banyak tak guna,"

Malah John Labu memetik laporan media berhubung masalah bekalan air yang dihadapi rakyat negeri Pahang, negeri kelahiran perdana menteri.

Muhamad Azmani pula menulis, "Halo mbe2 selangor semua ok je xde masalah dorg pg keje steady je mandi..ni semua auta dari tv3, akhbar dan rtm, semua hak pembangkang buruk belaka xde apa yg baik."

Sementara itu, Pengarah Komunikasi Strategik Pejabat Menteri Besar Selangor Yin Shao Loong



dalam satu kenyataan media 8 Mac lalu berkata, masalah keputusan bekalan air yang dihadapi sebahagian penduduk Selangor diberi perhatian serius kerajaan negeri.

"Menteri Besar Selangor, Dato' Seri Mohamed Azmin Ali telah

memanggil pegawai Pengurusan Air Selangor Sdn Bhd (Air Selangor) sebelum mesyuarat Exco (7 Mac), untuk memberi taklimat berhubung insiden Sistem Mampatan Udara di Loji Rawatan Air Fasa Tiga Sungai Selangor (SSP3) yang pe-

cah dan menyebabkan kecederaan serius kepada kakitangan di lokasi kejadian.

"Menteri Besar prihatin dengan gangguan bekalan air susulan penyelenggaraan di loji itu dan maklum mengenainya pada Isnin lalu (26 Feb), sebelum kerja penyelenggaraan dilakukan di SSP3," ujar beliau.

Yin menambah, Azmin telah mengarahkan Air Selangor untuk menghubungi Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara (SPAN) bagi bantuan akses ke atas loji rawatan air yang dimiliki Syarikat Pengeluar Air Sungai Selangor (SPLASH).

Menteri Besar, ujar Yin berpuas hati Air Selangor dapat menyelesaikan kerja penyelenggaraan dua jam lebih awal daripada yang dijadualkan bagi membolehkan bekalan air disalurkan seperti biasa kepada pengguna.

"Malangnya, insiden tidak diingini berlaku di loji berkenaan ketika operasi pembekalan dimulakan, yang mana ia menyebabkan kakitangan bertugas di loji itu cedera serius, dan gangguan bekalan air terpaksa dilanjutkan," jelas beliau.

## Selangor jawab kempen BN, dedah 5 kelemahan Najib

Oleh YIN SHAO LOONG

**PERDANA** Menteri Datuk Seri Najib Razak bercakap mengenai gangguan bekalan air (di Selangor) pagi Jumaat lalu (2 Mac). Jelas beliau keliru kerana tiada gangguan air pada waktu itu. Adakah pemikirannya berada di Selangor, atau beliau bercakap mengenai Pekan, kawasannya sendiri, di mana bekalan air terganggu bermula hari ini (8 Mac) sehingga pagi Jumaat?

Mungkin Najib tidak sedar akan masalah bekalan air di Johor, Kedah, Melaka, Negeri Sembilan, Pahang, Perak, Perlis, Terengganu, Sabah and Sarawak di bawah BN? Adakah beliau mendapat taklimat daripada pegawainya?

Najib juga bercakap mengenai harga rumah mahal. Adakah beliau juga tidak sedar bahawa Rumah Selangorku menawarkan rumah mampu milik berharga dari RM42,000 sehingga RM250,000? 70% rumah yang dijual di bawah Rumah Selangorku berharga kurang RM200,000. Ianya jauh lebih murah berbanding rumah PR1MA di bawah Najib yang harganya antara RM100,000 hingga RM400,000.

Sebagai Menteri Kewangan, adakah Najib lupa bagaimana beliau cuba mengatasi gelembung harga rumah besar-besaran

**Turut mengejutkan ialah 'Bapa GST' mencadangkan cukai hartanah di Selangor naik disebabkan kerajaan Pakatan Harapan. Adakah beliau tahu penetapan kenaikan cukai hartanah dibuat oleh Jabatan Penilaian dan Perkhidmatan Harta (JPPH) di bawah Kerajaan Persekutuan?**

seluruh negara, yang mana beliau menggunakan kaedah menyukarkan pemberian pinjaman kepada keluarga berpendapatan rendah, menyebabkan golongan itu sangat memerlukan program seperti Rumah Selangorku dan Skim Smart Selangor First Home Buyers untuk mendapatkan deposit? Selangor prorakyat, Najib prokroni.

Turut mengejutkan ialah 'Bapa GST' mencadangkan cukai hartanah di Selangor naik disebabkan kerajaan Pakatan Harapan. Adakah beliau tahu penetapan kenaikan cukai hartanah dibuat oleh Jabatan Penilaian dan Perkhidmatan Harta (JPPH) di bawah Kerajaan Persekutuan?

Jika beliau mahu meringan beban cukai, beliau hanya perlu memansuhkan GST dan mengarahkan JPPH untuk mengurangkan kadar. Ianya mudah. Jangan mengurut Perdana Menteri. Sama ada dapatkan

penerangan lebih baik daripada pegawai atau berhenti putar belit. Tolong membantu untuk mengubahnya.

Bercakap mengenai sampah, sejak Negeri Selangor mula mengambil kutipan sampah menerusi KDEB Waste Management, aduan telah menurun sehingga 97 peratus di tiga pihak berkuasa tempatan yang menggunakan khidmat itu. Menjelang 2019, semua kutipan sampah di 12 pihak berkuasa tempatan akan diuruskan melalui sistem baharu ini.

Akhir sekali, sudah terang lagi bersuluh, Najib tidak tahu bagaimana nyamuk aedes pembawa denggi membiak dan merebak. Beliau cuba mengaitkan pencemaran sungai dengan rebakan denggi, namun ianya beranggah dengan dapatan sains.

Nyamuk aedes memerlukan air bersih yang bertakung untuk membiak. Mungkin

perkara ini boleh menerangkan mengapa usaha membasmi denggi di peringkat nasional tidak berjaya. Menteri Kesihatan perlu memberi penerangan kepada Perdana Menteri mengenai denggi supaya beliau tidak terus memalukan dirinya lagi.

Beliau juga harus bercakap dengan Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar yang boleh memberitahu beliau bahawa sembilan daripada 10 sungai paling tercemar di Malaysia adalah dalam negeri di bawah BN, tujuh daripadanya di Johor, yang mana ia adalah kubu Umno.

Orang yang duduk dalam rumah kaca tidak seharusnya melempar batu, dan orang dalam Pejabat Perdana Menteri sepatutnya membantu rakyat Malaysia daripada bermain politik.

Kita tahu, sebagai 'Bapa GST', pencipta gelembung harga rumah seluruh negara dan dalang di sebalik 1MDB, Najib merasa bahangnya dan perlu mengalihkan perhatian daripada kegagalan beliau, namun beliau perlu melayan pengundi Selangor dengan hormat, bukannya penipuan dan kekeliruan.

**Yin Shao Loong ialah Pengarah Komunikasi Strategik di Pejabat Menteri Besar Selangor.**



# Rahsia cantik secara alami bersama *Dr Olive Body Care*

DR. OLIVE BODYCARE merupakan jenama yang telah dipilih untuk produk kami. Olive atau buah zaitun memang sudah terkenal penggunaannya didalam produk penjagaan diri. Olive itu sendiri melambangkan kesucian, kecantikan yang alami dan abadi. Pokok Olive memang menakjubkan. Ia dapat bertahan dalam cuaca yang ekstrim. Buah zaitun kaya dengan khasiat pemakanan hingga disebut namanya dalam Al-Quran. Kebetulan pula nama pengasas produk ini ialah Dr. Zaiton.

Kini sudah terdapat berbagai jenis dan jenama produk penjagaan diri di pasaran. Apa yang istimewanya produk *Dr. Olive Bodycare* ialah, ia merupakan produk yang homemade, tidak menggunakan bahan kimia yang membahayakan kesihatan, tiada pengawet, menggunakan bahan-bahan asli dan selamat. Pada masa yang sama kami telah menjalankan kajian terhadap khasiat herba-herba tradisional untuk digunakan dalam produk-produk kami.

Produk penjagaan diri komersil yang terdapat dipasaran mengandungi terlalu banyak bahan kimia dan pengawet yang membahayakan kesihatan. Walaupun *Dr. Olive Bodycare* setaraf dengan produk-produk seperti Bodyshop misalnya, namun harganya jauh lebih rendah dan mampu dimiliki oleh orang kebanyakan. Matlamat kami ialah untuk membolehkan orang ramai menikmati kebaikan produk-produk yang menggunakan bahan-bahan alami, selamat dan berkesan. *Dr. Olive Bodycare* memberikan alternatif yang baik untuk menggantikan produk komersil yang sarat dengan kimia.

Produk-produk *Dr. Olive Bodycare* terdiri daripada berbagai jenis sabun muka dan badan, sabun syampu (shampoo bars), deodoran, sunscreen, bodyscrubs, berbagai serum, teh herba dan supplement seperti manjakani, biji betik dan pelansing.

Bahan-bahan utama dan asas yang digunakan dalam sabun muka dan badan ialah minyak kelapa, minyak zaitun, minyak kelapa sawit dan minyak castor. Campuran minyak-minyak mesra kulit (skin loving oils) ini membersihkan, melembutkan dan melembapkan kulit. Testimoni dari pengguna-pengguna sabun kami mengatakan mereka berpuas hati

dengan sabun-sabun kami kerana kulit terasa lembut dan lembab. Mereka tidak perlu lagi menyapu losyen badan selepas mandi kerana kulit tidak lagi kering.

Dalam kategori sabun, kami menyediakan sabun yogurt, sabun kopi, sabun kunyit, sabun kulit kayu manis, sabun moringa, sabun bidara, sabun manjakani, sabun chamomile, sabun charcoal dan Kaolin Clay, sabun propolis, sabun gelenggang dan sabun Loofah.

Setiap sabun mempunyai keistimewannya sendiri.

Rambut kita berbeza-beza dan penjagaannya tentu sajalah berbeza. Kami menyediakan sabun syampu untuk rambut kering, rambut berkelimumur dan rambut berminyak. Sebagai bahan aktif kami menggunakan minyak avocado, amla, aloe vera, pudina, badam dan bijan untuk sabun shampu yang berbeza. Sabun syampu tidak mengandungi cecair dan boleh disimpan dalam beg cabin apabila menaiki kapalterbang. Ia tahan 2 kali lebih lama dari syampu biasa.

Satu lagi produk yang laris ialah deodoran. Kita semua pakai deodoran setiap hari sejak dari umur kita 12 tahun lagi sehingga sekarang. Deodoran yang biasa dibeli dari supermarket dan farmasi mengandungi banyak kimia. Ada yang boleh menyebabkan kanser. Tidak hairanlah kenapa ketiak kita sudah berwarna gelap. Deodoran dari *Dr. Olive Bodycare* mampu memberi perlindungan sepanjang hari dan daam masa 2 minggu sahaja ia boleh memutihkan semula ketiak hitam. Apa lagi, jom bertukar kepada *Dr. Olive Bodycare* Deodorant.

Selain daripada produk-produk diatas, kami menyediakan beberapa jenis serum; serum anti penuaan, serum parut, serum clear-skin, serum mata hitam (dark-circle eye serum) dan serum untuk memanjangkan bulu mata. Yang paling popular ialah serum anti penuaan yang membantu mengecilkan pori-pori, menghilangkan kedutan kuit halus dan melembapkan kulit muka. Kami menerima maklumbalas yang sangat positif dari pengguna-pengguna serum ini. Kesannya boleh dilihat seawal 2

minggu selepas penggunaan.

Di keluaran akan datang, kami akan menulis lagi tentang kegunaan produk-produk *Dr. Olive Bodycare*. Sehingga di lain siaran, jaga diri baik baik dan jom bertukar kepada produk *Dr. Olive Bodycare* yang alami, selamat dan berkesan.

Sekian sahaja perkongsian dari kami untuk kali ini. Semoga apa yang telah kami kongsi ini memberi manfaat kepada semua. Sekiranya anda ingin mengemukakan soalan mengenai produk ini, sila email atau whatsapp kepada nombor yang tertera dalam iklan. InsyaAllah, akan kami perelaskan dengan sebaik mungkin.

Soalan-soalan ini akan membantu kami menyediakan ruangan FAQ bagi produk *Dr. Olive Bodycare*.

Salam hormat dan jaga diri baik-baik.

Dr. Olive

Untuk maklumat lanjut sila layari [www.wix.com/drolivebodycare](http://www.wix.com/drolivebodycare)

HANDMADE  
 NO HARMFUL CHEMICALS  
 PARABEN FREE  
 HALAL

*Natural Safe Effective*

**DR. OLIVE BODY CARE**

OTHER PRODUCTS:

SOAPS  
 BODYSCRUBS  
 SERUMS  
 DEODORANT  
 SUNSCREEN  
 TEA  
 SUPPLEMENTS

SABUN MANJAKANI  
 KAPSUL MANJAKANI

Contact Info:  
 TEL: +6013 754 9335  
 EMAIL: [drolivebodycare@gmail.com](mailto:drolivebodycare@gmail.com)  
 WEBSITE: [www.drolivebodycare.wixsite.com/drolivebodycare](http://www.drolivebodycare.wixsite.com/drolivebodycare)



# Betulkah jadi 'negara defisit' kalau tidak ada GST?

**PERDANA** Menteri Najib Razak 13 Mac lalu mendakwa Malaysia bakal menjadi "negara defisit" kalau tidak ada cukai barangan dan perkhidmatan (GST).

Kalau beliau lupa, Malaysia sudahpun menjadi "negara defisit" di segi mengalami "defisit fiskal" melepasi dua dekad! Ada satu tafsiran 'negara defisit' yang akan saya sebut kemudian.

Sejak Najib mengambil alih pada 2009, "defisit fiskal" pada hakikatnya meningkat, bukan menurun kerana Najib menyembunyikan perbelanjaan pembangunan dalam belanjawan setiap tahun dengan cara "perbelanjaan di luar bajet" atau "off-budget" atau "off-balance sheet spending" untuk menurunkan angka defisit fiskal nisbah Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK). Curang!

Berbillion ringgit dalam projek-projek pembangunan infrastruktur mega seperti MRT, ECRL dibuat di luar belanjawan, tetapi masih dijamin kerajaan.

Jumlah hutang seperti ini atau "contingent liability" (CL) kini berjumlah RM226.88 bilion. Ini tetap dikira hutang kerajaan, andainya gagal dibayar.

Hutang 1Malaysia Development Berhad (1MDB) berbilion ringgit, contohnya, yang dijamin terbitan berbilion bon oleh kerajaan, sekarang ini mesti dibayar oleh rakyat.

Hakikatnya, hutang kerajaan sebenarnya melepasi had statutori 55% KDNK!

Hutang negara meningkat purata sebanyak 10.8%, sejak 2009, sementara pendapatan meningkat hanya pada kadar purata 4.9% setahun. Najib sedar ke tu?

Kini hutang kerajaan pusat ialah RM687.43 bilion. Pada kadar 10.8% pertumbuhan,

hutang, ramalan hutang kerajaan akan mencecah RM1 trilion pada 2021!

Najib jangan hendak temberang dan menakut-takutkan rakyat tentang Greece.

Negara itu bankrap bukan hanya kerana masalah hutang tetapi kerajaan yang suka berhutang secara "disembunyi" macam Najib buat sekarang yakni berbelanja secara off-budget spending (CL). Aduh!

Jadi, isu sebenarnya adalah disiplin pengurusan kewangan yang jelek dan tempang oleh Najib. Ini hakikatnya.

"Perbelanjaan pengurusan" terus meningkat sejak 2009 dan peruntukan untuk Jabatan Perdana Menteri, contohnya, mengambil jumlah yang sebesar RM20 bilion.

Tabiat Najib juga suka membuat bajet tambahan, hampir dua kali setiap tahun sejak 2009! Perbelanjaan boros dan tidak efisien, serta tiris menjadikan sasaran mencapai 'bajet berimbang' atau 'balance budget' untuk tahun 2020, angan-angan sahaja.

Bayar faedah bunga hutang kerajaan pusat kini mencecah RM30 bilion berbanding RM12.9 bilion pada 2007. Perhatikan.

Ini bersamaan 13% pendapatan negara atau 75% daripada pungutan GST (RM40 bilion). Jadi, pungut GST adalah untuk bayar hutang! Alahai Najib!

Lalu, Najib sangat bermudah meningkatkan pendapatan kerajaan dengan cukai GST yang mencekik rakyat. Tak tambah lagi pendapatan, tarik pula subsidi atas barang-barang keperluan rakyat.

Akibatnya, rakyat terbeban dengan kenaikan kos harga barang dan perkhidmatan keperluan asas seperti makanan, pengangkutan dan kesihatan.

Pakatan Harapan (PH) sangat jelas bagaimana kami akan mengurus kewangan negara khususnya mengatasi "defisit" RM25 bilion ketika GST dihapuskan, dan SST diperkenalkan kembali.

Banyak kaedah untuk menjana pendapatan selain cukai penggunaan, GST. Tanpa memperkenalkan cukai baru seperti 'Capital Gain Tax' (CGT) atas saham dan lain lain keuntungan aset kewangan, kita telah kerap terangkan.

Sebagai contoh, menutup lubang-lubang kebocoran akan menyelamatkan berbilion ringgit dalam urusan perbelanjaan mega dan perbekalan pembangunan kerajaan. Tadbir urus baik dan telus, seperti kami buktikan di Selangor dan Pulau Pinang bakal menjana purata 20% penjimatan daripada seluruh perolehan kerajaan pusat.

Semakan kali terakhir, jumlah perbelanjaan perbekalan (bukan gaji) dan kenaikan tetap adalah RM136 bilion! Ambil sahaja potensi penjimatan pada kadar 15%, maka kerajaan PH akan menjana RM21 bilion!

Begitu juga kerancangan ekonomi akibat rakyat yang tidak dicukai dengan GST, mengizinkan RM20 bilion yang tidak dirampas dek kerajaan dengan GST, boleh dibelanjakan rakyat sekali gus meningkatkan kuasa membeli atau "purchasing power" rakyat serta menjana kesan berganda (multiplier effect) dalam ekonomi.

Peningkatan permintaan (total aggregate demand) domestik dan isi-rumah, akan merancakkan bekalan (supply) oleh industri dan pengilang. Ini mampu meningkatkan keuntungan korporat dan bayaran cukai korporat yang lebih tinggi kepada kerajaan.



## ANALISIS

DR DZULKEFLY AHMAD

Najib buat-buat tidak faham perjalanan ekonomi atau mungkin sungguh tidak faham. Beliau mengambil jalan mudah untuk mencekik rakyat dengan kenakan GST dan tarik balik subsidi untuk meningkatkan pendapatan negara.

Mudah ceritanya, Najib perlu tahu status 'negara defisit' adalah lebih tepat lagi ber-sabitan 'defisit keyakinan' rakyat kepada Perdana Menteri dan kerajaannya!

Buat perbandingan, Kerajaan Indonesia di bawah Jokowi kini menduduki tempat pertama mengalahkan negara-negara maju OECD, apabila 80% rakyat Indonesia memberikan kepercayaan kepada kerajaan mereka! (Kajian 'Govt at a Glance', terbitan OECD, Gallup Poll, 2017).

Dengan tadbir urus ekonomi Najib atau Najibnomiks yang berjenama "4B" (bolot, bocor, boros dan bazir) itu, gunung pun boleh rata... Ya Najib, negara ini layak dinobat sebagai "negara defisit" dalam pelbagai aspek pemerintahan... Kasihan Negaraku!

Ayuh Bangun! Bina Semula Negara.

■ **Dr Dzulkefly Ahmad ialah Pengarah Strategi AMANAH.**

## Ketua Wanita Umno keliru fahami manifesto PH

**TAN SRI** Shahrizat Abdul Jalil barangkali terkeliru memahami manifesto Pakatan Harapan (PH) khususnya mengenai skim caruman untuk surirumah apabila menyatakan golongan ini berisiko dikenakan cukai pendapatan.

Beliau sendiri mungkin tidak meneliti Skim Simpanan Persaraan 1Malaysia (SSP1M) di bawah Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) yang turut meletakkan suri rumah dalam kategori Golongan yang Bekerja Sendiri dan Tiada Pendapatan Tetap.

Selain itu, sumbangan yang boleh dicarum dalam SSP1M pula tidak tetap dan bergantung kepada kemampuan kewangan tetapi dengan amaun minimum RM50. Dari sini tidak timbul soal cukai pendapatan yang berkemungkinan dikenakan terhadap golongan surirumah.

Kewajipan suami untuk mencarum kepada isteri sebanyak 2 peratus daripada caruman KWSP juga tidak boleh dianggap sebagai isteri pekerja kepada suami seperti yang didakwa Shahrizat.



PENDAPAT  
DR MARIAH MAHMUD

Sebaliknya, ini antara beberapa langkah progresif PH untuk menyediakan pelan keselamatan kepada isteri dan anak-anak sekiranya berlaku sesuatu yang tidak diingini pada masa akan datang.

Walau bagaimanapun, perlu dijelaskan di sini bahawa caruman suri rumah yang PH perkenalkan ini cukup berbeza dengan SSP1M.

Hal ini kerana merujuk manifesto PH, mengenai caruman suri rumah, mereka bakal menerima bantuan RM50 serta potongan 2 peratus dari akaun KWSP

suami setiap bulan.

Tetapi SSP1M pula ketika ini cuma menerima sumbangan daripada kerajaan sebanyak 15 peratus dari amaun caruman. Sumbangan itu pula terhad kepada jumlah maksimum sebanyak RM250 setahun.

Wanita PH percaya tawaran kebajikan ini mampu dicapai dengan syarat masalah rasuah, ketirisan dan sebagainya yang melibatkan kewangan negara segera dipulihkan apabila PH menguasai pentadbiran Kerajaan Pusat.

Banyak insentif untuk membantu golongan wanita termasuk suri rumah sudah dilaksanakan di Selangor dan Pulau Pinang, dan semakin menunjukkan keberkesanannya. Contoh terdekat adalah insentif Selangor memberikan sumbangan RM200 sebulan kepada golongan ibu berpendapatan bawah RM2,000.

Di Pulau Pinang pula, bantuan sebanyak RM15 juta pula diperuntukkan kepada golongan ibu yang bekerja. Bagi golongan ini yang bekerja sehingga umur 60 tahun dan mempunyai anak sehingga berusia enam tahun pula akan diberi ins-

entif tunai sebanyak RM300 setahun.

Maka sudah jelas apa yang ditawarkan oleh PH dalam manifesto bukan suatu angan-angan kosong dan boleh mengganggu kewangan negeri. Sebaliknya, saban tahun, peningkatan insentif berkualiti telah ditingkatkan berdasarkan kepada keperluan semasa dan kepentingan rakyat.

Walau bagaimanapun, PH khususnya dari sayap wanita akan meneruskan perbincangan dan penelitian untuk memberi nilai tambah dalam setiap tawaran kebajikan kepada rakyat.

Beberapa perbincangan lanjutan mengenai manifesto ini akan diadakan selepas ini secara langsung melalui FB rasmi yang akan dimaklumkan kemudian. Perbincangan itu nanti juga akan menjemput ahli ekonomi dan tokoh yang berpengalaman untuk memberikan saranan dan kritikan yang akan dimanfaatkan.

■ **Dr Siti Mariah Mahmud ialah Ahli Parlimen Kota Raja, Timbalan Ketua Wanita PH dan Ketua Awan Nasional.**



# Allahyarham Sanusi pendukung tegar Pakatan Harapan

Oleh **HUSIN MAHAT**

**K**UALA LUMPUR: Bekas Menteri Besar Kedah Tan Sri Sanusi Junid pulang ke rahmatullah setelah rebah ketika mengambil wuduk untuk menunaikan solat Subuh di kediaman beliau di Bukit Damansara pada Jumaat, 9 Mac lalu.

Kematian Allahyarham dianggap satu kejutan kerana bekas bekas menteri dalam kabinet Tun Dr Mahathir Mohamad itu hadir pada majlis pelancaran manifesto Pakatan Harapan (PH) di Shah Alam malam sebelumnya.

Timbalan Presiden AMANAH Salahuddin Ayub menyifatkan pemergian Allahyarham sebagai satu kehilangan besar kepada PH memandangkan Sanusi ialah ahli politik dan pentadbir yang berpengalaman.

"Beliau gigih berjuang dalam Pakatan Harapan dan masih hadir dalam majlis pelancaran manifesto malam tadi," kata Salahuddin yang juga Naib


Presiden PH.

Salahuddin mengucapkan takziah kepada keluarga Allahyarham dan mendoakan roh Allahyarham ditempatkan di kalangan para syuhada dan salehin.

Setiausaha Agung AMANAH Mohd Anuar Tahir menyifatkan Allahyarham sebagai pemimpin contoh dan pemikir masalah rakyat dan negara.

"Saya secara peribadi mengenali Allahyarham sejak 1972 di zaman beliau menjadi pemimpin belia sehinggalah kemudiannya menjadi tokoh pemimpin negara dan Menteri Besar Kedah.

"Jawatan terakhir beliau adalah sebagai Presiden Universiti Islam Antarabangsa. Beliau juga seorang yang kuat membaca dan berfikir sangat kreatif. "Baru sahaja malam tadi (8 Mac)



Allahyarham Sanusi Junid

kami duduk saling sebelah-menyebelah ketika menghadiri Majlis Pelancaran Manifesto Pakatan Harapan di Shah Alam. Kami sempat berbual-bual seketika," katanya.

Mohd Anuar sangat kagum dengan Allahyarham kerana sehingga ke saat akhir hayatnya, ahli politik veteran itu

masih memikirkan masalah rakyat dan negara.

"Beliau ialah contoh yang baik untuk kita semua," ujarnya.

Ketika menjawat Menteri Pertanian, Allahyarham Sanusi terkenal dengan pelbagai kempen memajukan industri pertanian tempatan, seperti kempen minum air kelapa muda.

Beliau dilantik menjadi menteri besar Kedah pada 1996.

Pada 2008, Sanusi bertindak keluar dari Umno bersama Tun Dr Mahathir Mohamad yang ketika itu mengkritik kepimpinan Tun Abdullah Ahmad Badawi, susulan prestasi lemah BN pada pilihan raya umum tahun itu.

Sehingga akhir hayat beliau, Sanusi menjadi pendukung kuat PH dan menyokong Tun Mahathir. Kali terakhir penulisannya dimuat naik di blog beliau pada 2 Mac lalu.

Jenazah Allahyarham disolatkan di Masjid Saidina Umar Bukit Damansara, Kuala Lumpur selepas solat Jumaat sebelum disemadikan.

## Kaedah murah tuntutan wang Pengarah CID di Australia

Oleh **HUSIN MAHAT**

**KUALA LUMPUR:** Alasan Ketua Polis Negara Tan Sri Mohamad Fuzi Harun bahawa Pengarah Jabatan Siasatan Jenayah (JSJ) Bukit Aman Datuk Seri Wan Ahmad Najmuddin (foto) tidak menuntut semula wangnya yang dibekukan di Australia kerana yuran guaman di negara tersebut mahal tidak disenangi Ahli Parlimen Sepang Mohamed Hanipa Maidin.

Malah Pengerusi Biro Undang-undang AMANAH Nasional itu memberikan tips bagaimana Wan Ahmad Najmuddin boleh membuat tuntutan pada kos yang rendah.

"Saya kasihan sungguh pada tuan IGP (KPN) kerana semakin kuat beliau buka mulut untuk cuba pertahan Pengarah CID yang dikatakan wangnya ditahan atau dilucut hak di Australia, semakin kuat orang sukar nak percaya kepada pembelaan beliau ke atas pengarah CID itu.

"Tuan IGP kata kali ini, seperti mana laporan media, sebab wang yang ditahan di Australia itu tidak dituntut adalah kerana yuran guaman (legal fees) di sana adalah terlalu mahal.

"Saya tak pasti adakah Pengarah CID itu telah pernah berjumpa dengan mana-mana peguam di Australia bagi membantu beliau. Jika sudah jumpa mungkin dia boleh kongsi dengan kita semua berapakah jumlah 'fees' (yuran) yang dikenakan," ujarnya di laman facebook.

Menurut Hanipa terdapat beberapa mekanisme yang Wan Ahmad boleh lakukan bagi mengupah peguam di Australia menuntut wang berjumlah RM971,800 (A\$320,000) yang dibekukan itu.

Wan Ahmad, katanya boleh mendapatkan bantuan guaman di negara tersebut dan sekiranya tidak layak, pegawai tinggi polis itu boleh mendapatkan khidmat firma guaman yang dikenali sebagai firma "no win, no fee".

Melalui firma guaman "no win, no fee" ini, Wan Ahmad hanya perlu membayar yuran guaman jika berjaya mendapatkan wang yang dituntut.

"Dia akan kena bayar yuran guaman serta peratusan tambahan (extra percentage) dari wang kemenangan itu sebagai fee (yuran) yang dipanggil 'uplift fee'," ajar Hanipa.

Wan Ahmad juga, katanya boleh meminjam daripada bank atau mana-mana sumber untuk membiayai yuran guamannya.

"Apa nak takut. Dia boleh bagi tahu 'financier' di Australia yang dia ada wang sebanyak RM971,800 (A\$320,000). Tentu 'financier' tak takut nak bagi pinjam," katanya.

Pada 2 Mac lalu, akhbar Australia Sydney Morning Herald telah melaporkan pembekuan akaun Wan Ahmad Najmuddin dengan jumlah lebih A\$320,000



Wan Ahmad Najmuddin

(RM971,800) kerana disyaki mempunyai wang atau hasil daripada kegiatan jenayah.

Bagaimanapun, Fuzi berkata hasil siasatan mendapati wang tersebut diperolehi Wan Ahmad hasil daripada penjualan rumahnya di Shah Alam yang pada waktu itu berharga RM700,000 (A\$260,770).

## Isu haram undi Pas untuk pecahkan minda pentaksud

Oleh **AKMAL HAZIQ**

**KUALA LUMPUR:** Kenyataan Naib Presiden AMANAH Husam Musa bahawa "haram mengundi Pas" hanyalah 'pemecah minda' bagi pentaksud parti itu supaya menginsafi bahawa pemimpin Pas tidak boleh sesuka hati mengeluarkan 'fatwa'.

"Jadi tidaklah nanti mereka boleh

keluarkan hukum itu dan hukum ini 'unchallenged' (tanpa dicabar).

"Pecahkan minda dulu, tak semestinya apa yang saya cakap itu perlu dipakai," kata Ahli Dewan Undangan Negeri (Adun) Salor itu dalam sidang medianya di Wisma AMANAH, dekat sini, 7 Mac lalu.

Tambah beliau, pemimpin Pas tidak boleh dibiarkan 'menguasai' pemikiran

orang kampung dengan cara yang salah di sudut politik khususnya di negeri-negeri seperti Kedah, Kelantan dan Terengganu.

Husam tidak mempunyai masalah sekiranya kenyataannya itu dikritik kerana menurut beliau, ia bukan fatwa tetapi hanya pandangan.

"Boleh kritik, tiada masalah. Ia hanya pandangan bukan fatwa. Kalau fatwa ia

perlu dicop (disahkan)," kata beliau.

Kenyataan Husam pada 4 Februari lalu bahawa haram mengundi Pas pada PRU 14 mendapat respon para penyokong dan ahli Pas.

Tidak kurang juga yang membela kenyataan Husam sambil menyifatkan pemimpin AMANAH itu hanya menggunakan 'laras bahasa Pas' ketika berceramah.



# SPR perlu kekal tempoh minima tempoh kempen PRU

**K**UALA LUMPUR: AMANAH Negeri Sabah menggesa Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) mengekalkan tempoh kempen selama 14 hari seperti pilihan raya umum (PRU) lalu atau melaksanakan cadangan Ketua Pembangkang Datuk Seri Wan Azizah Wan Ismail untuk melanjutkan tempoh masa berkempen kepada minima 21 hari.

Pengerusinya Hamzah Abdullah berkata, SPR sepatutnya memahami halangan-halangan yang dihadapi parti-parti politik khususnya di timur Malaysia.

Katanya, Sabah adalah negeri kedua terbesar di Malaysia dengan 25 kawasan Parlimen dan 60 Dun.

"Keluasan setiap Dun di Sabah pula sangat besar dan jaraknya sangat jauh berbanding di Semenanjung Malaysia. Maka, kempen pilihan raya sudah tentu memerlukan tempoh masa yang lama disebabkan kawasan Dun dan Parlimen yang luas," ujarnya dalam satu kenyataan.

Beliau merujuk kenyataan Pengerusi SPR Tan Sri Mohd Hashim Abdullah dalam

**“Bahkan di beberapa Dun seperti N1 Banggi, jentera pilihan raya perlu menaiki bot untuk sampai di kawasan penempatan penduduk.”**

temubual dengan TV Bernama bahawa 11 hari adalah tempoh minima untuk kempen PRU.

Mohd Hashim mengulas cadangan Dr Wan Azizah di Dewan Rakyat yang mahu tempoh berkempen dilanjutkan kepada 21 hari.

Hamzah yang juga Timbalan Pengerusi Pakatan Harapan (PH) Sabah berkata, bentuk muka bumi dan tahap infrastruktur di Sabah menyukarkan kerja-kerja kempen pilihan raya sekiranya masa kempen disingkatkan.

"Bahkan di beberapa Dun seperti N1 Banggi, jentera pilihan raya perlu menaiki bot untuk sampai di kawasan penempatan penduduk.

"Maka adalah tidak relevan sekiranya SPR mahu memendekkan tempoh masa

berkempen. Bahkan di kawasan pedalaman seperti Dun Sook, keluasanya mungkin hampir sama besarnya dengan negeri Selangor," katanya.

Hamzah menambah, pada PRU lalu tempoh masa berkempen adalah selama 14 hari dan sebenarnya masih tidak mencukupi untuk rakyat membuat penilaian terhadap manifesto parti-parti yang bertanding.

"Lebih-lebih lagi di Sabah, terdapat banyak parti politik dengan pelbagai manifesto yang dibawakan kepada para pengundi. Maka, rakyat pastinya memerlukan masa yang

mencukupi untuk menilai dan membuat pilihan yang bijak pada hari mengundi," ujarnya.

Menurutnya, gesaan untuk melanjutkan tempoh masa berkempen tidak hanya dibentangkan oleh parti-parti politik pembangkang, bahkan turut disuarakan dan disokong Bersih 2.0 yang mahu tempoh berkempen dilanjutkan sehingga 21 hari.

Bahkan ujarnya lagi, negara yang kecil seperti Singapura pada 2011 pernah memperuntukkan masa berkempen selama lebih 20 hari.

"Itu sebuah negara yang maju dengan pencapaian kepada internet yang lebih cekap jika nak dibandingkan dengan Malaysia," ujarnya.



Hamzah Abdullah

## Khairuddin bukan pakar bela Nik Abduh

**KUALA LUMPUR:** Kenyataan Ahli Parlimen Kuala Nerus Datuk Khairuddin Aman Razali yang cuba membela rakan sejawatannya Nik Abduh Nik Abdul Aziz dipersoalkan Ahli Parlimen Sepang Mohamed Hanipa Maidin.

"Saya nak tanya sikit. Adakah YB (Khairuddin) yang bela YB (Nik Abduh) yang seorang lagi itu dia adalah seorang expert (pakar) dalam mengecam suara orang lain dalam rakaman audio?"

"Bukan apa, yang saya tahu beliau bukan pakar dalam bahagian itu. Mungkin saya silap kot. Maaflah.

"Kedua, bukankah jika kita nak tahu suara itu suara siapa individu yang di'implicated' itu sewajarnya buat laporan polis (jika belum buat lah) bagi membolehkan polis siasat dan dapatkan saksi pakar untuk mengkaji 'suara misteri' dalam audio itu," kata Hanipa di laman Facebook.

Hanipa mengulas kenyataan Ahli Parlimen Kuala Nerus itu yang mendakwa ada ramai orang yang boleh meniru suara orang lain termasuk menyerupai Presiden Pas Datuk Seri Abdul Hadi Awang serta bapa Nik Abduh, Allahyarham Datuk Nik Abdul

Aziz Nik Mat.

"Sebab itu dalam Islam, audio tidak menjadi satu inti yang kukuh (untuk dijadikan bukti) kerana ia terdedah untuk ditipu, ditiru dan sebagainya," katanya seperti dipetik dari Malaysiakini.

Justeru Mohamed Hanipa berkata, jika Khairuddin anggap audio itu satu fitnah sewajarnya pemimpin Pas itu perlu mengambil tindakan mahkamah.

"Setakat menafi rasanya tak cukup. Bila disaman audio itu akan dimainkan dalam mahkamah. Penama yang dikaitkan dengan suara itu akan disoal balas oleh peguam.

"Saksi dia pun akan disoal balas juga. Oleh kerana MP (Khairuddin) yang bela ini nampaknya begitu pasti ia bukan suara MP itu (Nik Abduh), maka bolehlah penama itu sapina dia sebagai saksi pakar! Mesti lejen," ujarnya sinis.

Hanipa yang juga seorang peguam menjelaskan, dalam prosedur perundangan Islam rakaman audio diklasifikasikan sebagai 'al-bayyinah'.

Walaupun pembuktian 'al-bayyinah' itu, jelas beliau tidak sekuat 'shahadah' atau 'iqrar' namun ia ti-

dak ditolak terus oleh mahkamah.

"Lihatlah kitab 'Turuq al-Hukumiyah' karangan Imam Ibnu AlQayyim al-Jauziyyah (teks kami masa belajar syariah dulu) atau kitab 'Adab Al-Qadhi' karangan Dr Abdul Karim Zaidan dalam bab 'Turuq al-Ithbat' (modes of adducing evidence)," ujarnya.

Sebelum ini Nik Abduh telah menafikan rakaman audio itu adalah suaranya dan mengangapnya sebagai fitnah pihak tertentu.

Audio berdurasi 80 saat itu mengandungi pengakuan individu didakwa Nik Abduh itu mengaku menerima dana RM2 juta daripada Umno.

Ia juga melibatkan 'pengakuan' bahawa Pas menerima bantuan wang untuk kegunaan pada pilihan raya negeri Sarawak bagi 'menjatuhkan DAP'.

Audio yang tular sejak kebelakangan ini pertama kali didedahkan Pengerusi Pakatan Harapan (PH) Kelantan Husam Musa.

Husam meminta pemimpin Pas menyasat kesahihan rakaman tersebut dan mengakui mempunyai baki rakaman audio berkenaan yang akan didedahkan satu masa nanti.

## Najib buat hutang meningkat, bukan PH

**PETALING JAYA:** Tun Dr Mahathir Mohamad menafikan tuduhan Presiden Umno Datuk Seri Najib Razak yang mendakwa manifesto pilihan raya Pakatan Harapan (PH) akan menyebabkan hutang negara melonjak.

Pengerusi PH itu berkata antara sasaran utama manifesto PH adalah mengurangkan jumlah hutang negara yang didakwa bertambah selepas Najib menggalas tugas perdana menteri pada 2009.

"Yang naikkan jumlah hutang ini ialah di masa Najib menjadi perdana menteri. Apa asas kata-kata dia? Adakah kami telah menunjukkan bahawa dulu bila kami dalam kerajaan maka kerajaan mempunyai hutang yang banyak?"

"Dia pandai nak buat kereta api dengan hutang walaupun kereta api tidak laku. Kalau kereta api harganya cuma RM30 bilion, hutangnya sebanyak RM50 bilion," katanya pada sidang media Majlis Presiden PH di pejabat ketua pembangkang di Parlimen, 13 Mac lalu.

Pada 11 Mac, Ketua Setiausaha Perbendaharaan Tan Sri Dr Mohd Irwan Serigar Abdullah dilaporkan berkata hutang

negara sekarang ini sebanyak RM686 bilion bersamaan kira-kira 50% daripada Keluaran Dalam Negara Kasar.

Najib dilaporkan berkata, hutang negara akan bertambah RM416 bilion jika PH melaksanakan manifesto pilihan raya mereka, yang menjanjikan GST dan tol dimansuhkan sekiranya diberi mandat untuk membentuk kerajaan persekutuan.

Perdana menteri berkata kerajaan akan kehilangan hasil sebanyak RM383 bilion jika GST dan tol dimansuhkan.

Irwan juga memberi amaran rancangan memansuhkan GST, tol, pinjaman Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN) dan duti eksais boleh menyebabkan hutang negara melonjak kepada 78%, melebihi had yang dibenarkan iaitu 55% daripada KDNK.

Dr Mahathir percaya manifesto PH yang dituduh populis itu mampu dilaksanakan.

"Mereka boleh pertikai tetapi kami yakin kami boleh. Kita tengok lah bagi kami kemenangan dahulu, tengoklah sama ada kami boleh buat atau tidak," katanya.



# 'Membina Negara Memenuhi Harapan' akujanji PH

Foto WAN ZAHARI SALLEH

**S**HAH ALAM: Manifesto Pakatan Harapan (PH) 'Buku Harapan-Membina Negara Memenuhi Harapan' dilancarkan 8 Mac lalu bagi ditawarkan kepada rakyat menjelang pilihan raya umum ke-14 (PRU14) yang bakal diumum pada bila-bila masa.

Pengerusi PH Tun Dr Mahathir Mohamad berkata, kandungan 138 halaman itu akan dilaksanakan selepas PH membentuk kerajaan di peringkat persekutuan.

Sehubungan itu, Tun Mahathir menyeru rakyat agar bekerja keras untuk memastikan PH memenangi PRU14.

"Bahawa buku ini mengandungi janji yang akan kita laksanakan bila tiba ke Putrajaya.

"Waktu ini ada yang berkata kita kerajaan yang menunggu. Tetapi kalau kita menunggu dia tidak datang bergolek jika tunggu sahaja.

"Kita mempunyai tugas yang penting dan besar untuk tentukan PH ini akan dapat menjatuhkan kerajaan kleptokrasi Najib," ujarnya ketika berucap selepas melancar-



Tan Sri Muhyiddin, Datuk Seri Azmin dan Salahuddin mempamerkan buku manifesto PH.

kan manifesto gabungan empat parti itu.

Manifesto yang berasaskan kepada lima teras utama tersebut merangkumi 10 janji yang akan dilunaskan dalam tempoh 100 hari; 60 janji yang akan dilunaskan dalam tempoh lima tahun pemerintahan dan lima iltizam khusus.

Turut hadir dalam majlis pelancaran itu Presiden Keadilan Datuk Seri Dr Wan Azizah Wan Ismail, Setiausaha Agung DAP Lim Guan Eng, Presiden AMANAH

Mohamad Sabu, Ketua Setiausaha Majlis Presiden Pakatan Harapan Datuk Saifuddin Abdullah dan para pemimpin utama Keadilan, PPBM, AMANAH dan DAP.

Pada majlis itu juga, Tabung Dana PH turut dilancarkan Timbalan Presiden PH Tan Sri Muhyiddin Yassin dan diedarkan kepada hadirin.

Sejumlah RM13,674.00 disumbangkan pada kutipan derma kilat itu untuk membantu gerak kerja pilihan raya PH.



Tun Mahathir dan Dr Wan Azizah melancarkan 'Buku Harapan-Membina Negara Memenuhi Harapan'.



Sebahagian hadirin yang membanjiri dewan konvensyen IDCC Shah Alam.

## Lima teras Manifesto PH

**PAKATAN** Harapan (PH) mengariskan lima teras utama dalam manifesto yang dilancarkan 8 Mac lalu iaitu Meringankan beban kehidupan rakyat; Reformasi institusi pentadbiran dan politik; Merencanakan pertumbuhan ekonomi secara adil dan saksama; Mengembalikan status Sabah dan Sarawak berteraskan Perjanjian Malaysia 1963; dan Membina Malaysia yang inklusif, moderat dan gemilang di mata dunia.

Pasukan penulis manifesto PH ini diketuai Ketua Setiausaha Majlis Presiden PH Datuk Saifuddin Abdullah dan dianggotai Pengarah Strategi AMANAH Dr Dzulkefly Ahmad, Pengarah Strategi PKR Dr Sim Tze Sin, Pengerusi Biro Strategi PPBM Datuk Dr Rais Hussein dan Pengarah Strategi Pilihan Raya DAP Ong Kia Ming.

Pasukan ini telah mengambil masa lebih dari setahun untuk merangka rancangan komprehensif bagi menyediakan manifesto setebal 200 muka surat itu.

Dalam satu sidang media prapelan-caran manifesto itu di Bangunan Parlimen, 7 Mac lalu, Saifuddin berkata, manifesto PH merangkumi beberapa perkara antaranya menegakkan perlembagaan, rukun negara, agenda reformasi, pendekatan maqasid syariah, juga urus tadbir yang

baik dalam sistem politik dan pentadbiran negara.

Sim Tze Sin yang juga Ahli Parlimen Bayan Baru menambah, manifesto PH adalah sebuah rancangan yang komprehensif dari segi ekonomi, sosial, budaya dan hubungan luar negara untuk meletakkan negara kembali ke landasan yang betul.

Dr Dzulkefly pula menjelaskan tentang manifesto PH yang bertepatan dengan konsep dan ciri 'maqasid syariah' (objektif syariah) yang akan memberi rahmat dan keadilan untuk semua rakyat negara ini.

"Kemuncak tugas sebuah kerajaan adalah memakmurkan bumi dan mensejahterakan rakyat.

"Kita dapati negara ini sudah semakin meleset kerana kepincangan dari segi kepimpinan, antaranya kekayaan negara ditadbir urus dengan culas dan tempang.

"Pendekatan maqasid syariah ini akan meletakkan kerajaan kembali kepada sistem tadbir urus yang baik," ujarnya.

Selain 10 perkara yang bakal dilaksanakan dalam 100 hari pentadbiran PH dan 60 janji bagi membina semula negara, manifesto PH juga mengandungi lima iltizam khas khusus untuk warga Felda, kaum India, golongan wanita, golongan muda dan warga emas.

## Manifesto PH tumpu kebajikan, periuk nasi rakyat

**MANIFESTO** Pakatan Harapan (PH) yang dilancarkan 8 Mac lalu menyenaraikan langkah 100 hari pertama pemerintahan PH jika diberi mandat mentadbir Putrajaya dengan mengurangkan beban kos sara hidup rakyat.

Tawaran yang terkandung dalam manifesto setebal 130 halaman itu meliputi reformasi dasar ekonomi dan kesihatan rakyat khususnya reformasi institusi, gaji minima, perbincangan hak Sabah dan Sarawak dan beberapa perkara lagi.

Langkah 100 hari pertama itu menyenaraikan 10 perkara yang memberi tumpuan kepada kumpulan sasaran meliputi pelajar, golongan muda, golongan B40, suri rumah, masyarakat Felda dan sebagainya.

Berikut adalah 10 perkara yang akan dilaksanakan dalam tempoh 100 hari PH mengambil alih pentadbiran negara:

1. Menghapuskan GST dan mengambil langkah mengurangkan kos sara hidup.
2. Memperkenalkan semula subsidi minyak bersasar bagi menstabilkan semula harga petrol.
3. Menghapuskan hutang peneroka Felda.
4. Memperkenalkan KWSP untuk suri

rumah.

5. Meningkatkan kadar gaji minima di seluruh negara.
6. Mengurangkan beban PTPTN. Melaksanakan penangguhan pembayaran individu berpendapatan bawah RM4,000 dan menghapuskan dasar senarai hitam.
7. Menyelesaikan skandal utama. Membentuk Suruhanjaya Siasatan Diraja membabitkan skandal 1MDB, Felda, Mara dan Tabung Haji. Reformasi organisasi kerajaan.
8. Menghormati hak Sabah dan Sarawak. Mewujudkan jawatankuasa khas bagi mempercepatkan perbincangan mengenai Perjanjian Malaysia 1963.
9. Skim Peduli Sihat, dana sehingga RM500 bagi golongan B40 untuk mendapatkan rawatan di klinik swasta.
10. Menyemak semula kelulusan projek mega. Wujudkan semakan semula projek yang diberi kepada negara asing.

Majlis pelancaran manifesto PH berlangsung di IDCC Shah Alam dan diikuti secara langsung menerusi Facebook Pakatan Harapan.



# HAPUSKAN GST



Menghapuskan GST dan mengurangkan kos sara hidup dengan pelbagai inisiatif peduli rakyat

# SUBSIDI PETROL BERSASAR



Menstabilkan harga minyak dan memperkenalkan semula subsidi petrol secara bersasar

# HAPUSKAN HUTANG PENEROKA FELDA



Menghapuskan hutang-hutang tidak wajar yang dipaksa ke atas peneroka FELDA

# KWSP UNTUK SURU RUMAH



Memperkenalkan skim caruman KWSP untuk suri rumah

# 10 JANJJI

## 100 HARI PAKATAN HARAPAN

PAKATAN  
HARAPAN

# MENYAMARATAKAN GAJI MINIMUM



Menyamartakan gaji minimum seluruh negara dan seterusnya memulakan proses meningkatkan gaji minimum

# MENANGGUHKAN BAYARAN PTPTN GAJI < RM4,000



Menangguhkan pembayaran balik pinjaman PTPTN kepada semua peminjam yang mendapat gaji kurang dari RM4,000 sebulan dan memansuhkan dasar senarai hitam ke atas peminjam

# MENYIASAT SKANDAL



Menubuhkan Suruhanjaya Siasatan DiRaja 1MDB, FELDA, MARA, dan Tabung Haji dan merombak semula struktur kepimpinan mereka

# MENGEMBALIKAN STATUS SABAH DAN SARAWAK



Menubuhkan Jawatankuasa Khas Kabinet untuk segera melaksanakan Perjanjian Malaysia 1963

# SKIM PEDULI SIHAT



Memperkenalkan Skim Peduli Sihat dengan memberi RM500 pembiayaan untuk rawatan asas di klinik swasta berdaftar untuk golongan B40

# KAJI SEMULA PROJEK MEGA



Melancarkan kajian terperinci mengenai projek-projek mega yang dianugerahkan kepada negara asing



# JANJI-JANJI UTAMA DALAM 5 TAHUN

## Pentadbiran Pakatan Harapan



Memacukan ekonomi dan daya saing negara



1 juta pekerjaan baru berkualiti



1 juta perumahan mampu milik dan mampu sewa (2 penggal)



Hapuskan tol secara berperingkat



Pendidikan percuma untuk IPTA



Gaji minima RM1,500 secara berperingkat



Reformasi institusi-institusi negara



Bersihkan Najis Rasuah



Had 2 penggal jawatan Perdana Menteri dan Menteri Besar



Memperkasakan perkhidmatan awam



Desentralisasi kuasa kepada Sabah dan Sarawak



Membina Malaysia inklusif, moderat, gemilang



Utamakan pekerja tempatan, mengurangkan 2 juta pekerja asing secara berperingkat



Mengekalkan BRIM kepada golongan B40





# Manifesto PH iktiraf suara anak muda

**B**ertepatan dengan tema Membina Negara Memenuhi Harapan, suara dan kepentingan anak muda mendapat perhatian ketara dalam manifesto yang dilancarkan pada 8 Mac lalu.

Sejumlah 60 janji Pakatan Harapan dalam tempoh lima tahun jika mentadbir kerajaan Persekutuan mengangkat secara langsung dan tidak langsung kepentingan golongan muda.

Antaranya, janji kelima, meringankan beban hidup yang ditanggung oleh anak muda. Pakatan Harapan memberi tumpuan pada usaha menjadikan rumah mampu milik bukan hanya tinggal impian.

Bagi memastikan harga kereta lebih rendah, kadar duti eksais kereta import akan dikurangkan secara berperingkat bagi kereta pertama dengan enjin bersaiz di bawah 1600cc.

Peminjam Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN) pula akan mula membayar hutang pengajian hanya apabila pendapatan bulanan kasar mencecah RM4,000.

Bahkan, graduan cemerlang daripada keluarga berpendapatan rendah memperoleh diskaun bayaran yang setimpal atau pun keseluruhan hutang PTPTN akan dilupuskan.

Majikan juga turut sama mendapat insentif cukai jika membantu graduan membuat bayaran balik pinjaman pengajian tanpa memotong gaji pekerja mereka.

Sementara itu, pasangan muda berumur di bawah 35 tahun akan menikmati insentif perkahwinan kali pertama mencontohi polisi pentadbiran Pakatan Harapan di Selangor.

Manifesto yang akan dilaksanakan dalam



Anak muda sangat menyambut baik manifesto Pakatan Harapan yang menitikberatkan permasalahan yang dihadapi oleh golongan muda di negara ini.

tempoh 100 hari pertama jika Pakatan Harapan mendapat mandat mentadbir negara itu juga berjanji akan mewujudkan lebih banyak peluang pekerjaan berkualiti tinggi.

Pertumbuhan ekonomi dan pelaburan negara akan dirancarkan dengan memacu integrasi ekonomi Malaysia ke dalam sistem ekonomi global dan serantau.

Rangkaian dengan negara jiran di peringkat Asean akan ditingkatkan bagi mencapai wujudnya mobiliti graduan dalam meneroka peluang pekerjaan secara lebih luas di rantau ini.

Sesuai dengan perkembangan pesat ekonomi digital dan ekonomi kreatif, Kerajaan Pakatan Harapan akan mengambil langkah sewajarnya

untuk mengurangkan harga internet jalur lebar sehingga separuh daripada kadar sekarang, tetapi meningkatkan kelajuannya sebanyak dua kali ganda.

Janji 28 Manifesto Harapan pula membina generasi muda yang kreatif dan bebas daripada cengkaman kezaliman. Cengkaman Umno-BN selama ini terhadap suara anak muda melalui Biro Tata Negara (BTN), Program Latihan Khidmat Negara (PLKN) dan Akta Universiti dan Kolej Universiti 1971 akan dihapuskan.

Ketiga-tiga entiti itu cenderung disalah guna bagi propaganda politik sempit, gagal mencapai matlamat, membazir dan menyekat kebebasan anak muda termasuk di universiti.

Kelompok umur yang aktif dan produktif juga diiktiraf oleh Kerajaan Pakatan Harapan dalam Janji 55 iaitu mempelbagai ruang aktiviti golongan muda.

Gabungan keempat-empat parti - AMANAH, Bersatu, PKR dan DAP - sejourus mendapat mandat di Putrajaya akan mendukung aktiviti kemasyarakatan, sukan dan kebajikan yang dijalankan oleh anak muda.

Penekanan kepada aspek sosial ini penting kerana Pakatan Harapan menyedari akan menyumbang perkembangan yang positif kepada pembentukan budaya inklusif, moderat dan positif dalam masyarakat Malaysia.

Berjanji tidak mahu bersikap seperti kerajaan Umno-BN, Pakatan Harapan akan menjamin kebebasan untuk aktivisme anak muda serta menggalakkan pertumbuhan badan-badan sosial, kebajikan dan aktiviti intelektual awam diterajui anak muda.

Kewujudan perpustakaan negeri dan daerah serta dewan-dewan orang ramai akan diperluas manakala ruang awam seperti taman rekreasi dan kemudahan sukan awam akan diperbanyakkan.

Pakatan Harapan juga akan mengukuhkan lagi kerjasama dengan pihak berkuasa tempatan sehingga membolehkan stadium dan pelbagai kemudahan sukan milik kerajaan disewa anak muda melalui proses yang mudah dan kos lebih rendah.

Pertumbuhan sektor keusahawanan dalam kalangan anak muda akan dipacu oleh Kerajaan Pakatan Harapan dengan arahan kepada Kementerian dan agensi berkaitan supaya memberi

## Anak muda terdesak guna sijil SPM

Oleh **ARIF ATAN**

“Pejabat abang tu ada kerja kosong tak?” tanya gadis pekerja warung di Kota Damansara, Selangor yang dikenali sebagai Nor kepada rakan sekerja saya yang kerap makan di situ.

Wanita muda sekitar 20-an yang dikenal sebagai Nor itu rupanya sebelah siang kerja di sebuah kedai kosmetik antarabangsa terkenal dan sebelah malamnya di warung itu membantu perniagaan keluarganya.

Nor kata, kedai yang hanya di seberang warungnya dan sebaris dengan pejabat kami akan ditutup. Jualan tidak berapa kancang dan mahu beralih kepada urus niaga atas talian mengikut trend sekarang ini.

Beliau yang mempunyai 10 adik-beradik dan tinggal di gugusan flat kos rendah di kawasan itu sedikit mengeluh sukar untuk mencari peluang kerja.

Kebetulan sebelum Nor bersuara tentang kerja kosong itu, rakan sekerja saya yang berumur akhir 20-an itu beritahu ramai kawan sepengajian di universitinya di Shah Alam sanggup menggunakan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) untuk memohon kerja jadi polis atau anggota tentera.



Mereka sudah tidak sanggup terus menganggur dan jika bekerja pun dicampak gaji rendah tanpa jaminan dan bimbang bila-bila masa sahaja syarikat akan buang atau ditutup selepas beberapa tahun bekerja.

Congak mereka generasi mesra gajet ini mudah. Jika kerja dengan kerajaan, sumber pendapatan terjamin sebab tiada ancaman pemberhentian kerja bahkan ada duit pencen lagi pada usia tua.

Rakan sekerja saya itu beritahu lagi tidak ramai kawan sepengajiannya itu cuba meneroka peluang menjadi usahawan online sebagai sumber pendapatan sampingan sepertinya apa lagi berniaga secara konvensional

kerana kekangan dari segi modal.

Berbeza dengan kawan sekolah yang juga jiran di kampungnya di Taiping, seorang Cina. Sejurus bergraduan dari Universiti Malaya (UM), dia bekerja dengan kakaknya menyambung perniagaan warisan keluarga mereka.

Seorang lagi rakan sekerja saya, lepasan Giat Mara dalam kursus kemahiran berkaitan fotografi beritanya, ada kawannya dalam bidang sama hanya bekerja dengan Foodpanda yang menghantar makanan dari restoran menggunakan motosikal itu.

Ramai lagi katanya, masih terus menganggur lantaran makan gaji dalam bidang fotografi sama ada swasta apa lagi kerajaan satu peluang

yang amat tipis diperoleh.

Jadi, suka atau tidak perlulah menoreka sendiri peluang kerja di media sosial dengan memanfaatkan asas kemahiran yang telah dipelajari.

Bahkan, beliau sendiri membuat kerja sampingan mengambil upah merakam gambar pengantin untuk menampung hutang kereta dan perbelanjaan harian lain.

Jelas, ketika Najib Razak mendabik dada kononnya ekonomi negara tumbuh begitu subur, ramai anak muda berdepan masa depan yang kabur.

Peluang kerja semakin terhad dipengaruhi faktor kemuraman ekonomi serta berkembangnya trend bisnes online yang dapat memotong banyak kos termasuk bilangan pekerja.

Buat dua kerja bukan lagi satu pilihan bagi anak muda terutama di Lembah Klang bahkan sudah sampai tahap kewajipan.

Bersediakah generasi muda hari ini termasuk kumpulan remaja berbasikal lajak yang berani melakukan aksi bahaya di jalan raya dengan pasaran kerja untuk tempoh 10, 20 tahun akan datang dengan kepesatan kecerdasan buatan (AI)?

Persekitaran dan peluang kerja pada masa depan tentunya semakin

mencabar berbanding hari ini. Jika hari ini remaja belasan tahun berinovasi ‘mencipta’ gaya berbasikal yang mengundang rasa cemas orang lain, mungkin ada antara mereka nanti menjadi pencipta peranti atau aplikasi berteknologi tinggi pada masa depan.

Sekarang pun, bahana teknologi robotik sedang membadaikan akibatnya melebarkan lagi sejauh-jauhnya jurang pendapatan.

Di Tokyo, robot sudah mula jadi penyambut tetamu di hotel. Di Amerika, robot juga sudah ada di dapur memasak burger berkali ganda lebih pantas daripada manusia. Bahkan, jawatan akauntan pun sedang diganti dengan pelbagai mekanisme dan perisian canggih.

Di Malaysia pula, ‘robot’ MO1 terus rakus bekerja menyedut berbilion duit negara dan selamba menurur gaya hidup wasatyyah. Sebahagian besar majikan yang beraja wang di hati juga terus rancak mengimport jutaan warga Bangladesh dan Nepal.

Mereka bekerja di sektor 3D yang ‘kotor, bahaya, sukar’ dari restoran 24 jam, pondok pengawal kondominium mewah sampai di ruang penghawa dingin sebagai juruwang di pasaraya dan kedai serbaneka 7E!



# 'Bukan mudah melawan AUKU'


Kelolaan ARIF ATAN

**B**erterusan ditekan pentadbiran Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) kerana menyertai perhimpunan #TangkapMO1 di ibu negara dua tahun lalu, aktivis mahasiswa mengaku sukarnya berdepan dengan cengkaman Akta Universiti dan Kolej Universiti (AUKU).

Penuntut undang-undang, Asheeq Ali Sethi Alivi berkata, tindakannya memfailkan saman pemula mencabar Akta Universiti dan Kolej Universiti (AUKU) agak sukar untuk mahkamah memberi keputusan menyebelahi mahasiswa.

"Bukan mudah untuk lawan AUKU. Dan kemuncaknya, dua hari yang lalu (12 Mac) saya telah menerima surat yang mengatakan bahawa memandangkan kes mahkamah sudah selesai, pengantungan yang ditangguh akan dilaksanakan," dipetik daripada kenyataannya.

Beliau digantung pengajian buat kali kedua selama sebulan



mulai 14 Mac. Kali pertama dikenakan hukuman

sama selama satu semester pada November 2016 selepas prosiding tatatertib di UKM dipengerusikan Timbalan Naib Censelor (TNC HEPA), Prof Datin Noor Aziah.

Terdahulu, UKM pada 29 September 2016 meminta Asheeq memberi surat tunjuk sebab untuk menjelaskan penglibatannya dalam demonstrasi yang disertai ramai aktivis mahasiswa dari beberapa universiti awam lain itu.

"Seperti yang dijangkakan pada 20 Oktober 2016, saya menerima surat memanggil saya untuk satu prosiding tatatertib pada 15 November 2016.

"Sebelum hari prosiding, pasukan peguam saya berjaya memfailkan injuksi di mahkamah dan Yang Arif Tuan S. Nantha Balan telah menetapkan 1 Disember 2016 untuk mendengar permohonan injuksi tersebut.

"Pada hari prosiding, saya pergi dan serahkan sendiri surat



daripada peguam saya beserta affidavit yang dimeterai mahkamah meminta UKM menghantar peguam pada 1 Disember 2016 untuk pendengaran injuksi tersebut.

"Tapi, memandangkan saya ini musuh utama Datuk Aziah, TNC HEPA UKM yang juga mem-

pengerusikan prosiding tersebut enggan menanggungkan prosiding tersebut sehingga tarikh 1 Disember 2016," jelasnya.

Asheeq dalam prosiding itu kemudiannya mengaku tidak bersalah dan minta dibicarakan ketika Aziah sama sekali tidak menerima hujahnya bahkan lebih

teruk berhujah untuk menangkis pembelaan beliau.

"Alasan paling bodoh yang saya terima ketika prosiding ialah, saya telah menyalahi Akta Perhimpunan Aman dan ini disokong dengan surat yang dihantar oleh PDRM (Polis Diraja Malaysia) dan Kementerian untuk mendesak UKM mengambil tindakan ke atas saya.

"Kaedah 3 (b) Kaedah Tatatertib UKM juga memperuntukkan bahawa saya tidak boleh mencabuli mana-mana undang-undang bertulis di dalam atau di luar kampus," katanya.

Walau bagaimanapun, beliau berhujah hanya mahkamah yang boleh menentukan sama ada dirinya telah mencabuli Akta Perhimpunan Aman.

Selagi tiada sebarang dakwaan di mahkamah yang memang tiada sehingga kini, jelasnya, universiti tidak boleh menghukum beliau untuk kesalahan tersebut.

"Namun, profesor undang-undang bergelar Datuk itu tidak langsung mengendahkan hujah saya dan memutuskan saya bersalah dan digantung pengajian serta-merta selama satu semester," ujar Asheeq lagi.

## Tolak kerajaan bermandikan najis rasuah

**A**ktivis mahasiswa, Asheeq Ali Sethi Alivi menyifatkan penyerataannya dalam protes #TangkapMO1 pada 27 Ogos 2016 kerana menolak pentadbiran kerajaan yang sarat dengan korupsi.

"Saya tidak berpuas hati dengan kerajaan yang dipimpin oleh seorang Perdana Menteri Najib Razak yang bermandikan najis rasuah.

"Saya yakin bahawa mahasiswa bersama saya untuk melawan kezaliman AUKU (Akta Universiti dan Kolej Universiti) habis-habisan dan sehingga itu, kami tidak akan berputus asa," tegasnya dalam satu kenyataan.

Mengimbas kembali tindakan kali pertama yang dikenakan ke atasnya, Asheeq kemudiannya dipanggil semula untuk menyambung pengajian pada 1 Disember 2016 selepas tiga minggu digantung sementara menunggu rayuannya terhadap keputusan tatatertib didengar.

"Sementara menunggu rayuan itu, saya menfailkan saman di mahkamah untuk mencabar hukuman gantung tersebut.

"Pada 11 Januari 2017, rayuan saya kononnya telah didengar (tanpa saya diberitahu mengenaanya) dan pihak



Asheeq (kiri sekali) ketika meraikan kejayaan mahasiswa daripada Uman, 27 Februari lalu ekoran aksi angkat sepanduk protes ketika Presiden 1MDB berucap pada 2016.

jawatankuasa rayuan yang diketuai oleh Tan Sri Ibrahim Saad (CEO UKM dan juga bekas menteri kabinet) memutuskan ba-

hawa aku akan digantung selama sebulan dan didenda RM200 tetapi mereka juga mengambil keputusan untuk menanggung-

kan hukuman itu sehingga kes mahkamah selesai.

"Saya failkan kes di mahkamah tinggi. Saya minta mahkamah mengisytiharkan bahawa universiti tiada hak menghukum mahasiswa yang menghadiri perhimpunan aman, hanya mahkamah punya kuasa itu.

"Pada 19 April 2017, UKM cuba bermain kotor dengan memfailkan permohonan meminta mahkamah arahkan saya bayar kos sekuriti RM50 000 sebagai cagaran sehingga kes tamat tetapi Alhamdulillah, mahkamah tidak membenarkan permohonan itu," jelasnya.

Selanjutnya, penuntut jurusan undang-undang itu berkata, Mahkamah Tinggi pada 27 Ogos 2017 membuat keputusan untuk menidakkan permintaannya diikuti Mahkamah Rayuan pada 22 Februari lalu.

Menjawab persoalan banyak pihak tentang kejayaan kes UM8 dan Uman apabila keputusan mahkamah menyebelahi mahasiswa, Asheeq berkata, kedua-dua kes tersebut adalah semakan kehakiman yang hanya bertujuan menyemak semula prosedur tatatertib yang dijalankan oleh universiti.



# Sahabat dan sasterawan penting bernama Ajikik

**T**ELAH berpulang seorang demi seorang sahabat ke negeri abadi. Pada 7 Mac lalu adalah giliran seorang sasterawan penting yang namanya tercatat dalam buku "Wajah – Biografi Seratus Penulis" (1981), yang kebetulan seorang sahabat karibku, Ismail Ahmad atau lebih dikenali dengan nama Ajikik.

Agak lama dia terlantar di katil di rumahnya di Kajang, dipelihara oleh anak-anaknya yang soleh dan solehah. Saya sempat menziarahinya beberapa kali, namun akhir-akhir ini beberapa kali teringat nak pergi tetapi tak jadi pergi kerana beberapa halangan; dan akhirnya mendapat berita dari anaknya Nor Zailin: "Bapa saya Haji Ismail Ahmad (Ajikik) baru meninggal jam 2.40pm tadi."

Innaa lillaahi wainnaa ilaihi roji'uun. Semoga Allah mengampuni segala dosanya, dan menerima dia untuk mengahuni syurga-Nya yang serba sempurna.

Saya ingin mencatat sedikit mengenai sahabat saya ini, yang saya anggap kurang diberi perhatian oleh para pengkaji sastera kita. Dia seorang penulis cerpen, penulis buku sastera untuk kanak-kanak dan remaja, dan seorang penterjemah yang banyak menterjemah karya-karya penting dunia ke bahasa Melayu. Pernah menjadi Ketua Unit/Bahagian Terjemahan di Dewan Bahasa dan Pustaka.

Namun itu biarlah para pengkaji sastera kita yang menulisnya, dan membuat kajian mengenainya. Saya ingin menulis sisi yang lain. Dia sebagai sahabat, yang banyak menolong saya, terutama hal-hal bersifat peribadi.

Saya mengenalinya apabila masuk bekerja di Dewan Bahasa dan Pustaka, Bahagian Sastera, Julai 1974. Kawan yang memang saya kenal baik di situ waktu itu ialah Aionon Muhamad (sekarang

ang Pengerusi Penerbitan PTS), kawan saya waktu di Universiti Malaya lagi.

Entah bagaimana saya tak ingat lagi, tak berapa hari selepas itu saya bersahabat baik dengan Sutung Umar Rs yang kebetulan baru sebulan bekerja di situ. Dan Sutung Umar Rs pula waktu itu bersahabat baik dengan Ajikik.

Sutung mengabadikan cerita persahabatannya dengan Ajikik dalam novelnya 'Seluang Lepas Melaut' (2011) dan 'Meski Jauh Dibatasi Bumi' (2015). Diceritakannya agak terperinci – bagaimana dia datang ke Kuala Lumpur untuk bekerja di Dewan Bahasa dan Pustaka tanpa mengenali sesiapa dan Ajikiklah yang menjadi sahabat baiknya dan membantunya dalam segala hal – mencari bilik sewa untuk tempat tinggal dan sebagainya.

Dalam tempoh yang singkat itu kami – Sutung, Ajikik dan saya – tanpa disedari telah menjadi tiga serangkai sahabat yang selalu minum bersama dan waktu tengahari akan naik kereta Ajikik untuk dibawanya mencari kedai makan untuk makan tengahari bersama dan apabila petang selepas tamat waktu kerja kami sekali lagi menaiki kereta Ajikik, dan dia akan membawa kami ke tempat-tempat yang belum pernah kami pergi, untuk minum petang bersama, sambil bercakap-cakap hal sastera.

Selain mencari restoran, coffee house atau gerai makan, tempat yang sering juga Ajikik membawa kami ialah ke kedai buku. Tidak ada kedai buku di Kuala Lumpur dan Petaling Jaya yang kami tak pergi. Dan Ajikik selalu ada saja buku yang dibelinya. Buku cerita untuk remaja dan kanak-kanak juga dibelinya, untuk contoh dan inspirasi dia menulis bukunya sendiri.

Melalui Ajikik juga saya mengenali beberapa orang penulis dan ilmuwan lain,

termasuk Zaihasra dan Engku Maimunah.

Boleh dikatakan Ajikiklah orang yang berjasa memperkenalkan Kuala Lumpur kepada Sutung Umar Rs; manakala kepada saya dia menambahkan lagi perkenalan sisi-sisi tertentu Kuala Lumpur, kerana saya mulai mengenali Kuala Lumpur sejak Mei 1969 apabila saya datang untuk belajar di Tingkatan Enam di Kolej Islam Petaling Jaya.

Saya dan Sutung berusia hampir sebaya. Ajikik dilahirkan Julai 1935 manakala saya Mei 1949. Jarak umur kami berbeza 14 tahun. Maka dalam persahabatan kami bertiga itu Ajikik umpama abang kepada kami. Saya dan Sutung waktu itu masih muda, ghairah dan bergelora, penuh dengan semangat dan keinginan orang muda, maka kami beruntung mempunyai Ajikik yang mendampingi kami dengan pandangan dan idea-idea yang lebih dewasa dan berpengalaman.

Kami menjadi seperti sekumpulan tenaga sastera yang terjalin begitu erat. Saya dengan sikap yang agak serius, Sutung dengan gaya yang bersahaja dan tak peduli, dan Ajikik yang sedikit kelakar, terbuka dan melepas. Kami menjadi kombinasi yang sangat serasi. Maka demikianlah lahirnya Grup Teater Elit (GTE) itu umpama suatu proses yang natural begitu.

Kali pertama kami bersetuju untuk membaca puisi di depan khalayak di Sudut Penulis DBP pada 19 November 1976 (dengan Siti Zainon Ismail sebagai penyair jemputan kami dan penyanyi Fatimah Razak sebagai pembaca jemputan) – itu adalah pernyataan diri kami masing-masing yang merupakan lanjutan atau perkembangan kreatif secara natural dan spontan kepada sesi-sesi pertemuan petang yang kami lalui selama berbulan-bulan sejak pertengahan



TEKAD  
BUDAYA  
DINSMAN

1974 itu.

Saya tidak ingat lagi berapa lama ikatan dan jalinan mesra kami bertiga yang tercipta secara rasmi menjadi Grup Teater Elit (GTE) itu bertahan. Yang saya tahu apabila GTE memulakan sesi Baca Puisi dua minggu sekali di Hotel Abad/Century pada November 1978, Ajikik sudah tidak lagi bersama kami. Jaafa HS pula yang menggantikan tempatnya di dalam GTE.

Begitulah sedikit kenangan yang ingin saya catatkan mengenai sasterawan penting Malaysia yang menjadi sahabat karib saya, Ajikik. Banyak kenangan yang bersifat peribadi yang belum sesuai untuk diceritakan, seperti pengalaman kami berjalan ke Melaka, ke Kuantan dan ke Ipoh.

Seperti saya katakan tadi, khazanah sumbangan Ajikik kepada kesusasteraan Melayu, dalam bentuk tulisan, sangat banyak dan pelbagai. Saya belum temui hasil kajian yang pernah dibuat terhadapnya. Mungkin ada, saya tidak tahu.

Misalnya pernah dua orang anak muda Melaka mewawancara saya (maaf terlupa pula nama mereka) dalam rakaman video untuk sebuah dokumentari mengenai Ajikik yang sedang mereka usahakan. Saya harap ada lagilah usaha begitulah, dan kajian-kajian ilmiah yang dibuat mengenai Ajikik.

Barangkali A Razak Adam dari Ikatan Persuratan Melayu, Melaka (IPM) sedang merancang sesuatu, kerana katanya Ajikik juga salah seorang yang mengasaskan penubuhan IPM.



Dinsman bersama Ajikik dan Hasni Abas, dua tahun lalu. Foto oleh Kassim Muhamad.



Dinsman dan Kassim Muhamad menziarahi Ajikik ketika terlantar sakit.



# Kapal sesat, karam di lautan Melayu

**H**ARI berganti minggu, bulan berganti tahun, ombak dan badai politik Melayu pasca tertubuhnya Pakatan Harapan tak kunjung tenang. Tidak lama dahulu satu demi satu terjun menyelamatkan diri dari bahtera sesat Pas, berpaut kepada perahu kecil namun serba baharu AMANAH.

Biar kecil dan kerdil, namun nakhodanya baik dan arah tujuannya pun tidak terpesong. Apa lagi perahunya masih baharu, masih kukuh biarpun sedikit sesak. Yang naik ke perahu itu sudah pun seharusnya sedar kalau perahu tersebut memang tidak menjamin keselesaan. Yang pasti hanyalah lambat laun, pasti sampai jua ke muara tujuan. Ia tidak sesat seperti bahtera lama mereka yang akhirnya terpaksa ditunda bahtera musuh.

Tidak lama kemudian begitu juga nasibnya dengan Umno. Bahtera besar kebanggaan mereka yang mulai disadari bahawa lambat laut bakal karam jua mulai diabaikan seorang demi seorang. Biarpun nakhodanya yakin benar bahawa arah yang sedang dipacu oleh bahtera usangnya itu benar, tidaklah ada antara anak-anak kapalnya yang benar-benar yakin. Nakhodanya sendiri terkenal tidak pernah tentu arah hidupnya, apatah lagi memimpin. Kapalannya sedang karam, masih lagi disuruh berlayar tanpa mahu dibaiki dahulu.

Maka seorang demi seorang terjunlah menyelamatkan diri, tak mahu ikut tenggelam dengan bahtera usang Umno tersebut. Kebetulan yang terjun menyelamatkan diri itu pula bukanlah calang-calang orangnya. Bekas nakhoda yang juga orang yang bertanggungjawab membina bahtera besar mereka dahulu. Diikuti pula dengan timbalan nakhodanya sendiri yang tidak sedikit pengalaman berdepan badai politik Melayu selama ini.

Maka tertinggalah dua bahtera lama

dan usang tersebut. Satu sesat tidak lagi berketentuan arah tujuannya, yang satu lagi bocor sana sini menunggu karam. Tidak sedikit yang menjerit menyuruh mereka untuk menyelamatkan diri, namun telinga yang pekak dan mata yang buta tidaklah mahu lagi mengendahkan amaran-amaran dari orang yang sudah terselamat.

Ke mana mahu dibawa perahu dan bahtera baharu AMANAH dan Bersatu di tengah samudera politik Melayu itu biarlah kita tilik di lain masa. Kedua-duanya sudah siap meneruskan perjalanan masing-masing. Dengan kapal serba baharu, anak kapal serba muda, sudah tentu bakal selamat, biar datang badai setinggi gunung pun. Hati ini lebih sayu mengenangkan dua bahtera lama tadi. Apakah nasib mereka kelak?

Di bahtera Pas yang sedang tidak tentu arah tujuannya itu, kita tahu benar kalau nakhodanya tidaklah hirau dengan nasib anak-anak kapal yang hidup matinya percaya dan yakin bulat dengan kata-katanya. Nakhoda yang satu ini lebih gemar untuk terus menunjukkan taring politiknya kepada pihak lawan tanpa menghiraukan lagi ke mana arah bahtera itu sedang berlayar. Biarlah sesat tidak bertujuan, asalkan musuhnya sakit hati melihat taringnya yang sedang menyeringai.

Dalam keadaan tidak bertujuan tersebut, pasti ada jua yang tetap akan bertanya, mahu dibawa ke mana bahtera itu. Nakhodanya yang selama ini lebih gemar mengasah taring dari menilik arah angin terpaksa menjawab jua. Sekonyong-



**Parti Amanah Negara dilihat menjadi kepercayaan sebahagian masyarakat Melayu untuk menyelamatkan negara daripada kehancuran.**

konyong muncul bahtera Umno yang laju menyusur laut seolah begitu mahir sekali dengan arah tujuannya.

"Ah, ikut sahajalah bahtera Umno. Alang kita ini pun selama ini dicita-citakan sebagai pengganti mereka."

Sebegitu keadaannya, tentulah bahtera Umno yang sedang menunggu karam itu cepat-cepat mangait tali, menunda bahtera sesat Pas untuk ikut bersama.

"Buat apa menyusul dari belakang, ayuh berlayar bersama. Ini lautan Melayu, lautan milik kita bersama."

Dalam benak nakhoda Umno yang mulai sedar bahteranya sudah bocor teruk, pastilah terfikir, untung nasib sebelum karam, dapat mereka merampas bahtera sesat tadi. Kalau tidak pun, anak kapal bahtera Pas itu ramai dan taat, pujuk sahajalah nakhodanya untuk menghantar mereka membaiki bocor di dasar bahtera nanti.

"Kita ini bahtera besar di lautan Melayu ini, takkan tidak dapat mematahkan hanya sebuah perahu dan bahtera yang nakhodanya telah lanjut usia?". Itulah umpan mudah yang menggabungkan mereka, bahtera sesat dan bahtera karam.

Sayangnya ini bukan lagi lautan Melayu yang mereka kenal dahulu. Badainya tidaklah kita tahu datang dari barat atau timur. Tingginya tidaklah kita tahu sebukit atau segunung. Yang terbaik pun cukuplah dengan memastikan bahtera mahupun perahu, ianya kukuh.

Dalam lautan Melayu ini kelak, kapal yang bakal karam itu tidak boleh diselamatkan oleh kapal yang sesat tidak ketahuan arah tujuannya, dan kapal yang sesat itu juga tidak mungkin mampu berpaut dengan kapal yang sedang karam. Hati ini bertanya lagi, apakah agaknya nasib anak-anak kapal mereka nanti?

## Pas tak mahu banyak kerusi dan cerita di Perlis

Oleh **USTAZ ZOLKHARNAIN ABIDIN**

**PADA** PRU 1999, walaupun pembahagian kerusi Pas - PKR sudah selesai, dan kerusi Dun Pauh diperuntukkan kepada PKR, Pas tetap mahukan kerusi itu.

Solusinya, PKR bertanding, guna lambang PKR, tapi calon orang Pas. Hal itu tidak pelik, cuma kalau tak mahu kerusi, kenapa ini berlaku?

Ketika PRU 2008, kerusi Dun Titi Tinggi dipersetujui oleh Majlis Presiden Pakatan Rakyat ditandingi oleh PKR, dan calonnya pun sudah ada. Tapi orang Pas tetap mahu Pas bertanding di situ.

Akhirnya, Pas taja calon bebas guna

lambang wau bulan, calonnya orang Pas, biaya pilihan raya Pas tanggung, dan jentera Pas berkempen untuk calon bebas itu.

Hal ini juga tak pelik, cuma kalau Pas tidak mahu kerusi banyak, mengapa peristiwa itu berlaku?

Kedua-dua peristiwa di atas bukanlah salah dari sudut amalan demokrasi, juga dari sudut syarak. Cuma apabila Mursyidul Am Pas kata Pas tak mahu banyak kerusi, mengapa Pas berebut dengan rakan sendiri?

Okey, itu cerita dulu. Ini pula cerita yang ditiup angin timur musim ini, masih segar dan menjadi buah mulut juga dalam

kalangan orang Pas.

Yang Dipertua Pas kawasan akan bertanding satu kerusi Dun, dan anak lelaki-nya juga akan diletak bertanding dalam satu Dun dalam parlimen yang sama.

Kaulah YDP berkenaan dan anaknya setanding Wan Azizah dengan Nurul Izzah, atau Karpal Singh dengan Gobind Singh, atau Lim Kit Siang dengan Lim Guan Eng, dari sudut pencapaian akademik dan bakat politik, bolehlah juga diambil kira.

Tapi, orang kenal wibawa akademik dan bakat politik YDP berkenaan dan anaknya.

Sekurang-kurangnya, Wan Azizah dan Nurul di Parlimen yang berlainan negeri, begitu juga Guan Eng dan Kit Siang serta

Karpal dan Gobind.

Kalau Pas dan orang Pas seakan tidak mahu dengan kerusi, mengapa hal seperti kisah di atas boleh berlaku? Tidak ada orang lainkah selain anak sendiri?

Itu sudah menjadi bukti Pas bukan sekadar mahu kerusi banyak untuk partinya, bahkan kerusi banyak untuk suku-sakat pemimpinnya juga.

Kenyataan Mursyidul Am Pas itu bercanggah dengan sejarah dan realiti. Mengapa hal itu boleh berlaku?

Jawapannya senang saja. Orang lain buat batil, dosa dan neraka. Pas buat haq, pahala dan syurga.



# Speaker tak benar sentuh 1MDB, kapal Equanimity

**P**ARTI Amanah Negara (AMANAH) menyokong keputusan Mahkamah Persekutuan bahawa bidang kuasa perlu diberikan secara jelas kepada Mahkamah Syariah untuk mendengar permohonan dan membuat pengisytiharan bahawa seseorang itu bukan lagi seorang Islam.

Pada hari kedua persidangan 6 Mac lalu, kesemua soalan berkaitan 1MDB yang cuba dibangkitkan oleh lima anggota parlimen Pakatan Harapan (PH) dan satu dari Pas, ditolak oleh Pandikar.

Soalan-soalan dikemukakan Ahli Parlimen Shah Alam Khalid Samad, Ahli Parlimen Bukit Katil Shamsul Iskandar Md Akin, Ahli Parlimen Sepang Hanipa Maidin, Ahli Parlimen Bayan Baru Sim Tze Tzin, Ahli Parlimen Taiping Nga Kor Ming dan Ahli Parlimen Kuala Nerus Datuk Mohd Khairuddin Aman Razali.

Sementara itu pada hari sama, Pandikar juga turut menolak usul segera yang difailkan oleh Ahli Parlimen Alor Setar Gooi Hsiao Leung untuk mende-sak Perdana Menteri Datuk Seri Najib Razak menjelaskan kenyataan Peguam Negara, Tan Sri Apandi Ali bahawa kerajaan tidak akan menuntut kapal layar mewah ahli perniagaan Low Taek Jho, The Equanimity yang dianggarkan bernilai RM1 bilion.

Kesemua penolakan itu, menurut Pandikar, dibuat antara lain kerana subjudis kepada kes yang sedang dibi-carakan di mahkamah. Sementara itu, Khalid dalam soalan-nya yang ditolak itu hanya meminta Perdana Menteri menjelaskan sama ada kerajaan berhasrat menuntut harta-harta yang telah disita oleh Jabatan Keadilan Amerika (DOJ), yang dilaporkan bernilai lebih dari RM14 bilion.

"Saya rasa soal sama ada kita ada hasrat untuk menuntut ataupun tidak, ia tidak ada kena mengena dengan persoalan yang sedang dipertimbangkan di mahkamah," katanya.

Kecewa dengan keputusan itu juga, DAP yang turut ditolak soalan daripada empat wakil mereka, bertindak mendedahkan empat soalan tersebut sambil menyifatkan tindakan Pandikar itu telah menjadikan Dewan Rakyat sebagai "parlimen kanggaru".

Berikut empat soalan yang ditolak itu.

1. Saya ingin bertanya kepada perdana menteri berhubung pengumuman peguam negara pada 25 Januari 2016 bahawa sejumlah RM681 juta yang dimasukkan kedalam akuan PM merupakan derma daripada kerabat diraja Arab.

2. Saya meminta supaya menteri kewangan menyatakan senarai hutang 1MDB terkini dan sama ada hutang-hutang ini sudah dijamin oleh kementerian kewangan. Ini tidak ada kaitan dengan kes mahkamah, dalam apa-apa hutang perlu disenaraikan sama ada dalam mahkamah atau tidak, saya pun tak sebut yang mana ada kes mahkamah saya minta angka itu, saya hanya minta senarai hutang. Takkan itu pun tak boleh.

3. Saya hanya meminta perdana menteri menyatakan siasatan SPRM keatas kes penyelewengan wang syarikat SRC International ke akuan peribadi PM yang berlanjutan sejak Julai 2015. Pada masa itu MACC sudah mengumumkan bahawa siasatan dijalankan, saya hanya tanya sama ada SPRM telah menjalankan sesi soal jawab dengan PM, itu sahaja.

4. Saya minta menteri kewangan menyatakan sama ada 1MDB sudah menebus atau melupuskan pelaburan unit yang dimiliki oleh anak syarikat 1MDB Brazen Sky Ltd.

Untuk rekod, pada sidang Dewan Rakyat Julai lalu, lebih daripada 30 soalan berkaitan 1MDB juga telah ditolak oleh Pandikar.

Manakala pada sidang Dewan Rakyat Oktober pula lebih 10 soalan berkaitan perkara yang sama turut ditolak speaker.



## Saya rela mati lawan BN — Hanipa

**TEKAD** untuk menyelamatkan rakyat dan negara daripada kerosakan yang dilakukan oleh kerajaan BN bukan sekadar retorik politik semata-mata malah lebih daripada itu, ada yang bersedia menghabiskan hayatnya dalam mencapai cita-cita itu.

Ahli Parlimen Sepang Mohamed Hanipa Maidin ketika perbahasan di Dewan Rakyat menzahirkan komitmen dan kesediaan itu secara terbuka.

"Sakit ke hatta saya mati sekali pun saya puas hati sebab saya cakap lawan BN.

"Kalau malaikat tanya kenapa mati? (Saya jawab) 'mati lawan BN', saya rasa lega betul lah," katanya ketika sesi perbahasan Titah Yang Dipertuan Agong di Dewan Rakyat, 8 Mac lalu.

Hanipa berkata demikian kerana baginya BN adalah parti yang menyeleweng dan keberadaannya akan terus merosakkan negara.

Terdahulu beliau membangkitkan isu pemilikan wang milik Pengarah Jabatan Siasatan Jenayah Bukit Aman, Datuk Seri Wan Ahmad Najmuddin Mohd yang dibekukan di Australia sehingga berlaku pertikaman lidah yang menghangatkan dewan.

Rentetan itu, sebagai reaksi balas, Ahli Parlimen BN daripada Setiu, Che Mohamad Zulkifly Jusoh tampil membidas Hanipa.

"Alhamdulillah, mati la cepat," katanya sekaligus mengheret kepada perdebatan lebih hangat.

Hanipa kemudian membalasnya dengan berkata beliau tidak gentar dengan kematian malah sentiasa sedar untuk melakukan yang terbaik selagi hayat masih ada.

"Tak apa, tak ada masalah, kita bukan takut mati, kita cuma takut lepas mati," jawabnya sambil mendoakan agar Pilihan Raya Umum ke-14 (PRU14) akan datang adalah yang terakhir kepada BN sebagai kerajaan.

## Isu air: Bukan Selangor tapi Pusat yang bermasalah

**SEMEMANGNYA** wujud kesukaran akibat gangguan air pada minggu lalu, namun Selangor sebenarnya menguruskan sumber airnya dengan baik.

Gangguan air adalah disebabkan penyelenggaraan yang teruk di Loji Rawatan Air SSP3 yang dimiliki SPLASH, bukan Selangor.

Susulan pembaikan, sistem mampatan udara meletup menyebabkan operasinya terhenti dan pembekalan tidak dapat dilakukan.

Empangan di Selangor penuh, dengan margin simpanan air di Negeri Selangor adalah pada kadar 3.8% pada akhir 2017.

Ia akan meningkat kepada 11% pada awal 2019 dengan pembukaan Loji Rawatan Air Semenyih 2, Loji Rawatan Air Labohan Dagang dan Langat 2.

Air Selangor yang dimiliki Kerajaan Negeri Selangor telah mengurangkan kadar air tidak berhasil (NRW) daripada 32.6% kepada 30.1% pada 2017.

Kerajaan Negeri juga memperuntukkan RM374 juta untuk menggantikan 423 kilometer paip lama meliputi Selangor, Kuala Lumpur dan Putrajaya.



Justeru, siapa sebenarnya yang gagal dan mengecewakan rakyat Selangor?

Kegagalan pertama ialah pengendali SSP3, iaitu Gamuda Water yang dilantik Gamuda Berhad selaku pemegang saham terbesar SPLASH.

Gamuda Water mempunyai hutang yang banyak dalam bentuk bil tidak berbayar kepada TNB berjumlah RM39.5 juta. Masalah kewangan berkenaan berkemungkinan menyumbang kepada penyelenggaraan yang teruk di loji rawatan air terbabit.

Kegagalan Gamuda Water menyelenggara SSP3 menyebabkan Air Selangor terpaksa mengambil inisiatif menyelesaikan kerja pembaikan.

Kegagalan kedua adalah Suruhanjaya Pengurusan Air Negara (SPAN), sebuah badan penguatkuasa oleh Kerajaan Persekutuan. SPAN seharusnya memantau Loji SSP3. Mereka sepatutnya memastikan perkhidmatan berkualiti untuk pengguna di Selangor.

Namun anggota jawatankuasa SPAN seperti Zaini Ujang, iaitu Ketua Setiausaha Kementerian Air, Tenaga dan Teknologi Hijau mem-

buat tuduhan palsu berbaur politik mengenai Selangor di media sosial, di mana mereka sepatutnya bersikap neutral dan profesional.

SPAN juga seharusnya mengumumkan bahawa mereka akan menyiasat punca letupan di SSP3 dan pemberhentian operasi.

Kegagalan ketiga ialah Putrajaya. Mengikut dasar air kebangsaan, Putrajaya perlu membiayai pengembalian aset air yang dimiliki swasta kepada kerajaan, sama ada Persekutuan atau negeri.

Dalam perkara ini, mereka sepatutnya membiayai pengambilalihan SPLASH, bahagian terakhir dalam penstrukturan air di Selangor.

Putrajaya selesai membayar untuk Puncak Niaga, SYABAS dan ABASS untuk dikembalikan di bawah kawalan Selangor.

Untuk sebab tertentu Persekutuan menangguhkan pengambilalihan SPLASH tanpa sebab munasabah. Putrajaya hanya ingin membayar 60% kos pengambilalihan dan mahu Selangor menanggung kos 40% pengambilalihan.

Tiada penjelasan dibuat terhadap Selangor mengapa Putrajaya tidak lagi mahu membiayai pengambilalihan 100% seperti sebelum ini. Menteri Air, Tenaga dan Teknologi Hijau,

Datuk Seri Dr Maximus Ongkili hanya tahu melaungkan "namakan sebut harga".

Mengapa Menteri Besar Selangor, Datuk Seri Mohamed Azmin Ali perlu menamakan sebut harga apabila Putrajaya menyatakan sanggup membiayai pengambilalihan? Hujahnya kini ialah adakah Putrajaya sanggup membiayai kos pengambilalihan dan tidak meletakkan beban pada rakyat Selangor.

Daripada bermain politik dengan penstrukturan air, Putrajaya sepatutnya telus sama ada mereka mempunyai wang atau tidak bagi memuktamadkan penstrukturan air negeri Selangor.

Sekiranya Selangor dapat mengambilalih aset SPLASH yang bermasalah, tentunya penyelenggaraan baik dapat dibuat dan air berkualiti dapat disalurkan kepada pengguna. Dengan pengurusan dan kewangan lebih baik, insiden minggu lalu itu dapat dielak.

Putrajaya mesti menjawab akan keraguan yang timbul mengenai kedudukan kewangannya. Mereka juga mesti menyokong penyelesaian penstrukturan air daripada mempolitikkan air milik rakyat.

**Charles Santiago ialah Ahli Parlimen Klang.**



# Universiti Johor jika PH terajui negeri

**B**ATU PAHAT: AMANAH Negeri Johor merancang menubuhkan Universiti Johor sekiranya Pakatan Harapan (PH) membentuk kerajaan negeri seusai pilihan raya umum ke-14 (PRU14) yang bakal berlangsung pada bila-bila masa.

Pengerusinya, Aminolhuda Hassan berkata, kewujudan universiti itu bertujuan mempertingkatkan lagi mutu pendidikan di negeri ini.


"AMANAH melihat berlaku kelompangan dalam pembangunan pendidikan di negeri ini selepas pihak kerajaan persekutuan telah banyak memotong bajet untuk sektor pendidikan dalam Bajet 2018.

"Pihak kami merasa bertanggungjawab untuk merealisasikan keperluan rakyat

khususnya bagi mereka yang tidak berkemampuan untuk belajar dengan mewujudkan universiti khas di Johor seperti mana yang telah diwujudkan oleh negeri-negeri lain," katanya dalam satu kenyataan.

Aminolhuda menambah, ketika ini telah wujud Kolej Yayasan Pelajaran Johor dan AMANAH mencadangkan kolej itu dinaik taraf menjadi sebuah universiti yang sekaligus dapat menyemarakkan lagi bidang pendidikan di negeri ini.

Beliau menambah, AMANAH juga bercadang untuk mewujudkan biasiswa kepada rakyat Johor yang mahu memasuki universiti berkenaan dan keutamaan akan diberikan kepada pelajar dari keluarga kurang berkemampuan yang ingin menyambung pengajian mereka.



Aminolhuda Hassan

## PH azam tingkat sosioekonomi kaum India

**PARIT BUNTAR:** Pakatan Harapan (PH) akan membantu meningkatkan taraf sosioekonomi masyarakat India jika diberi peluang menerajui negara.

Ketua Pemuda PH Perak Hasnul Zulkarnain Abdul Munaim berkata, perhatian kepada keperluan masyarakat India perlu diutamakan kerana mereka juga memainkan peranan penting dalam pembangunan negara.

"Golongan minoriti kaum India adalah komponen penting dalam kemajmukan masyarakat Malaysia.

"PH prihatin terhadap keperluan masyarakat India khususnya dalam bidang pendidikan dan ekonomi," katanya ketika ditemui selepas menyampaikan sumbangan barangan keperluan kepada beberapa keluarga India di Taman Kerian Tambahan, dekat sini.

Turut serta Ahli Parlimen Parit Buntar, Datuk Dr Mujahid Yusuf Rawa.



Hasnul menjelaskan sesuatu kepada penduduk yang diziarahi sambil diperhatikan Dr Mujahid.

Hasnul berkata, keperluan pendidikan masyarakat India seperti pengukuhan pra-

sekolah, pembangunan Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil (SJKT) dan pengambilan

pelajar India di institusi pendidikan tinggi awam seperti politeknik, matrikulasi dan universiti akan menjadi perhatian Pakatan Harapan.

"PH akan merapatkan jurang antara kumpulan etnik ini dalam pencapaian pendidikan. Selain itu, PH akan berusaha meningkatkan struktur budaya dan sosioekonomi agar masyarakat India tidak tercicir daripada arus pembangunan negara," katanya.

Hasnul berharap penduduk India di daerah Parit Buntar memberi sokongan kepada calon PH dalam PRU14.

"Walaupun masyarakat India yang menjadi kelompok terkecil berbanding Melayu dan Cina, mereka diyakini akan memainkan peranan sangat penting dalam PRU akan datang," katanya yang juga Penyelaras Dun Titi Serong.

## Kerajaan Pas negeri dikecam mahu roboh pasar



Para peniaga meminta operasi ditangguhkan hingga proses injuksi didengar di mahkamah pada 15 Mac.

**PASIR PUTEH:** Lagi tiga hari kontroversi pemindahan peniaga di Pasar Besar Pasir Puteh akan disebut di mahkamah, Majlis Daerah Pasir Puteh (MDPP) telah menghantar jentera untuk merobohkan pasar tersebut, 12 Mac lalu.

Kedatangan jentolak untuk operasi meroboh tanpa perintah mahkamah itu bagaimanapun mengundang kemarahan peniaga dan ahli Persatuan Peniaga Kecil Dalam Pasar Pasir Puteh Kelantan (Pembekal).

"Pastikan pihak Majlis Daerah Pasir Puteh

hari ini bawa surat mahkamah baru kami kosongkan pasar ini.

"Lagipun ada satu lagi (kes) difailkan pada 22 haribulan ini mengenai rayuan kita di Putrajaya," pekik seorang wakil peniaga, Kamarzaman Che Ngah.

Beliau yang berbaju hijau tertera ungkapan, 'Ya Allah Selamatkan Pasar Kami' beberapa kali mendesak MDPP menunjukkan notis arahan mahkamah terlebih dahulu.

"Injuksi kes akan didengar pada 15 Mac ini. Pihak kamu (MDPP) tak hormati undang-undangkah? Kamu mendabik dada sebagai kerajaan Islam.

"Nak sodok mari surat mahkamah. Tiada surat mahkamah, balik!" jerit individu itu lagi sebelum mendapat tepukan tanda sokongan daripada kira-kira 300 peniaga yang turut menghalang operasi meroboh diteruskan.

Pihak MDPP bagaimanapun, dilihat tidak mengeluarkan surat arahan seperti diminta sebelum satu jentolak mulai berundur apabila berterusan cuba diusir peniaga di tengah-tengah bandar Pasir Puteh itu.

Mahkamah Tinggi Kota Bharu telah menetapkan tarikh pendengaran permohonan injuksi bagi menghalang pihak MDPP menjalankan kerja-kerja perobohan bangunan Pasar Besar Pasir Puteh pada 15 Mac ini.

Sehubungan itu, Ketua Pemuda AMANAH Kelantan, Hazmi Hassan dalam reaksinya di tempat kejadian menggesa supaya kerajaan negeri berbincang dengan peniaga terbabit bagi mengelak konflik daripada berterusan.

"Kita harap pihak kerajaan dapat berbincang molek dengan pihak persatuan. Kalau buat begini (roboh) bahaya.

"Kita minta supaya kena bersabar. Kepada kerajaan negeri, ini isu rakyat. Kita tidak mahu ketegangan berlaku," dipetik daripada rakaman yang dimuat naik menerusi Facebook Pemuda AMANAH Kelantan.

Rata-rata orang ramai mengesakan tindakan kerajaan negeri yang diterajui Pas itu kerana cuba melakukan operasi perobohan tanpa mematuhi proses undang-undang.

BERITA LANJUT DI MUKA 25



# Jangan undi kati dan bulan, pesan Presiden AMANAH



Antara ribuan orang ramai yang membanjiri Padang Kota sempena sambutan 10 Tahun kerajaan negeri Pulau Pinang.

Oleh **MOHD ALI HASHIM**

**G**EORGETOWN: Presiden AMANAH, Mohamad Sabu menyeru para pengundi supaya tidak tersalah pilih dalam pilihan raya umum (PRU) akan datang demi masa depan negara.

Berucap di hadapan ribuan hadirin yang membanjiri Padang Kota sempena sambutan 10 tahun pemerintahan kerajaan Pulau Pinang, dekat sini, 10 Mac lalu, beliau menyeru rakyat Malaysia agar tidak mengundi BN dan Pas dalam PRU sebaliknya membulatkan tekad mengundi Pakatan Harapan (PH).

"Undilah Pakatan Harapan dan jangan undi kati (BN), jangan undi bulan (Pas). Jika

10 tahun lalu, kita berjaya ubah kerajaan Pulau Pinang, kini kita ingin pula mengubah kerajaan Putrajaya dalam PRU yang akan datang," ujarnya sambil mendapat tepukan gemuruh hadirin.

Menurut Mohamad, usaha untuk mengambil alih pentadbiran Putrajaya adalah bagi menukar kerajaan kleptokrasi yang dipimpin Datuk Seri Najib Razak.

"Sekiranya Indonesia dan dunia luar berani mengecam Perdana Menteri negara ini sebagai pemimpin yang korup, agak menghairankan bagaimana tiada sebarang pertuduhan dan siasatan terhadap beliau dalam negara ini.

"Sedangkan tindakan telah pun diambil oleh negara luar termasuk merampas aset



Para pemimpin PH bersama merasmikan sambutan.

yang melibatkan 1MDB dan kecurian wang negara," tegas Timbalan Presiden PH itu. Beliau juga berkata PH mempunyai iltizam yang tinggi bagi memastikan perubahan negara menjadi realiti tidak lama lagi.

"PH adalah gabungan pertama yang berani untuk membawa perubahan yang tidak pernah dilakukan oleh parti lain termasuklah mengumumkan kepimpinan untuk menerajui negara.

"Pengumuman Tun Mahathir sebagai Perdana Menteri dan Datuk Seri Dr Wan Azizah sebagai Timbalan Perdana Menteri membuktikan PH berani untuk menyatakan pendirian.

"Lebih berani apabila PH mampu mengumumkan Datuk Seri Anwar Ibrahim

Selain Mohamad turut menyampaikan ucapan ialah Presiden PH Datuk Seri Dr Wan Azizah Wan Ismail, Timbalan Presiden PH Tan Sri Muhyiddin Yassin, Ketua Ahli Parlimen DAP Lim Kit Siang, Ketua Menteri Lim Guan Eng, Timbalan Ketua Menteri Datuk Mohd Rashid Hasnon dan Dr P Ramasamy serta ahli-ahli Exco Kerajaan Negeri.

Pengumuman pengagihan kerusi Dun bagi AMANAH, Kadilan, DAP dan PPBM turut diumumkan Ketua Sekretariat PH, Datuk Saifuddin Abdullah.

AMANAH diperuntukkan tiga kerusi, PKR empat belas kerusi, PPBM empat kerusi dan DAP sebanyak sembilan belas kerusi. sebagai 'Prime Minister in Waiting' (Perdana Menteri Menunggu)," jelasnya.

## 'Orang kuat' Pas WP sertai AMANAH

**SUNGAIBESI:** Seorang lagi 'orang kuat' Pas Wilayah Persekutuan mengambil keputusan menyertai AMANAH.

Zakaria Abd Aziz, 72, atau lebih dikenali sebagai Pak Ya menyerahkan borang keahlian kepada Ketua AMANAH Kawasan Batu Ishak Surin di rumah aktivis veteran Pas itu, baru-baru ini.

Hadir sama Timbalan Pengerusi AMANAH Wilayah Persekutuan Tarmizi Mohd Jam dan Setiausaha AMANAH Wilayah Persekutuan Ismail Yahya.

Zakaria berasal dari Yan, Kedah dan menetap di Kampung Malaysia Tambahan, Sungai Besi sejak 1968.

Sepanjang aktif bersama Pas, Zakaria dilantik sebagai ahli Badan Perhubungan Pas Wilayah Persekutuan dan Timbalan Pengerusi Kelab Veteran Pas yang kini dipimpin Subky Latiff.

Pak Ya juga antara pengasas Pas Kawasan Bandar Tun Razak dan memegang jawatan penting dalam jabatan pilihan raya Pas



Zakaria (kanan) berbual dengan Ishak (tengah) sambil Tarmizi melayani pesanan di telefon pintar.

Wilayah Persekutuan.

"Pelbagai perkara dibincangkan sambil mengimbas kembali perjuangan bersama parti lama pada era Pas tidak disenangi orang ramai di WP.

"Pak Ya dan isteri turut menjamu kami makan tengahari dengan kari ayam dan ulam-ulaman yang ditanam di belakang rumahnya," tulis Tarmizi di laman facebook.



**TERUS KHIDMAT...** AMANAH Kawasan Batu meneruskan kerja-kerja kebajikan dengan menyumbangkan kerusi roda kepada keluarga Zulkarnain Abdul Aziz, 58, di Flat Seri Perak, Bandar Baru Sentul, baru-baru ini. Sumbangan disampaikan Ketua AMANAH Batu Ishak Surin. Menurut Ishak, kerusi roda itu bagi kegunaan isteri Zulkarnain yang tidak berupaya berjalan akibat diabetes. Hadir sama Timbalan Ketua AMANAH Batu Tarmizi Mohd Jam, Naib Ketua AMANAH Batu, Ustaz Marzuki Zakaria dan Pengerusi Biro Kebajikan AMANAH Batu merangkap Ketua AMANAH Seri Perak Kosmo, Abdul Kadir Tauhid.



# Cubaan roboh pasar cetus kekecohan



**Penguatkuasa MDPP cuba menghalang peniaga menghampiri jentolak.**



**Para peniaga mengerumuni jentolak yang cuba merobohkan pasar tempat mereka masih berniaga.**

Oleh **ZIKRI ABDULLAH**

**PASIR PUTEH:** Percubaan merobohkan pasar lama atas arahan Majlis Daerah Pasir Puteh (MDPP) 12 Mac lalu menimbulkan kekecohan luar biasa apabila ratusan peniaga pasar lama itu membuat 'banteng manusia' menghalang tindakan itu.

Suasana tegang bermula jam 9.30 pagi apabila dua jentolak milik MDPP memasuki kawasan pasar untuk operasi meroboh yang dikawal penguatkuasa.

Semua peniaga kemudian keluar beramai-ramai untuk memenuhi laluan jentolak menyebabkan pergerakan jentera

itu terhenti.

Jurucakap peniaga Badru Hisham Yaakub yang menggunakan pembesar suara merayu pihak MDPP menghentikan operasi dan mengangguhkan sehingga mahkamah mendengar injunksi mereka 15 Mac ini.

"Kami mahu pihak majlis tunggu injunksi kami didengar 15 Mac ini," katanya.

Para peniaga bertegas tidak berganjak untuk menghalang usaha merobohkan tempat berniaga yang telah mereka duduki begitu lama.

"Kami tidak akan pulang dan sedia tidur di sini untuk mempertahankan hak kami sehingga ditentukan mahkamah," kata seorang peniaga yang ditemui.

Menjelang waktu tengahari kedua-dua pihak bersurai sementara untuk berunding.

Peguam bagi pihak peniaga Mohd Ridzuan Muhammad kelihatan memasuki pejabat MDPP untuk berunding.

Keadaan kemudian kembali kecoh apabila jentera penarik memasuki kawasan pasar untuk mengalihkan kereta peniaga yang diletak sebagai benteng menghalang jentolak memasuki kawasan pasar.

Peniaga kemudian kembali mengerumuni jentera yang cuba digerakkan semula untuk operasi perobohan.

Menurut Ridzuan, beliau masih berusaha meneruskan rundingan.

"Kes ini sepatutnya masih pramatang

kerana tarikh 15 Mac ditetapkan untuk pendengaran Erinford di hadapan Yang Arif Mahkamah Tinggi Kota Bharu," katanya.

Untuk rekod seramai 375 peniaga masih meneruskan perniagaan di pasar lama dan enggan berpindah ke pasar baru yang dinamakan sebagai Pasar Siti Hajar.

Mereka membuat tuntutan di mahkamah kerana menganggap pasar baru yang disediakan tidak sesuai untuk menjalankan perniagaan.

Suasana berlarutan sejak awal tahun 2017 dan sehingga kini telah memasuki tahun kedua.

## 60 peneroka Jengka tekad bersama Pakatan Harapan

Oleh **MUHD IBROHIM MAZALAN**

**JENGA:** Seramai 60 ahli Pas dan Umno Jengka 13 mengisytiharkan keluar parti bagi menyertai AMANAH dan Parti Pribumi Bersatu Malaysia (PPBM) pada petang 10 Mac lalu.

Bekas Pengerusi Tetap Pas cawangan, Abd Ghani Aziz tekad keluar parti kerana tidak lagi meyakini hala tuju Pas yang amat berbeza dengan legasi Allahyarham Ustaz Fadzil Noor dan Tuan Guru Nik Abdul Aziz.

"Kami sedar bahawa Pas tidak lagi beristiqamah memperjuangkan hak rakyat sebaliknya bersikap mesra Umno atas alasan taawun, serta mengambil sikap berkecuali di sidang parlimen ketika perbahasan bajet dan GST," ujarnya.

Abdul Ghani yang juga pengasas awal Pas cawangan tersebut menegaskan, hasrat mereka hanya mahukan hak-hak peneroka terjamin serta pengurusan yang berkesan sekiranya PH memerintah kelak.

Manakala bagi Che Rus Aziz, beliau dan 10 rakan meninggalkan Umno apabila parti itu terus menerus terpalit dengan skandal rasuah dan korupsi.

"Kami tidak lagi mempercayai kepimpinan Datuk Seri Najib Razak apabila menyedari kepentingan negara khususnya yang berkait dengan Felda telah tergadai satu persatu.



**Duduk dari kiri Abd Ghani, Che Rus, Nazaruddin, Wan Mohd Shahrir dan Dr Jamaluddin bersama-sama penduduk Felda Jengka 13.**

Peneroka perlu bangkit sekarang demi masa depan bersama," katanya pada sidang media, dekat sini.

Pengerusi PPBM Pahang, Wan Mohd Shahrir Wan Abd Jalil yang juga Pengerusi Badan Bertindak Felda turut mengambil kesempatan untuk menjelaskan manifesto 10 janji 100 Hari PH.

PH ujar beliau berjanji untuk menghapuskan hutang-hutang tidak wajar yang dipaksakan ke atas peneroka.

Pengisytiharan tersebut turut disaksikan Naib Pengerusi AMANAH Pahang Dr. Jamaluddin Abd Rahim dan Ketua AMANAH Kawasan Jerantut Nazaruddin Zulkifli.

## Peniaga enggan pindah orang Umno, kata TMB

**KERAJAAN** Pas Kelantan menyifatkan peniaga pasar Pasir Puteh yang enggan berpindah hingga berlaku kekecohan 12 Mac lalu sebagai 'orang Umno' yang mahu menimbulkan persepsi buruk terhadap kerajaan negeri menjelang pilihan raya umum ke-14 (PRU14).

Timbalan Menteri Besar Datuk Mohd Amar Abdullah berkata kerajaan telah menyediakan pasar baru yang lebih selesa dan mereka yang telah berpindah berpuashati dengan tempat baru.

"Pasar baru yang disediakan kerajaan lebih strategik, kawasan lebih bersih dan tempat letak kereta lebih luas.

"Orang ramai juga menyatakan rasa lebih mudah untuk berurusan di tempat baru itu," katanya dalam satu majlis ceramah, di Kota Bharu, 13 Mac lalu.

Pasar itu katanya milik kerajaan dan menjadi hak kerajaan untuk merobohkannya.

"Peniaga itu hanya menyewa dengan kerajaan. Tempat itu bukan milik mereka dan mereka tiada hak untuk menghalang apa-apa keputusan pihak kerajaan," katanya.

Dalam kejadian sehari sebelumnya, peniaga yang masih beroperasi di pasar lama membuat perisai manusia menghalang jentolak yang cuba meruntuhkan pasar itu.

Menurut persatuan peniaga, sejumlah 375 daripada 500 peniaga belum berpindah kerana tuntutan mereka hanya akan didengar di mahkamah pada 15 Mac.

Kekecohan berlaku sepanjang hari sehingga peguam bagi pihak peniaga mendapat perintah mahkamah supaya operasi merobohkan pasar itu ditangguhkan.



## Sedia sapina MB, TMB dan Exco Kelantan ke mahkamah Kenapa hanya lima saman, soal Husam

**KOTA BHARU:** Demi kepentingan kepentingan rakyat Kelantan Naib Presiden AMANAH Husam Musa mengalu-alukan kesemua lima saman yang bakal diterimanya ekoran pendedahan skandal membabitkan kerajaan negeri.

Husam bagaimanapun mempersoalkan mengapa kerajaan negeri bercadang mengemukakan lima saman sedangkan banyak pendedahan dilakukan beliau sebelum ini.

"Kenyataan saya mengenai salah urus dan dasar-dasar yang merugikan rakyat Kelantan, seingat saya sudah berpuluh-puluh. Sedangkan cadangan saman ke atas saya seperti kenyataan (Timbalan Menteri Besar) Datuk Mohd Amar hanya lima.

"Adakah dengan ini Kerajaan Kelantan mengakui kenyataan saya yang lain adalah benar?" soalnya dalam satu kenyataan an 9 Mac lalu.

Husam mengulas kenyataan Mohd Amar bahawa terdapat lima saman daripada kerajaan negeri dan anak syarikatnya yang akan dikemukakan kepada Pengerusi Pakatan Harapan (PH) Kelantan itu.

"Ini saya nak maklum, kalau ada orang

AMANAH sini tolong maklumkan kepada Encik Husam, kita ada lima saman menanti dia," kata Mohd Amar semasa berceramah di Kota Bharu, 9 Mac lalu dipetik *Astro Awani*.

Mengulas lanjut, Husam yang juga Adun Salor berkata, setiap dakwaan beliau adalah berdasarkan dokumen rasmi kerajaan negeri yang sebahagiannya dilindungi (undang-undang) dan perbicaraan mahkamah akan membolehkan rakyat Kelantan mengetahui keadaan sebenar.

"Menerusi perbicaraan nanti memberi peluang semua yang berkaitan didedahkan termasuk membawa Menteri Besar, Timbalan Menteri Besar, Exco-Exco dan pihak yang terlibat untuk turut memberi keterangan di mahkamah.

"Saya akan sapina mereka, termasuk Datuk Mohd Amar di mana berkaitan. Saya harap Datuk Mohd Amar tidak melarikan diri," ujarnya lagi.

Bagaimanapun Husam yakin tindakan saman ke atasnya oleh kerajaan negeri



Husam Musa

bukan untuk membuktikan siapa yang benar dan salah.

Sebaliknya beliau berpendapat, langkah itu diambil hanya untuk menunjukkan kerajaan negeri berani mengambil tindakan undang-undang semata-mata.

Beliau juga mengambil peluang menasihati para pemimpin kerajaan negeri.

"Nasihat saya ialah Datuk Mohd Amar hendaklah pastikan Pas terus mentadbir

Kelantan selepas PRU akan datang.

"Jika Pas kalah, Kerajaan Kelantan yang baru mungkin tidak akan meneruskan saman itu.

"Dengan itu, peluang melihat MB dan TMB Kelantan yang ada naik mahkamah akan hilang," ujarnya sinis.

Beliau juga bercadang menggunakan afidavit jawapan kepada saman-saman itu untuk diedarkan kepada orang ramai dan berharap Kerajaan Pas Kelantan tidak membantah.

"Ini perlu untuk pengetahuan rakyat Kelantan sebelum PRU, jika saman-saman itu difailkan sebelum itu," ujarnya.

Dalam perkembangan berkaitan, dakwaan terbaru Husam berkenaan pemberian tender projek Skim Bekalan Air Merbau Condong Fasa II bernilai RM27.1 juta kepada syarikat yang belum wujud dinafikan Air Kelantan Sdn Bhd (AKSB) dengan alasan syarikat usaha sama penerima tender hanya "menukar nama".

Pada 4 Julai lalu, Husam mendakwa kerajaan negeri memeterai perjanjian melibatkan 1 juta ekar tanah hutan simpan dengan syarikat yang beroperasi tanpa kelulusan Bank Negara.

## Asri dijatuhkan dengan fitnah rekan Umno

**KOTA BHARU:** Kekalahan Pas Kelantan dalam pilihan raya negeri pada 11 Mac 1978 adalah akibat fitnah yang dirancang rapi Umno dan ahli-ahli Pas yang termakan angkara itu lalu menyebarkan kebencian rakyat.

"Saya bertemu sendiri dengan bekas timbalan menteri besar sebaik Umno berkuasa selepas pilihan raya itu, Datuk Husein Ahmad," kata anak Allahyarham Tan Sri Asri Muda, Najah Asri pada forum bertajuk "Apakah Sejarah 40 Tahun Kembali Lagi?" dekat sini, 11 Mac lalu.

Beliau menyingkap bagaimana ayahnya dilabel pemilik peribadi parti Pas dengan menyatakan singkatan parti itu sebagai 'Parti Asri Sekeluarga'.

"Mereka katakan begitu kerana ibu saya adalah ketua muslimat manakala abang ipar saya sebagai ketua pemuda.

"Pada hal ibu saya sebenarnya aktif ber-

politik lama sebelum berkahwin dan memegang pelbagai jawatan sebelum menyertai Pas.

"Abang ipar saya pula menjadi ketua pemuda Pas dari tahun 1964 hingga 1969 dan kemudian menjadi menantu arwah ayah pada tahun 1970," katanya.

Mengenai kononnya wujud hotel milik Asri di Jakarta, beliau berkata cerita ini direka sendiri oleh Husein Ahmad.

"Beliau mengaku ketika melawat ibu negara Indonesia, beliau terjumpa hotel ASRI dan terus mengambil gambar.

"Gambar itu disebar ketika hampir pilihan raya dengan tuduhan Datuk Asri ada hotel di sana.

"Walhal sebenarnya hotel itu milik peratuan penulis bernama Angkatan Sasterawan Republik Indonesia (ASRI)," katanya.

Yang paling beliau sedih adalah tohmahan kononnya arwah ayahnya memiliki pelbagai aset di seluruh dunia.



Najah Asri (dua dari kiri) sebagai panelis forum memperingati ulang tahun kejatuhan Pas 40 tahun lalu.

"Selepas beliau meninggal dunia kami tertunggu-tunggu juga pengurus-pengurus aset dari serata dunia datang membawa harta kepada kami. Namun sampai hari ini pun bayang tak nampak-nampak,"

katanya berseloroh.

Forum itu turut menampilkan bekas Adun Pasir Mas Hashim Omar dan Pengerusi AMANAH Kelantan Wan Abdul Rahim Wan Abdullah sebagai panelis.

## AMANAH bertanding banyak kerusi di Kelantan, kata Husam

**KUALA LUMPUR:** AMANAH mendapat paling banyak kerusi dalam agihan yang dibuat oleh Pakatan Harapan (PH) di Kelantan, kata Naib Presiden AMANAH Husam Musa.

Bagaimanapun kata Husam, beliau tidak mahu memaklumkan jumlah kerusi yang diperuntukkan kepada AMANAH dan menyerahkan soal itu kepada Majlis Presiden untuk diumumkan.

"Saya tidak mahu membesar-besarkan apa yang AMANAH dapat, fokus kita kepada kemenangan secara berpasukan," kata

beliau ketika ditanya media mengenai agihan kerusi dalam kalangan parti komponen Pakatan Harapan (PH) di Kelantan.

Kata beliau, AMANAH Kelantan memegang konsep tolak ansur dalam politik dan memberi ruang pada parti rakan bertanding secara selesa.

Kata Husam, AMANAH adalah 'leading parti' (parti yang menerajui) di Kelantan di samping Melaka dan Terengganu.

Namun tidak semestinya parti yang menerajui mendapat paling banyak kerusi sebagaimana di Melaka, kata Husam.

Sehubungan itu, memandangkan kerajaan Kelantan diterajui Pas, AMANAH diberi peluang untuk menembusi kubu-kubu Pas dan ia adalah atas kerelaan AMANAH, tambah Husam.

Di Kelantan jelas Adun Salor itu, AMANAH akan bertanding di kerusi-kerusi pemimpin utama Pas dan yang dimenangi parti itu dengan majoriti besar, bukan di kerusi-kerusi marginal sahaja.

"Dan itu adalah konsep kami (AMANAH) di Kelantan, bertanding di kerusi-kerusi Pas menang dengan majoriti besar," kata

beliau dalam sidang media di Wisma Amanah, dekat sini, baru-baru ini.

Sehubungan itu, katanya AMANAH akan bertanding di kerusi Pasir Pekan yang disandang oleh Menteri Besar.

"AMANAH akan bertanding di kerusi Panchor (disandang Timbalan Menteri Besar Datuk Mohamad Amar Abdullah), kerusi Meranti (diwakili Exco Kerajaan Negeri Datuk Nasruddin Daud) dan kerusi Tanjung Mas.

"Itu kerusi-kerusi Pas menang besar. Di situ AMANAH akan bertanding," katanya.



# Sedekad pemerintahan kerajaan PH negeri disambut meriah

Oleh **MOHD ALI HASHIM**

**GEORGETOWN:** Kehadiran ribuan penduduk Pulau Pinang di majlis sambutan 10 tahun pemerintahan kerajaan Pakatan Harapan (PH) negeri, 10 Mac lalu di Padang Kota, dekat sini membuktikan sokongan padu rakyat.

Rakyat pelbagai kaum sanggup bersengkang mata sehingga lewat malam bagi mendengar ucapan dari para pemimpin

PH dan kerajaan negeri.

Program yang bermula sekitar jam 8 malam itu dimulai dengan pidato anggota Exco Kerajaan Negeri dan Timbalan Ketua Menteri, Datuk Mohd Rashid Hasnon dan Dr P Ramasamy.

Pemimpin utama PH kemudian tampil di pentas ceramah.

Antara yang berucap ialah Presiden PH Datuk Seri Dr Wan Azizah Wan Ismail, Timbalan Presiden PH Tan Sri Muhyiddin Yassin

dan Mohamad Sabu, Naib Presiden PH Datuk Seri Mukhriz Mahathir, Ketua Menteri Pulau Pinang Lim Guan Eng dan Ketua Ahli Parlimen DAP Lim Kit Siang.

Ketua Sekretariat PH Datuk Saifuddin Abdullah turut berucap.

Sempena majlis sambutan itu juga, pengumuman 40 kerusi Dun yang ditandingi komponen PH iaitu DAP, Keadilan, PPBM dan AMANAH turut dibuat Saifuddin.

Tepukan gemuruh berkumandang setiap

kali nama parti yang mendapat kerusi diumumkan.

Pada malam itu juga, hadirin turut berkesempatan menikmati pelbagai juadah yang disediakan sehingga berakhirnya program.

Jualan baju, topi serta pelbagai cenderamata yang berlatarbelakangkan kata-kata semangat untuk melakukan perubahan turut menjadi tumpuan hadirin.



Para pemimpin PH di pentas utama.



Bersama mempamerkan plakad 'I Love Penang'.



Guan Eng dan para pemimpin PH bersama merasmikan sambutan 10 tahun pemerintahan PH Pulau Pinang.



Saifuddin mengumumkan pembahagian kerusi Dun bagi komponen PH negeri.

## Pulau Pinang sedia khidmat bas percuma

**GEORGETOWN:** Kerajaan Negeri Pulau Pinang meneruskan program khidmat peduli rakyat dengan menyediakan perkhidmatan bas percuma.

Menurut Pengerusi Jawatankuasa Kerajaan Tempatan dan Pengurusan Lalulintas negeri Chow Kon Yeow, kerajaan negeri dengan kerjasama Rapid Penang akan menyediakan khidmat bas percuma kepada rakyat negeri ini mulai 1 April akan datang.

Katanya lagi, sebanyak RM15 juta telah diperuntukkan bagi projek khidmat masyarakat tersebut dengan menyediakan bas

pengantara bagi bahagian pulau dan juga Seberang Perai.

"Jumlah 'feeder bus' atau bas pengantara yang akan memberi khidmat di sebelah pulau sebanyak 29 buah.

"Manakala bagi kawasan Seberang Perai pula jumlah bas yang disediakan untuk perkhidmatan percuma tersebut ialah sebanyak 23 buah.

"Sebelum ini kerajaan negeri telah mengumumkan hanya 46 buah bas dengan 12 laluan, namun begitu setelah dibuat perincian semula, satu lagi laluan ditambah bagi kawasan Alma, Bukit Mertajam," jelasnya.

Beliau juga berkata, perkhidmatan ini adalah di peringkat awal dan jumlah laluan akan ditambah baik pada masa akan datang.

"Seandainya selepas fasa pertama dilaksanakan, kerajaan negeri akan membuat beberapa perubahan menurut keperluan.

"Walau bagaimana pun ia tidak akan menjejaskan kos yang telah diperuntukkan bagi khidmat masyarakat tersebut.

"Selain itu kerajaan negeri turut meneliti mengenai laluan serta waktu operasi di beberapa lokasi sehingga jam 12 tengah malam," ujarnya.

Sejak menerajui kerajaan negeri, pelbagai

program kebajikan rakyat telah disempurnakan kerajaan Pakatan Harapan negeri.

Antaranya sumbangan sekaligus RM100 kepada warga emas, sumbangan khairat kematian sebanyak RM1000 kepada waris warga emas, sumbangan sebanyak RM100 bagi pelajar tahun satu dan tahun empat serta tingkatan satu dan tingkatan empat.

Penarik beca, pemandu teksi, operator bas sekolah, nelayan, bayi yang baru dilahirkan, surirumah yang tidak bekerja dan pelajar yang memasuki institusi pengajian tinggi turut menerima manfaat daripada skim kebajikan yang dilaksanakan.



# Hubaya-hubaya pengintip dan penyusup

**SAYA** amat terperanjat bila mendengar Tan Sri Sanusi Junid memberitahu sesuatu kepada saya sewaktu berbual-bual di pentas ketika pelancaran Buku Harapan iaitu manifesto Pakatan Harapan di IDCC Shah Alam pada malam 8 Mac lalu.

Itulah perbualan terakhir dengan sahabat senior mantan Naib Presiden Pengasas ABIM itu. Tan Sri Sanusi saya kenali sejak tahun 1972, ketika beliau dikenali sebagai tokoh perbankan dan pengasas gagasan perniagaan Shamelin.

Tan Sri Sanusi memberitahu saya pada malam bersejarah itu ada seorang tokoh politik yang telah dikuasai CIA-Agensi Perisikan Amerika Syarikat. Sayang sekali saya tidak dapat meneruskan perbincangan lanjut kerana selepas perbualan menarik itu acara pun tamat dan beliau bergegas pulang.

Sedihnya beberapa jam selepas itu, sesudah mengambil wuduk untuk menunaikan solat Subuh, beliau rebah di kediamannya dan menyahut panggilan Allah SWT (Semoga Allah merahmati roh seorang pejuang).

Tertarik dengan perbualan itu, saya kembali merujuk kepada tulisan Dr Azharuddin Mohamed Dali, sebuah buku terbitan Dewan Bahasa Dan Pustaka (DBP) 2014. Buku berjudul Sejarah Perisikan Di Malaysia perlu dibaca oleh sesiapa yang ingin memahami perihal pengintipan dan perisikan di dunia dan di negara ini.

Dengan menelusuri sejarah perisikan, kita akan menemui beberapa tokoh politik yang dikatakan punya hubungan dengan badan-badan perisikan dunia. Contohnya Adam Malik tokoh politik Indonesia yang akhirnya menjabat jawatan Naib Presiden Republik Indonesia dikatakan mempunyai hubungan rapat dengan agensi perisikan Amerika itu. Malah CIA dikatakan terlibat dalam penggulingan Sukarno yang kemu-

dian digantikan oleh Jeneral Suharto.

Membaca buku kajian Dr Azharuddin Mohamed Dali dari Universiti Malaya ini, kita dapat mengenali agensi M16 dan M15, agensi perisikan United Kingdom, M16 juga turut dikenali sebagai Secret Intelligence Services (SIS). Kita juga diperkenalkan dengan badan perisikan Israel, MOSSAD singkatan kepada Ha Mossad Le Modi'm Ule Takfidim Meyuhadim disamping mengenali badan perisikan Rusia - KGB (Komited Gosudarstvennoe Bezopasnosti).

CIA telah banyak menyusup dalam masyarakat Islam di merata belahan dunia. Mereka terlibat mempengaruhi ahli-ahli politik di Asia Barat, membantu mujahidin Afghanistan sewaktu berperang dengan Rusia dan akhir-akhir ini terlibat menyusup ke dalam gerakan-gerakan pelampau Islam seperti ISIL, Al-Qaeda, Daesh dan lain-lain yang telah menumpah darah ratusan ribu umat di mana-mana.

Sesungguhnya gerakan pengintipan dan penyusupan telah lama berada dalam sejarah politik dunia sejak zaman klasik hingga ke masa kini.

Dr Azharuddin yang memetik dari Terry Crowdy dalam tulisan berjudul 'The Enemy Within: The History of Espionage', betapa sejak zaman silam perisikan penyamaran telah lama berfungsi dalam menghancurkan kekuatan sesuatu pihak.

## Samson dan Delilah

Kisah silam turut menunjukkan kewujudan perisik daripada golongan wanita dan perisik wanita pertama ialah Delilah. Kisah ini dikenali dalam tradisi penceritaan sebagai kisah Samson dan Delilah. Samson merupakan seorang lelaki yang mempunyai kekuatan yang sangat luar biasa di Gaza. Kekuatan ini telah membimbangkan pemerintah yang merasakan bahawa Samson akan menyebabkan kejatuhan kerajaannya.

Dalam usaha untuk mendapatkan rahsia kekuatan Samson, maka raja telah membuat perjanjian dengan Delilah yang sangat digilai oleh Samson. Menurut perjanjian ini, sekiranya Delilah mampu memperoleh rahsia kekuatan Samson, beliau akan diberikan jumlah wang yang banyak. Delilah bersetuju dan berjaya memperoleh rahsia kekuatan Samson.

Kekuatan Samson terletak pada rambutnya yang tidak pernah digunting. Rahsia ini dinyatakan kepada raja dan berjaya mencukur rambut Samson ketika beliau tidur di samping Delilah. Akhirnya kekuatan beliau musnah dan secara mudah berjaya ditangkap oleh raja. Beliau ditangkap dan dipenjarakan.


Menyedari hal-hal yang berkaitan dengan penyusupan dan pengintipan yang saya perkatakan ini, para penggiat politik perlu berwaspada dengan muslihat mereka yang menyusup untuk memecahbelah dan melemah kekuatan dalaman sesebuah organisasi sivil atau politik. Para penggiat parti dari kumpulan mana pun perlu berhati-hati dengan gerakan 'saraf' yang dilakukan oleh pihak-pihak berkepentingan.

Hubaya-hubayalah agar kita tidak terlibat secara langsung mahupun tidak dalam menjatuh dan mengkhianati orang-orang yang tidak berdosa dalam sesebuah perjuangan. Ada orang sanggup berbuat apa sahaja malah memeralatkan sesiapa sahaja untuk menumpaskan kebangkitan rakyat. Para pemimpin perlu berhati-hati dengan perangkap yang mungkin dipasang oleh pihak-pihak tertentu untuk melemah dan melumpuh kekuatan.

Sehebat-hebat parti kader Parti Komunis Malaya pun telah berjaya disusupi oleh agensi risikan sehingga dapat menguasai Lai Teck Setiausaha Agung PKM sebelum Chin Peng. Kisah Lai Teck menarik kerana

## MERENTAS WAKTU

ANUAR TAHIR



beliau menjadi 'double agent' kepada Jepun dan British. Lai Teck kemudian hilang secara misteri.

Kalau organisasi seketat PKM itu pun boleh diresapi dan disusupi oleh badan perisikan sehingga PKM dimendiangkan oleh pihak British dan Kerajaan Persekutuan Tanah Melayu, apa pula jaminan terhadap organisasi-organisasi sivil dan politik semasa.

Parti-parti politik baharu seperti Parti Amanah Negara (AMANAH) tidak kalis dari pengintipan dan penyusupan. Keunggulan pegangan politik Islam progresif yang telah menjadi perekat kepada kesatuan Pakatan Harapan tentu menjadi perhatian pihak-pihak yang berkepentingan. Apatah lagi terdapat berbagai sektor dan golongan dalam parti ini. Tentu masih ada yang selesa dengan konservatisme di samping kesungguhan beraksi di kalangan neo-Islamis mahupun Muslim Demokrat yang boleh diadu domba sesama sendiri.

Rasanya ancaman dan cabaran ini tidak cuma khusus kepada AMANAH semata-mata. Parti-parti lain dan kumpulan-kumpulan sivil yang lain juga tidak kalis pengintipan dan penyusupan.

Berhati-hatilah hubaya-hubaya. "Sesal dahulu pendapatan, sesal kemudian tiada gunanya".

■ **Mohd Anuar Tahir ialah Setiausaha Agung AMANAH.**

## Perlukah akta khusus bendung berita palsu?

**PERLUKAH** negara kita ada undang-undang khas membanteras berita palsu?

Pada pendapat saya, tidak perlu. Kerana apa? Kerana negara kita sudah ada undang-undang yang mencukupi untuk tangani berita palsu.

Mudahnya berita palsu ini tergolong dalam kategori sama ada menipu atau memfitnah. Jika menipu, kita sudah ada Seksyen 420 Kanun Keseksaan.

Jika memfitnah kita sudah ada seksyen 500 Kanun Keseksaan. Kedua-dua seksyen itu berkaitan kesalahan jenayah. Jika memfitnah, boleh juga disaman di bawah undang-undang



sivil. Boleh tuntutan ganti rugi daripada orang yang memfitnah.

Jika siar berita palsu dengan niat jahat kita boleh saman atas dasar "malicious falsehood". Jika berkata bohong dengan tujuan menghasut kita ada Akta Hasutan 1948. Hatta cakap benar yang menghasut pun Akta Hasutan 1948 terpakai.

Kita juga ada Akta Penerbitan dan Mesin

Cetak 1984 (Akta 301) untuk hukum penerbit berita tidak benar (lihat seksyen 8A(1)). Jika siar berita palsu di alam maya kita sudah ada Akta Komunikasi dan Multimedia 1998 (Akta 588) dan sudah ada juga Suruhanjaya Komunikasi Dan Multimedia (MCMC).

Jika dilihat kepada seksyen 4(1) Akta 588 ini, ia juga terpakai hatta di luar Malaysia. Lihat misalnya seksyen 211 berkaitan antara lain kandungan yang dilarang adalah kandungan palsu. Akta ini ada 282 seksyen.

Kesimpulannya, tak perlu pun akta khusus tangani berita palsu.

Bila ada undang-undang baru maknanya polis, pendakwa, hakim, warden

penjara ada kerja baru. Kerja baru maknanya ada kos baru atau implikasi kewangan. Kos baru maknanya ada pebelanjaan baru. Maknanya duit dari kantung kerajaan kena keluar. Bila duit keluar, kerajaan kena masukkan balik atau ganti balik duit itu.

Maknanya, ada potensi duit rakyat kena diambil lagi. Jadi jangan ingat undang-undang tak ada kena mengena dengan duit rakyat atau ekonomi.

■ **Penulis ialah Pengerusi Biro Undang-undang (Kanun) AMANAH dan Ahli Parlimen Sepang.**



# Menjawab logik isu air lebih kritikal dari 1MDB

**B**ARU-BARU ini rakyat dikejutkan dengan kenyataan Perdana Menteri Datuk Seri Najib Razak di Dewan Rakyat bahawa masalah kemelut air Selangor adalah lebih kritikal dari masalah 1MDB.

Kenyataan sebegini boleh diterima sekiranya yang mengeluarkannya adalah seorang ahli parti bertaraf 'macai', tetapi apabila ianya datang dari seorang Perdana Menteri, dan di dalam Parlimen pula, ianya menambahkan lagi keyakinan ramai bahawa Najib tidak layak memimpin negara.

Jawapan politik sebegini yang ingin mengambil kesempatan dari kesengsaraan sebahagian rakyat Selangor memperlihatkan sikap terdesak Najib untuk menutup kes 1MDB. Kedengaran juga suara mereka yang ingin membodek mengambil kesempatan untuk menuduh kerajaan Selangor tidak mampu menangani krisis berkenaan dan bodoh dalam mengurus isu air.

Tidak seperti krisis air Selangor yang tidak dirancang akibat kerosakan alatan dan kemalangan, skandal 1MDB adalah sesuatu yang dirancang dan disengajakan oleh pihak-pihak berkepentingan.

## PUNCA MASALAH AIR SELANGOR

Semua mengetahui bahawa masalah bekalan air yang dihadapi baru-baru ini di Selangor adalah disebabkan kerja-kerja penyelenggaraan yang dijalankan di loji SSP 3. Loji ini adalah di bawah penjagaan syarikat konsesi air SPLASH yang telah membina dan menjalankannya sejak tahun 2000.

Kerosakan yang dikesan beberapa hari sebelumnya telah dijadualkan untuk diselenggara dan notis telah pun dikeluarkan kepada penduduk yang terlibat.

Mengikut notis tersebut, kerja-kerja penyelenggaraan akan mengambil masa selama enam jam sahaja dan bekalan air akan terputus selama 1 hingga 3 hari bergantung kepada lokasi yang terjejas. Lokasi yang lebih jauh atau terletak di kawasan tinggi akan mengalami masalah bekalan untuk jangka masa yang lebih lama, iaitu maksimumnya selama 3 hari berbanding yang dekat dan berada di kawasan rendah. Sambil itu Air Selangor melalui anak syarikatnya iaitu Syabas akan menggunakan lori tangki untuk membantu kawasan-kawasan yang terjejas.

Malangnya apabila kerja-kerja penyelenggaraan dijalankan, telah berlaku suatu kemalangan yang tidak dijangka, di mana sistem 'surge suppressor'

LAUT  
BUDI  
TEPIAN  
AKAL

KHALID SAMAD



telah gagal bertindak sehingga menyebabkan beberapa paip pecah dan mencederakan 5 orang pekerja. Ini telah menyebabkan kerja-kerja tambahan terpaksa dilakukan dan tempoh penyelenggaraan

bertambah dari 6 jam kepada 48 jam lebih!

## TINDAKAN MENANGANI KRISIS

Peristiwa dan keadaan ini dilaporkan secara segera oleh pihak Air Selangor melalui kenyataan medianya dan pada masa yang sama segala aset yang ada dikerahkan untuk membantu dalam menangani krisis bekalan tersebut. Lori-lori tangki dari Syabas dan pihak berkuasa tempatan (PBT) dan lain-lain agensi kerajaan telah dikerahkan untuk membawa bekalan air kepada semua tempat yang terjejas.

Sememangnya, walaupun ianya satu peristiwa yang amat menyulitkan bagi yang terlibat, namun hakikatnya kerajaan negeri telah melakukan apa yang ia mampu semaksimanya untuk menangani krisis berkenaan. Tiada yang oleh mendakwa kerajaan berpeluk tubuh tanpa melakukan apa-apa.

Berhubung tanggung jawab penyelenggaraan ini, perlu difahami bahawa loji SSP3 adalah di bawah tanggung jawab SPLASH. SPLASH adalah syarikat swasta yang diberi konsesi memproses air mentah oleh kerajaan BN pada tahun 2000.

Syabas pula merupakan syarikat swasta yang diberikan konsesi untuk membekal air yang telah diproses itu. Kerajaan PR pada tahun 2014 berusaha untuk membeli balik Syabas dan SPLASH. Walaupun berjaya membeli balik Syabas, usaha untuk membeli SPLASH telah tidak berjaya. Ini adalah atas sebab harga yang telah dipersetujui pada asalnya telah ditarik balik oleh kerajaan Selangor pada ketika itu. Akan tetapi, usaha itu tidak dihentikan.

Insyallah kita doakan bersama semoga usaha membeli balik SPLASH akan berjaya selepas ini.

Setelah berlalu beberapa hari, krisis air Selangor telah selesai. Bekalan kembali seperti biasa dan kita semua simpati dengan rakyat yang telah terpaksa mengharungi keadaan tanpa bekalan air untuk tempoh tersebut. Dan semua pihak telah berusaha mengurangkan kesan buruk krisis tersebut.

## SETELAH SELESAI KRISIS AIR

Setelah selesai krisis air Selangor, adakah Najib sekarang ini akan bersetuju bahawa persoalan 1MDB perlu ditangani? Atau adakah Najib akan terus mengamalkan

**“ Setelah selesai krisis air Selangor, adakah Najib sekarang ini akan bersetuju bahawa persoalan 1MDB perlu ditangani? Atau adakah Najib akan terus mengamalkan sindrom penafian dan terus mendakwa tiada masalah? Sekurangnya dalam isu krisis air, masalah yang timbul ditangani dengan sebaik mungkin. Dalam isu 1MDB, pihak kerajaan federal buat tak tahu! Mereka ingin gambarkan bahawa ianya persepsi semata-mata.”**

sindrom penafian dan terus mendakwa tiada masalah? Sekurangnya dalam isu krisis air, masalah yang timbul ditangani dengan sebaik mungkin. Dalam isu 1MDB, pihak kerajaan federal buat tak tahu! Mereka ingin gambarkan bahawa ianya persepsi semata-mata.

Mendengar jawapan Najib di Parlimen setelah beliau selesai memperli Kerajaan Selangor, ia menggambarkan bahawa bagi Najib dan kerajaan BN, isu 1MDB adalah sesuatu yang diada-adakan! Yang penting bagi kerajaan adalah bahawa hutang-hutang yang terhasil dari apa juga tindakan kerajaan, termasuk rasuah dan rompakan oleh pemimpin, mampu terus dibayar oleh kerajaan. Selagi mana hutang mampu dibayar dan rating negara di tahap 'A' oleh pihak pengkaji ekonomi, maka tiada apa-apa masalah.

Dalam pada itu tuntutan ke atas harta negara terpaksa diabaikan semata-mata untuk menutup hakikat bahawa 1MDB telah diselewengkan oleh dirinya dan rakan karibnya. Tuntutan ke atas kapal mewah Equanimity diabaikan, wang USD400 juta di Swiss juga diabaikan seperti mana juga harta negara yang disita oleh Amerika Syarikat sebanyak RM14 bilion juga diabaikan.

Ianya terpaksa diabaikan kerana sekiranya dituntut oleh kerajaan Najib bererti mengaku bahawa semua itu dibeli dengan duit 1MDB dan dengan itu mengaku telah berlaku penyelewengan dan rompakan harta rakyat oleh 1MDB. Kerana wang 1MDB tidak boleh digunakan untuk membeli perkara-perkara sebegini. Ianya untuk pelaburan dan bukan untuk bermewah-mewah.

Sedangkan pada hakikatnya, kes 1MDB bukan sekadar mencalarkan imej negara dengan begitu teruk sekali, tetapi rakyat jelata turut dibebankan dengan kos kehidupan yang semakin meningkat. Hutang diurus dan dibayar dengan mencukai rakyat dan penafian subsidi kepada rakyat.

## PERUMPAMAAN KERAJAAN NAJIB

Perumpamaan kerajaan Najib adalah bagaikan seorang ayah yang ketagih menyalahguna dadah. Maka digunanya duit

yang sepatutnya dibelanjakan untuk membeli keperluan keluarga untuk membeli dadah. Apabila ianya kehabisan wang maka mula dipinjamnya dari bank dengan dicagarnya rumahnya.

Dalam keadaan itu keluarganya mula dinafikan perkara-perkara yang asalnya mampu dinikmati mereka. Duit sekolah anak-anak dikurangkan. Perbelanjaan rumah dikurangkan dan ahli keluarga diberitahu kalau inginkan makanan-makanan mahal yang pernah dibeli dahulu maka mereka hendaklah mencari sumber pendapatan sendiri. Dipaksanya isterinya berkerja 'overtime' dan anak sulungnya membawa Grab. Bila semakin kesempitan maka dijualnya harta yang ada. Apabila terus tertekan maka berpindahnya ke rumah lain sambil disewanya rumah sendiri yang lebih selesa.

Akhirnya apabila ditegur oleh isterinya maka dijawabnya, "Ekonomi kita masih okay kerana ansuran bank tetap mampu dibayar dan rumah yang dicagar belum lagi dilelong. Malahan kalau mahu masih boleh membuat pinjaman baharu..."

Sememangnya bank akan tetap memberikan pinjaman selagi ansuran terus dibayar. Tetapi kesan ke atas keluarganya atas sebab ketagihannya amat jelas sekali membebaskan. Malahan cagaran ke atas rumahnya mungkin mengundang risiko kehilangannya.

Hanya satu pilihan yang ada bagi keluarga sebegini, iaitu melaporkan ayah yang ketagih dadah untuk ditahan dan dirawat sebelum keadaan menjadi semakin parah.

Dan begitu juga keadaan negara kita. Benar rating kita tetap 'A' dan ansuran terus dibayar tepat pada masanya. Namun untuk itu berlaku, rakyat dibebankan, harta negara dijual, sambil ketagihan pemimpin untuk merompak harta negara demi membeli dan berbelanja terus tidak dihentikan!

Maka seperti mana keluarga tersebut, tiada pilihan selain ditahan Najib dan rakan-rakannya untuk dihukum dan seterusnya dirawat penyakit kleptokrasi mereka. Ini kita lakukan melalui PRU ke-14.

**Khalid Samad ialah Pengarah Komunikasi AMANAH**



# Lautan manusia di himpunan Je

Oleh ZIKRI ABDULLAH

**B**ACHOK: Program Jelajah Harapan peringkat negeri Kelantan di sini 10 Mac lalu menyaksikan lautan manusia berhimpun untuk bersama Pengerusi Pakatan Harapan (PH) Tun Mahathir Mohamad dan para pemimpin utama PH.

“Kalau Najib lihat himpunan ini dia tak lena tidur sepuluh tahun,” kata Tun Mahathir berseloroh di sambutan laungan bergemuruh “Hidup Tun!”.

Majlis itu diadakan di perkarangan Pejabat AMANAH Kawasan Bachok yang terletak kira-kira 200 meter dari Pejabat Tanah dan Jajahan Bachok.

Dataran yang lebih besar dari saiz dua padang bola itu penuh sesak dengan orang ramai yang mula memasuki kawasan itu sebaik seusai solat Maghrib.

Tempat ceramah itu yang boleh dimasuki dari empat jalan utama di penuh di kiri kanan jalan dengan orang ramai sejauh sekitar 1 kilometer.

Pengarah Pilihan Raya PH Kelantan Datuk Sazmi Miah menganggarkan kehadiran seramai 15,000 orang.

Tun Mahathir sendiri yang begitu teruja dengan jumlah kehadiran yang luar biasa itu berkata inilah kehadiran terbesar yang pernah beliau saksikan sepanjang siri Jelajah Harapan.

“Saya dapati orang ramai memenuhi kiri kanan jalan sambil duduk atas motosikal. Jadi saya ingat sudah sampai ke tempat ceramah. Rupanya perjalanan untuk sampai ke sini masih sangat jauh,” katanya.

Tun juga menyebut masih ramai yang duduk dalam gelap dan enggan menghampiri tempat ceramah.

“Saya tahu ini orang Pas dan Umno yang takut-takut tetapi mahu dengar ceramah saya,” katanya.

Turut berucap di majlis itu Presiden PH, Datuk Seri Dr Wan Azizah Wan Ismail, Timbalan Presiden PH Tan Sri Muhyiddin Yassin dan Mohamad Sabu.

Pengerusi PH Kelantan Husam Musa menyampaikan ucapan aluan manakala Naib pengerusi DAP kebangsaan Tengku Zulpuri Tengku Puji berucap mewakili pimpinan tertinggi parti itu.

Hishamudin Rais yang mewakili badan pemantau pilihan raya, Bersih 2.0 turut mengambil peluang berkempen menolok penipuan pilihan raya.

Program Jelajah Harapan yang bermula dengan acara-acara sebelah pagi menyaksikan pemimpin-pemimpin utama PH melalui jadual ketat sepanjang hari.

Di sebelah pagi, Muhyiddin menyertai sesi khas bersama jentera pilihan

raya PH Kelantan di pejabat PPBM negeri.

Dr Wan Azizah pula melancarkan Hari Wanita Antarabangsa di Dewan Banquet Tunjong yang dianjurkan Wanita PH Kelantan.

Mohamad Sabu pula merasmikan pelancaran manifesto Pakatan Harapan bersama jentera penerangan semua parti anggota di Wisma Tok Guru, Salor.

Tun Mahathir sendiri yang tiba kira-kira jam 12 tengahari terus bergegas menghadiri program bersama NGO yang diadakan di Dataran Harapan U Presto, Tanah Merah.

Kesemua pemimpin utama PH kemudian mengadakan pertemuan khas pada jam 3 petang di sebuah resort dengan para pemimpin PH negeri di Kota Bharu.

Untuk acara petang, Dr Wan Azizah dan Mohamad Sabu menyertai acara santai beramah mesra dengan pengunjung dan peniaga di pasar Gok Kapur, jalan PCB, Kota Bharu.

Di Taman Selera Jalan Kebun Sultan pula, Tengku Zulpuri menyertai program dialog dan ramah mesra dengan masyarakat Cina yang turut dihadiri Pengerusi AMANAH Kelantan, Wan Abdul Rahim Wan Abdullah.

Sementara itu Muhyiddin beramah mesra dengan penduduk Kampung Sadoi, Tawang.

Penduduk kampung menumbangkan seekor lembu untuk menyambut kedatangan beliau.

Kampung Sadoi yang dulunya kubu kuat Pas menyaksikan perubahan apabila tiga cawangan AMANAH ditubuhkan sempena majlis itu.

Naib Presiden AMANAH Husam Musa menerima borang ahli dan permohonan penubuhan cawangan dari Abdullah Yusuf di majlis itu.



Sudut berbeza sewaktu majlis ceramah berlangsung.



Orang ramai bersesak-sesak sepanjang 1 km di jalan raya pada majlis ceramah umum PH.



Tun Mahathir dan Husam dalam sidang media.



# lajah Harapan di Bachok



Sebahagian orang ramai pada majlis ceramah umum PH di Bachok.



Muhyiddin dan Husam di Kg Sadoi, Tawang.



Wan Azizah pada sidang media selepas melancarkan Hari Wanita Antarabangsa di Tunjong Banquet.



Mengambil kesempatan berswafoto bersama Tun Mahathir di majlis bersama NGO di Tanah Merah.



Tun Mahathir berucap pada majlis ceramah umum di perkarangan Pejabat AMANAH Bachok.



**6** Malaysia berdepan krisis integriti

**10** Selangor jawab kempen BN, dedah 5 kelemahan Najib



**13** Allahyarham Sanusi pendukung tegar PH



Lautan manusia di himpunan Jelajah Harapan di Bachok

ms 30&31

PP18978/03/2016(034450)

# Amanah

BIL 94 | 18 - 24 MAC 2018

## WAKTU SOLAT

BAGI ZON KUALA LUMPUR DAN KAWASAN-KAWASAN YANG SEWAKTU DENGANNYA



SUMBER: JAKIM

TARIKH	IMSAK	SUBUH	SYURUK	ZUHUR	ASAR	MAGHRIB	ISYAK
18.03.18	5:53	6:03	7:17	1:24	4:31	7:26	8:35
19.03.18	5:53	6:03	7:17	1:24	4:30	7:26	8:35
20.03.18	5:52	6:02	7:17	1:24	4:30	7:26	8:35
21.03.18	5:52	6:02	7:16	1:23	4:29	7:26	8:34
22.03.18	5:52	6:02	7:16	1:23	4:28	7:25	8:34
23.03.18	5:51	6:01	7:16	1:23	4:27	7:25	8:34
24.03.18	5:51	6:01	7:15	1:22	4:26	7:25	8:34

# MAHFUZ, DR ROSLI SERTAI AMANAH



**DATUK** Mahfuz Omar mengumumkan akan menyertai AMANAH selepas dua bulan setengah meninggalkan Pas.

Turut serta bersama beliau mengumumkan tindakan meninggalkan Pas dan menyertai AMANAH adalah bekas AJK Pas Pusat, Dr Rosli Yaakub yang juga bekas Pengarah Urusan Harakah.

"Pengakuan Nik Abdul bahawa Pas ada kerjasama dengan Umno dan menerima duit dari parti pemerintah itu antara sebab saya tinggalkan Pas," kata Dr Rosli kepada akhbar Minggu Amanah menjelang majlis itu.

➔ **Laporan penuh muka 2**

Mahfuz dan Dr Rosli sertai AMANAH. Dr Rosli berkata, antara puncanya adalah audio Nik Abdul yang mengaku Pas kerjasama dan menerima duit dari Umno.

**HAPUSKAN GST**  
Hapuskan GST dan menggantinya dengan cukai yang adil dan berkeadilan.

**SUBSIDI PETROL BERSASAR**  
Mengembalikan subsidi kepada golongan yang memerlukan.

**HAPUSKAN HUTANG PENEROKA FELDA**  
Menghapuskan hutang kepada FELDA.

**KWSP UNTUK SURI RUMAH**  
Mengembalikan KWSP kepada suri rumah.

**10 JANJI**  
**100 HARI**  
**PAKATAN HARAPAN**

**MENYAMARATKAN GAJI MINIMUM**  
Meningkatkan gaji minimum.

**MENANGGUHKAN BAYARAN TPPTN GAJI > RM4,000**  
Meningkatkan bayaran TPPTN.

**MINYAK SKANDAL**  
Menghapuskan minyak skandal.

**MENGEMBALIKAN STATUS SABAH DAN SARAWAK**  
Mengembalikan status Sabah dan Sarawak.

**SKIM PEDULI SIHAT**  
Mengembalikan skim Peduli Sihat.

**KAJI SEMULA PROJEK MEGA**  
Mengulas semula projek mega.

## KWSP untuk suri rumah

**PAKATAN** Harapan (PH) menawarkan potongan KWSP sebanyak 2% dari gaji suami untuk suri rumah melalui manifestonya yang dibentangkan 8 Mac lalu.

Cadangan itu menjadi salah satu manifesto dalam Buku Harapan akan dilaksanakan dalam tempoh 100 hari pertama jika Pakatan Harapan mentadbir negara.

➔ **Antara janji PH dalam tempoh 100 hari pertama pentadbirannya. 2% KWSP untuk suri rumah antara janji itu.**

➔ **Laporan penuh muka 15, 16, 17 dan 18**

**TAWARAN ISTIMEWA & 2018**

**PROMOSI**

### TURKI

30 NOV - 9 DIS 2017  
BERMULA **RM4,199** ALL IN

07 - 16 FEB 2018 | NOVEMBER | DISEMBER  
BERMULA **RM4,100** ALL IN

13 - 22 APRIL 2018  
**TURKI**  
BERMULA **RM3,899** ALL IN

21 - 30 JUN 2018  
**TURKI**  
BERMULA **RM4,100** ALL IN

OCTOBER  
**TURKI**  
BERMULA **RM4,100** ALL IN

### SEOUL

09 - 13 NOV 2017  
BERMULA **RM3,150** ALL IN

13 - 22 APRIL 2018  
**SEOUL**  
BERMULA **RM3,150** ALL IN

01 - 05 FEB 2018 | 08 - 12 FEB 2018 | 01 - 05 MAC 2018  
BERMULA **RM2,990** ALL IN

**PAKEJ RUMAH**

**PAKEJ TAMAR**

### PAKEJ UMRAH

TARIKH	HARGA(RM)	HOTEL MEKAH	HOTEL MADINAH
13 - 24 DIS 2017	DEWASA: 7,150 KANAK: 6,800	MEKAH AT-TAQWA 200-300M	MADINAH CONCORDE HOTEL 150M
17 - 28 JAN 2018	DEWASA: 6,890 KANAK: 6,590	MEKAH AT-TAQWA 200-300M	MADINAH CONCORDE HOTEL 150M
01 - 12 FEB 2018	DEWASA: 6,890 KANAK: 6,590	MEKAH AT-TAQWA 200-300M	MADINAH CONCORDE HOTEL 150M
01 - 12 MAC 2018	DEWASA: 6,890 KANAK: 6,590	MEKAH AT-TAQWA 200-300M	MADINAH CONCORDE HOTEL 150M
04 - 15 APRIL 2018	DEWASA: 6,890 KANAK: 6,590	MEKAH AT-TAQWA 200-300M	MADINAH CONCORDE HOTEL 150M
18 - 28 FEB 2017	DEWASA: 6,790 KANAK: 6,490	MEKAH LULU'AT 400-600M	MADINAH CONCORDE HOTEL 150M
18 - 29 APRIL 2018	DEWASA: 5,890 KANAK: 5,590	MEKAH LULU'AT 400-600M	MADINAH CONCORDE HOTEL 150M

**PELBAGAI DESTINASI MENARIK!**

**HUBUNGI**  
☎ **+603 - 6184 1542**